

**KEPELBAGAIAN GAYA PEMBELAJARAN DAN
KEMAHIRAN BELAJAR PELAJAR UNIVERSITI
DI FAKULTI PENDIDIKAN, UTM JOHOR**

**(CONTRASTING LEARNING STYLES AND STUDY SKILLS
AMONG UNIVERSITY STUDENTS AT
THE FACULTY OF EDUCATION, UTM JOHOR)**

**DR BAHARIN ABU
PM DR OTHMAN MD JOHAN
PM SYED MOHD SHAFIQ SYED MANSOR
HALIZA JAAFAR**

**RESEARCH VOTE NO:
71881**

**Jabatan Asas Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

2007

PENGHARGAAN

Setinggi-tingginya penghargaan kepada pihak RMC UTM yang membiayai penyelidikan ini (Vot Penyelidikan 71881)

Terima kasih yang tidak terhingga kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan yang sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama dalam membantu menjayakan penyelidikan ini.

Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan staf pengurusan Fakulti Pendidikan, dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penyelidikan ini. Tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, penyelidikan dan laporan projek ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna.

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar universiti. Kajian ini melibatkan seramai 310 orang responden yang terdiri daripada 82 orang lelaki dan 228 orang perempuan pelajar tahun 2 hingga akhir program Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai pengkhususan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrumen soal selidik dengan skala empat mata bagi mengukur lima kategori gaya pembelajaran dan enam aspek kemahiran belajar. Lima kategori gaya pembelajaran oleh Dunn dan Dunn adalah kategori Persekitaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal dan Psikologikal dan kemahiran belajar. Enam aspek kemahiran belajar adalah Kemahiran Membaca, Kemahiran Menguruskan Masa, Kemahiran Menulis Nota, Kemahiran Mendengar, Kemahiran Membuat Rujukan dan Kemahiran Menghadapi Peperiksaan. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini adalah 0.83. Dapatan kajian mendapati kategori Emosional (min 3.09, SP=0.63) adalah gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan oleh responden kajian. Kategori yang kedua adalah kategori Psikologikal (min 2.98, SP=0.84), diikuti ketiga ialah kategori Fizikal (min 2.87, SP=0.72), keempat ialah kategori Persekitaran (min 2.81, SP=0.70) dan kelima oleh kategori Sosiologikal (min 2.81, SP=0.74). Keseluruhannya tahap kemahiran belajar pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, UTM berada pada tahap sederhana. Skor min bagi tiga kemahiran iaitu Kemahiran Membuat Rujukan ialah 3.09 (SP=0.58), Kemahiran Mendengar minnya 3.04 (SP=0.64) dan Kemahiran Mengambil dan Menulis Nota min 3.03 (SP=0.71) berada pada tahap tinggi manakala selebihnya Kemahiran Membaca minnya 2.94 (SP=0.66), Kemahiran Menghadapi Peperiksaan min 2.88 (SP=0.72) dan Kemahiran Menguruskan Masa min 2.80 (SP=0.75) berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian menunjukkan kepelbagaian gaya pembelajaran dan tahap kemahiran belajar memberi kesan yang berbeza terhadap tabiat dan kesungguhan pembelajaran akademik pelajar. Di samping itu, dikemukakan juga cadangan kajian untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

ABSTRACT

The study examines undergraduate university students' learning styles and study skills level. A total of 310 undergraduate students of different study years and programs at the Education Faculty, Universiti Teknologi Malaysia involved in the study. The respondents comprised of 82 male and 228 female students. The study employed a set of questionnaire measuring on students' different learning styles and study skills using four point scales. The five categories of learning styles by Dunn and Dunn are Environmental, Emotional, Sociological, Physical and Psychological. The six aspects of study skills are Referencing, Listening, Note-taking, Reading, Preparing for Examination and Managing Time. The Cronbach Alpha coefficient for the instrument is 0.83. The result showed that the students' learning styles were mainly of Emotional category with mean score 3.09 (SD=0.63), second was Psychological category (mean 2.98, SD=0.84), third was Physical category (mean 2.87, SD=0.72), fourth was Environmental category (mean 2.81, SD=0.70) and finally, Sociological category (mean 2.81, SD=0.74). Generally, the students' study skills level was found to be moderate. The mean score for Referencing Skill was 3.09 (SD=0.58), Listening Skill (mean 3.04, SD=0.64) and Note-taking Skill (mean 3.03, SD=0.71) were categorized as highest level. Three other skills i.e. Reading (mean 2.94, SD=0.66), Preparing for Exam (mean 2.80, SD=0.72) and Managing Time (mean 2.80, SD=0.75) were recorded at the moderate level. The different styles and study skills level adopted by students have directly influenced students' orientations and approaches to learning. Finally, several recommendations were given to enhance students' teaching and learning effectiveness.

ISI KANDUNGAN

BAB PERKARA	MUKA SURAT
JUDUL	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI LAMPIRAN	vii

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	3
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	5
1.6	Skop dan Batasan Kajian	6
1.7	Definisi Istilah	7
1.8	Kesimpulan dan Organisasi Bab	8

BAB 2 : SOROTAN PENULISAN

2.0	Pengenalan	9
2.1	Gaya Pembelajaran	9
2.1.1	Model Dunn dan Dunn	9
2.1.1.1	Rangsangan Persekitaran	11
2.1.1.2	Rangsangan Emosional	12
2.1.1.3	Rangsangan Sosiologikal	13
2.1.1.4	Rangsangan Fizikal	14
2.1.1.5	Rangsangan Psikologikal	15
2.1.2	Model Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford	17
2.1.3	Model Gaya Pembelajaran Kolb	19
2.1.4	Model Gaya Pembelajaran Canfield	20
2.1.6	Model Gaya Pembelajaran Mengikut Rahil et al.	21

2.2	Kemahiran Belajar	22
2.2.1	Kemahiran Membaca	22
2.2.1.1	Kemahiran Semasa Membaca	23
2.2.1.2	Teknik Membaca SQ3R	23
2.2.1.3	Teknik Membaca SQ4R	24
2.2.1.4	Teknik Membaca KWLH	25
2.2.1.5	Teknik Membaca REAP	25
2.2.2	Kemahiran Mencatat Nota	26
2.2.3	Kemahiran Mengurus Masa	29
2.2.4	Kemahiran Mendengar	32
2.2.5	Kemahiran Membuat Rujukan	33
2.2.6	Kemahiran Menghadapi Peperiksaan	34
2.3	Masalah Pembelajaran	34
2.4	Pengajaran Pensyarah	35
2.5	Minat	36
2.6	Kemudahan Pembelajaran	37
2.7	Beban Tugas Pembelajaran	38
2.8	Pencapaian Akademik	39
2.9	Kesimpulan	40

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	41
3.1	Rekabentuk Kajian	41
3.2	Populasi dan Responden Kajian	41
3.3	Instrumen Kajian	44
3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	45
3.5	Prosedur Kajian	46
3.6	Penganalisan Data	46
3.7	Kesimpulan	47

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	48
4.1	Analisis Faktor Demografi Terpilih	48
4.2	Analisis Dapatan Kajian Bahagian B	51
4.2.1	Gaya Pembelajaran Pelajar	51
4.2.1.1	Gaya Pembelajaran Pelajar Kategori Persekitaran	52
4.2.1.2	Gaya Pembelajaran Pelajar Kategori Emosional	53
4.2.1.3	Gaya Pembelajaran Pelajar Kategori Sosiologikal	55
4.2.1.4	Gaya Pembelajaran Pelajar Kategori Fizikal	56

4.2.1.5	Gaya Pembelajaran Pelajar Kategori Psikologikal	58
4.2.2	Gaya Pembelajaran Dominan Pelajar	59
4.2.3	Tahap Kemahiran Belajar Pelajar	60
4.2.2.1	Kemahiran Membaca	60
4.2.2.2	Kemahiran Menulis dan Mengambil Nota	62
4.2.2.3	Kemahiran Menguruskan Masa	63
4.2.2.4	Kemahiran Mendengar	65
4.2.2.5	Kemahiran Membuat Rujukan	66
4.2.2.6	Kemahiran Menghadapi Peperiksaan	67
4.3	Kesimpulan	70

BAB 5 : RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	71
5.1	Rumusan Kajian	71
5.2	Perbincangan Kajian	72
5.2.1	Gaya Pembelajaran Pelajar	72
5.2.2	Kemahiran Belajar Pelajar	74
5.3	Cadangan Kajian	80
5.4	Cadangan Lanjutan	81
5.5	Kesimpulan	82

RUJUKAN	83
----------------	-----------

LAMPIRAN	90
-----------------	-----------

Lampiran A	Borang Soalselidik	90
-------------------	---------------------------	-----------

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pelajar mempunyai tahap motivasi yang berbeza, berbeza sikap terhadap pengajaran dan pembelajaran, memberi respon yang berbeza kepada persekitaran bilik darjah dan amalan pengajaran. Pelajar belajar dalam berbagai cara – dengan melihat dan mendengar, merefleksi dan melakukan, berfikir secara logik dan intuitif, dan menghafal, mengingat dan menggambarkan.

Pembelajaran tidak hanya berkaitan dengan penambahan pengetahuan dan mengingat semula maklumat yang dipelajari tetapi merupakan aktiviti menguasai konsep dan memahami maklumat pengetahuan dan seterusnya dapat mengaplikasikannya ke dalam kehidupan (Hargreaves, 1996). Pembelajaran melibatkan usaha menguasai kemahiran dan pengetahuan di samping membentuk sikap. Kajian dalam bidang psikologi dan pendidikan menunjukkan individu mempunyai kemahiran yang berbeza memproses maklumat. Kaedah tersendiri individu mencari, menyimpan dan mengeluarkan semula maklumat dikenali sebagai gaya pembelajaran (Felder dan Henriques, 1995). Oleh itu untuk berjaya, individu pelajar perlu memiliki sifat belajar dan menguasai kaedah belajar untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran.

Walaupun bagaimanapun, kemungkinan wujudnya pelajar yang berhadapan dengan konflik belajar apabila tidak memiliki gaya pembelajaran yang sesuai. Masalah berlaku apabila gaya pembelajaran pelajar tidak dapat disesuaikan dengan aktiviti dan gaya pengajaran pensyarah. Akibatnya pelajar menjadi bosan dan tidak menumpukan perhatian; menyebabkan mereka gagal mendapat markah tinggi dalam peperiksaan, kurang berminat pada subjek tertentu dan seterusnya berputus asa. (Baharin Abu, 2000; Felder & Silverman, 1988; Godleski, 1984; Oxford et al., 1991; Smith & Renzulli, 1984).

Kajian oleh Bass dan Greary (1996) merumuskan bahawa salah satu cara penentuan kecekapan atau prestasi seseorang individu mempelajari dan menguasai ilmu adalah dengan menyedari gaya pembelajarannya. Penggunaan kaedah atau gaya pembelajaran dapat

membantu seseorang mengetahui dan memahami pengetahuan dan kemahiran dalam proses pembelajaran. Gaya pembelajaran yang dimiliki juga dapat membantu seseorang untuk mengenalpasti situasi pembelajaran dan mempertingkatkan prestasi pembelajaran (Dunn dan Stevenson, 1997). Pelajar yang tahu menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan dirinya akan lebih mudah membantu mereka mencapai keputusan yang lebih cemerlang. Klavas (1994) dalam kajiannya mendapati setelah pelajar diperkenalkan dengan gaya pembelajaran dan menggunakannya telah mendapat keputusan lebih cemerlang. Kajian berpanjangan (longitudinal) oleh Dunn dan Dunn (1978) menghasilkan satu model gaya pembelajaran dan mengenalpasti 5 kategori gaya pembelajaran yang diamalkan oleh individu.

Di samping penyesuaian gaya pembelajaran dengan sifat individu, penguasaan kemahiran belajar juga penting untuk mencapai keputusan cemerlang. Menurut Selmes (1987), kemahiran belajar adalah kemahiran yang membolehkan seseorang pelajar mencari, menilai, memilih, menyusun, menyimpan dan menyampaikan ilmu pengetahuan. Kemahiran belajar merupakan keupayaan atau kecekapan yang dikuasai oleh seseorang pelajar untuk mengumpul, memproses dan menyimpan maklumat serta menuju ke arah pembelajaran seumur hidup.

Sehubungan dengan ini, proses pengajaran dan pembelajaran di universiti adalah untuk melengkapkan diri individu dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan dan seterusnya dapat membantu individu untuk menghadapi dunia pekerjaan dan berjaya dalam kehidupan. Dalam usaha untuk mendapat kejayaan akademik, kajian lalu telah menegaskan bahawa seseorang pelajar perlu menitikberatkan gaya pembelajaran dan kemahiran belajar yang diamalkan supaya dapat mengurangkan masalah belajar pelajar.

Oleh itu, kajian mengenai gaya pembelajaran, kemahiran belajar dan masalah belajar pelajar di universiti perlu dibuat supaya proses dan prestasi belajar pelajar dapat dipertingkatkan. Di samping itu, kesedaran mengenai pentingnya interaksi antara tiga elemen ini di kalangan pelajar juga boleh membantu pihak universiti dan pensyarah menyediakan persekitaran dan kaedah mengajar yang lebih sesuai dengan kecenderungan belajar pelajar (Baharin Abu, 2000).

1.1 Latar Belakang Masalah

Perbezaan atau variasi seseorang individu dengan norma kumpulan, sama ada dalam sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkahlaku, sosial atau bakat sememangnya wujud dalam sesebuah kumpulan (Santhi Suppiah, 1998; Dunn dan Dunn, 1978). Perbezaan dalam diri individu boleh dikesan berkait dengan aspek perkembangan fizikal, mental, emosi dan sosial. Akibatnya setiap individu pelajar mempunyai kepelbagaian dan kecenderungan gaya belajar yang berbeza, strategi belajar yang berbeza dan kadar pembelajaran yang berlainan. Ada di antara individu ini mempunyai gaya pembelajaran yang dominan, dan ada pula yang menggunakan gaya belajar yang berbeza disesuaikan mengikut persekitaran.

Kepelbagaian ini perlu dikenalpasti oleh para pengajar ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran supaya pengajar dapat membuat persediaan yang rapi dengan mengambil kira perbezaan latarbelakang dan pengetahuan sediaada ('prior knowledge') pelajar sebelum memulakan sesi pengajaran.

Kajian lepas menjelaskan untuk belajar lebih berjaya individu pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai model dan teknik pembelajaran. Malangnya, unsur ini kurang ditekankan oleh guru atau pensyarah. Sarena Abdul Karim (2003) menyatakan sistem pendidikan di Malaysia masih kurang menekankan aspek teknik belajar secara formal. Menurutnya lagi, kebanyakan pelajar mempelajari teknik atau kemahiran belajar secara secara kebetulan, tidak langsung atau terikut-ikut dengan rakan sebaya. Situasi ini wujud disebabkan pelajar tidak mempunyai panduan yang khusus untuk menghadapi pembelajaran mereka. Sangat sedikit pelajar didedahkan dengan model gaya pembelajaran dan kemahiran belajar semasa diperingkat awal persekolahan. Siti Hawa Munji (1987) telah membuat satu kajian mengkaji kemahiran belajar pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM). Hasil kajiannya mendapati kesedaran pelajar UPM tentang penggunaan kemahiran belajar yang berkesan di kalangan pelajar masih berada pada tahap yang rendah.

Dunn dan Dunn (1978) menyatakan bahawa kajian yang dijalankan oleh beliau sejak seabad yang lalu mendapati bahawa strategi belajar bagi seseorang sangat berbeza di antara satu sama lain. Dunn dan Dunn (1978) mendapati gaya pembelajaran gaya pembelajaran boleh dikategorikan kepada 5 kategori iaitu (1) Persekitaran, (2) Emosional, (3) Sosiologikal, (4) Fizikal dan (5) Psikologikal. Beliau mendapati bahawa kaedah, sumber dan program yang

disesuaikan dengan strategi pembelajaran seseorang pelajar dapat mempertingkatkan pencapaian akademik seseorang pelajar dan membawa individu mencapai ke tahap yang lebih cemerlang. Strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan jurusan atau kehendak kursus yang diambil juga akan memberi kesan positif kepada pencapaian akademik.

1.2 Pernyataan Masalah

Mempelajari kemahiran belajar yang sesuai merupakan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar yang ingin mencapai kejayaan yang cemerlang. Pelajar selalu menghadapi masalah untuk mencatat nota, merancang kerja, mengagihkan masa untuk belajar dan selalu tidak sempat habis membaca nota semasa peperiksaan.

Antara punca berlakunya kemerosotan pencapaian akademik para mahasiswa ialah mereka gagal menyesuaikan diri dengan cara pengajaran dan pembelajaran di universiti, di samping tidak mempunyai gaya pembelajaran yang betul (Baharin Abu, 2000, 2003; Abdul Ghani Awang, 1996). Akibatnya, ramai pelajar yang kurang berjaya gagal mencapai keputusan cemerlang mengakui diri mereka kekurangan pengetahuan dalam kemahiran belajar. Mereka tidak dapat mencari kemahiran belajar yang paling sesuai dengan sikap sendiri. Ini jelas menunjukkan betapa perlunya seseorang pelajar mengetahui gaya pembelajaran dan menguasai kemahiran belajar yang paling sesuai dengan diri sendiri terutamanya ketika menghadapi peperiksaan. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu adalah berbeza di antara satu sama lain. Menurut Dunn dan Dunn (1978), elemen-elemen yang mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar adalah seperti Persekitaran, Emosional, Sosiologi, Fizikal dan Psikologi. Model ini seterusnya dijadikan sebagai panduan kajian dalam mengesan gaya belajar pelajar 'undergraduate' di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Oleh itu, adakah pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza atau adakah mereka mengamalkan gaya pembelajaran yang sama? Apakah gaya pembelajaran yang menonjol (atau dominan) yang diamalkan oleh mereka? Di samping itu, adakah mereka mempunyai tahap amalan kemahiran belajar yang betul atau sebaliknya? Apakah sikap mereka terhadap kemahiran belajar dan aspek kemahiran belajar yang manakah yang kurang ditekankan oleh pelajar?

Justeru kajian ini dibuat untuk mengkaji gaya pembelajaran, kemahiran belajar dan masalah belajar di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan, UTM dari pelbagai tahun dan program pengajian supaya langkah yang betul dapat diambil untuk memperbaiki situasi yang berlaku, di samping untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan dan prestasi akademik pelajar.

1.3 Objektif Kajian

Terdapat 2 objektif disediakan dalam kajian ini, iaitu

1. Mengetahui pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan, UTM dari segi kategori Persekitaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal, dan Psikologikal mengikut Model Dunn dan Dunn.
2. Menentukan tahap kemahiran belajar pelajar di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan, UTM.

1.4 Persoalan Kajian

Berikut adalah persoalan kajian yang dibina bagi menjawab objektif yang disediakan.

1. Apakah kepelbagaian gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan, UTM dari segi kategori Persekitaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal, dan Psikologikal mengikut Model Dunn dan Dunn.? Apakah gaya pembelajaran yang dominan yang diamalkan oleh pelajar?
2. Apakah tahap kemahiran belajar pelajar di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan, UTM? Apakah aspek kemahiran belajar yang kurang diberi perhatian oleh pelajar?

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini, penyelidik berharap dapat memberi manfaat kepada peningkatan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, terutamanya kepada pelajar tahun akhir, fakulti dan pensyarah, dan pusat latihan dan perkembangan pengajaran dan pembelajaran. Khususnya hasil kajian ini dijangkakan dapat menyumbang kepada:

1. mendorong pelajar untuk meningkatkan prestasi belajar melalui amalan belajar yang betul dan mengetahui masalah gangguan belajar yang mereka boleh hadapi supaya langkah yang perlu boleh diambil untuk mengatasinya.
2. memberi panduan kepada pensyarah untuk memantapkan lagi pengajaran mereka supaya lebih bersesuaian dengan tahap pembelajaran pelajar. Pensyarah dapat memahami kehendak belajar pelajar mereka dan menggunakan maklumat kajian ini dalam merancang bahan mengajar atau merekabentuk kurikulum bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan gaya dan amalan belajar pelajar.
3. membantu fakulti mengesan masalah akademik pelajar dan memperbaiki persekitaran dan mutu pengajaran dan pembelajaran
4. membantu pihak universiti terutamanya kepada unit atau pusat kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran CTL di UTM untuk merancang dan melaksanakan aktiviti atau program yang meningkatkan kemahiran belajar dan mengajar untuk pelajar dan pensyarah.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Batasan kajian adalah responden dan kaedah kajian. Pertama, kajian ini hanya melibatkan responden pelajar tahun 2 hingga tahun akhir Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan, UTM sahaja. Oleh itu, generalisasi tidak boleh dibuat kepada semua pelajar berbagai fakulti di UTM dan juga kepada pelajar tahun satu di Fakulti Pendidikan.

Kedua, metodologi kajian ini mempunyai kekurangan berbanding gabungan penggunaan kaedah dan instrumen yang lain. Kajian ini menggunakan rekabentuk tinjauan dan hanya menggunakan soalselidik berpandukan kepada model lima kategori gaya pembelajaran Dunn dan Dunn iaitu Persekitaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal dan Psikologikal. Di samping itu, aspek kemahiran belajar yang dikaji tertumpu kepada kemahiran mengurus masa, kemahiran membaca, kemahiran mencatat nota, kemahiran membuat rujukan, kemahiran mendengar dan kemahiran menghadapi peperiksaan. Masalah belajar pelajar berpandukan respon bertulis pelajar dari soalan terbuka.

1.7 Definisi Istilah

Kajian ini menggunakan definisi istilah berdasarkan kepada konsep atau model berikut.

i. Gaya Pembelajaran

Model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn digunakan dalam kajian ini. Menurut Dunn dan Dunn (1978), gaya pembelajaran didefinisikan sebagai cara seseorang mula menumpu perhatian, memproses dan mengingat sesuatu maklumat yang baru dan susah. Model 5 Kategori Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn ialah Persekitaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal dan Psikologikal.

ii. Kemahiran belajar

Enam aspek kemahiran belajar yang dikaji iaitu kemahiran mengurus masa, kemahiran membaca, kemahiran mencatat nota, kemahiran membuat rujukan, kemahiran mendengar dan kemahiran menghadapi peperiksaan yang dijangka mempengaruhi prestasi akademik dan belajar seseorang (Yahya Othman, 2003; Mohd Nashuha Jamidin et al., 1995). Kemahiran mengurus masa adalah cara menggunakan masa dengan betul. Kemahiran membaca adalah proses berfikir yang melibatkan pemikiran berkaitan dengan perkara tersurat, tersirat dan mengaplikasikan maklumat baru ke dalam situasi baru. Kemahiran menulis nota adalah merekod isi-isi penting atau maklumat yang diperolehi melalui kuliah, daripada buku ataupun daripada sumber lain. Kemahiran membuat rujukan adalah membaca atau mencari bahan rujukan tambahan untuk mendapatkan maklumat dan kemahiran mendengar adalah aktiviti mendengar dan menyimpan maklumat yang diterima dengan maklumat yang sedia ada dalam ingatan. Kemahiran menghadapi peperiksaan adalah mengetahui cara menghadapi dan bersedia untuk peperiksaan.

iii. Masalah Belajar, Pengajaran dan Pembelajaran

Masalah yang dikaji merujuk kepada aspek penyampaian dan pengajaran pensyarah, minat dan sikap belajar pelajar dan penggunaan aktiviti dan sumber pembelajaran. Pengajaran pensyarah merujuk kepada proses pengajaran yang dilaksanakan yang menghasilkan kesan pembelajaran di kalangan pelajar (Mok Soon Sang, 2001). Minat menurut Kamus Dewan

(2000), minat adalah kecenderungan dan kesukaan manakala sikap merujuk kepada kesungguhan dan kesanggupan untuk melakukan sesuatu.

1.8 Kesimpulan dan Organisasi Bab

Bab ini menjelaskan masalah kajian yang melibatkan responden dari pelajar tahun akhir program Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan, UTM. Laporan kajian ini dibahagikan kepada 5 bahagian. Bab 1 membincangkan pengenalan kajian iaitu latarbelakang, masalah kajian dan objektif dan persoalan kajian. Bab 2 sorotan penulisan menjelaskan rujukan kajian lalu berkaitan dengan masalah kajian. Bab 3 adalah metodologi kajian. Bab IV pula membincangkan analisis data dan dapatan kajian. Bab V menyatakan rumusan, perbincangan dan cadangan kajian.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bahagian ini memberikan huraian literatur mengenai kajian ini. Huraian dibuat merujuk kepada tiga perkara iaitu gaya pembelajaran, kemahiran belajar dan masalah belajar. Perbincangan bahagian ini merujuk kepada kajian lepas yang mengenai gaya pembelajaran, kemahiran belajar dan masalah belajar pelajar yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

2.1 Gaya Pembelajaran

Terdapat berbagai model gaya pembelajaran (Honey dan Mumford, 1992; Dunn dan Dunn, 1978). Honey dan Mumford (1992) mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai penerangan ke atas sikap dan tingkah laku belajar yang diamalkan oleh individu. Menurut Dunn dan Dunn (1978), gaya pembelajaran adalah cara seseorang mula menumpu perhatian, memproses dan mengingat sesuatu maklumat yang sukar atau baru. Tujuan menguji gaya pembelajaran adalah untuk (a) mengenalpasti gaya pembelajaran yang paling berkesan bagi sesuatu individu, (b) mengenalpasti gaya pembelajaran yang tidak ketara, (c) mengenalpasti gaya pembelajaran secara tepat melalui instrumen tertentu, (d) mengelakkan salah tafsir tingkah laku dan mengenali tanda-tanda tingkah laku tertentu. Terdapat pelbagai model gaya pembelajaran seperti yang dijelaskan dalam bahagian yang seterusnya. Kajian ini menggunakan model Dunn dan Dunn untuk mengukur gaya pembelajaran responden kajian.

2.1.1 Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978)

Model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) menyatakan bahawa gaya pembelajaran merupakan kaedah seseorang menumpu, memproses, menyerap dan mengingat maklumat atau kemahiran yang baru dan sukar. Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn adalah berdasarkan prinsip-prinsip berikut: a) kebanyakan individu mampu dan boleh belajar, b) setiap individu mempunyai gaya pembelajaran tertentu, c) gaya pembelajaran individu akan bertindak balas dengan iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran, dan d)

iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dapat disesuaikan dengan gaya pembelajaran seseorang itu akan dapat mengoptimalkan proses pembelajaran. Dunn dan Dunn menyatakan individu pelajar dapat mempertingkatkan prestasi mereka sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran dapat disesuaikan dengan mengikut gaya pembelajaran mereka.

Dunn dan Dunn (1978) mengkategorikan gaya pembelajaran kepada 5 bahagian iaitu Persekitaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal dan Psikologikal. Model Dunn dan Dunn telah digunakan untuk mengkaji pelbagai jenis pelajar dari peringkat tadika sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Lima kategori ini mempengaruhi keupayaan seseorang individu terhadap persekitaran pembelajarannya. Rajah 2.1 di bawah menjelaskan elemen yang terdapat dalam gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978).

Rajah 2.1: Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978)

PERSEKITARAN	BUNYI	CAHAYA	SUHU	REKA BENTUK	
EMOSIONAL	MOTIVASI	KECEKALAN	TANGGUNG JAWAB	STRUKTUR	
SOSIOLOGIKAL	RAKAN SEBAYA	KENDIRI	BERKUMPULAN	DEWASA	PELBAGAI
FIZIKAL	PERSEPSI INDERA	MAKAN MINUM	MASA	MOBILITI	
PSIKOLOGIKAL	ANALITIK	GLOBAL	OTAK KIRI/KANAN	REFLEKSI DIRI	DESAKAN

(Sumber: Dunn dan Dunn, 1978)

Dunn dan Dunn mengenalpasti lima jenis rangsangan yang menghasilkan gaya pembelajaran yang berbeza iaitu:

A. Rangsangan Persekitaran

Rangsangan persekitaran merujuk kepada elemen-elemen cahaya, bunyi, suhu dan rekabentuk.

i. Cahaya

Dunn dan Dunn mendapati cahaya memberikan kesan yang berbeza pada individu dan terdapat pelajar sangat sensitif terhadap cahaya. Kajian Dunn dan Dunn (1978) mendapati terdapat individu memerlukan persekitaran cahaya terang semasa belajar. Menurut Siti Hawa Munji (1989), terdapat sebilangan pelajar yang gemar cahaya terang kerana pencahayaan yang samar akan membuatkan mata mereka cepat letih atau mengantuk. Ada pelajar yang tidak suka sinaran cahaya yang terlalu terang kerana. Walaubagaimanapun, Tobias (1996) menyatakan bahawa terdapat pelajar tidak mengendahkan keperluan cahaya yang terang sewaktu belajar.

ii. Bunyi

Menurut kajian Dunn dan Dunn (1978), terdapat individu yang memerlukan bunyi seperti muzik di persekitaran mereka semasa belajar. Oleh itu, mereka akan memasang radio atau televisyen sewaktu belajar (terutamanya ketika larut malam) kerana bunyi dari radio atau televisyen akan dapat mengatasi suasana yang sunyi itu dan dapat memberi lebih kosentrasi terhadap pelajaran mereka. Bagi mereka yang suka belajar dalam suasana yang sunyi pula, mereka lebih gemar belajar bersendirian berbanding secara berkumpulan kerana perbincangan yang berlaku dalam kumpulan akan mengganggu kosentrasi mereka. Menurut Ibrahim Abu Samah (1995), didapati faktor persekitaran yang bising serta tidak menyenangkan boleh mengurangkan minat pelajar terhadap pembelajaran mereka. Hakikat ini jelas menunjukkan bahawa suasana persekitaran yang berbeza akan melahirkan gaya pembelajaran yang berbeza (Garger, 1984). Kebanyakan pelajar memerlukan persekitaran yang sunyi dan senyap untuk belajar supaya untuk menumpu perhatian terhadap pelajaran mereka.

iii. Suhu

Setiap individu mempunyai tindak balas yang berbeza terhadap suhu persekitaran (Dunn dan Dunn, 1978). Proses pembelajaran adalah lebih berkesan sekiranya dilaksanakan dalam suasana nyaman dan berhawa dingin. Suhu yang panas akan menyebabkan fikiran dan emosi

seseorang terganggu dan cepat merasa mengantuk dan akan menyebabkan produktiviti seseorang. Pun begitu, terdapat juga pelajar yang tidak dapat menumpukan perhatian dalam suasana yang sejuk hawa dingin.

iv. Rekabentuk

Menurut Garger (1985), gaya pembelajaran individu ditentukan oleh personaliti individu yang berbeza. Pelajar yang gemar belajar dalam keadaan formal memerlukan satu tempat yang khas untuk aktiviti pembelajaran mereka seperti sebuah meja dan kerusi. Golongan pelajar gemarkan keadaan formal amat berstruktur dan mempunyai personaliti introvert. Bagi pelajar yang suka belajar di tempat informal misalnya sebuah kerusi berkusyen, katil atau lantai, mereka dikaitkan mempunyai personaliti ekstrovert. Pelajar perlu tahu memilih tempat pembelajaran yang sesuai dan selesa untuk mereka memberikan konsentrasi terhadap pelajaran.

B. Rangsangan Emosional

Rangsangan emosional terdiri daripada elemen-elemen seperti motivasi, kecekalan, tanggungjawab dan struktur.

i. Motivasi

Motivasi merupakan daya penggerak utama yang menjamin kejayaan seseorang dengan kecenderungan menyeluruh untuk bertindak pada masa tertentu. Apabila seseorang mendapat dorongan, dia akan mempunyai keinginan yang kuat untuk bertindak ke arah mencapai matlamat (Siti Hawa Munji, 1990). Bagi pelajar yang memerlukan motivasi ekstrinsik, mereka selalu didesak atau digalakkan supaya bertindak untuk mendapatkan ganjaran. Dalam pembelajaran, insentif diberikan dalam bentuk markah, gred, hadiah dan kedudukan dalam kelas. Pada akhir satu peringkat pembelajaran, keputusan peperiksaan yang baik, sijil dan suratakuan merupakan insentif yang mendorong pelajar supaya lebih berusaha dengan lebih tekun. Motivasi intrinsik juga penting untuk pelajar bagi memberikan dorongan dalaman kepada mereka untuk turut serta dalam aktiviti pembelajaran. Dorongan dalaman ini adalah seperti keperluan, minat, sikap dan emosi yang semulajadi ataupun berpandukan pengalaman serta kehendak persekitaran. Apabila pelajar sukar memahami dan memperoleh pengetahuan dalam sesuatu pengajaran, pelajar mudah kehilangan minat dan kurang memberi tumpuan.

ii. Kecekalan

Kecekalan penumpuan yang tinggi bagi seseorang individu dapat membantu pelajar belajar dalam tempoh masa yang panjang. Tahap kecekalan yang berbeza antara individu menyebabkan mereka memerlukan waktu dan tempoh masa rehat yang berbeza. Ada segelintir pelajar yang mudah hilang minat serta berasa bosan terhadap kerja kerana mereka hanya mampu menumpukan perhatian dalam jangka masa yang pendek sahaja. Ramai pelajar mempunyai perangai suka menanggukkan kerja terutama apabila tugas yang diberikan itu membosankan, sukar serta memerlukan usaha yang lama untuk menyiapkannya.

iii. Tanggungjawab

Individu yang ingin berjaya belajar perlu tekun bertanggungjawab (Bell, 1972). Pelajar yang mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap pelajarannya akan sentiasa melaksanakan tugasannya dengan inisiatif sendiri (Dunn dan Dunn, 1978). Namun begitu, terdapat juga pelajar mengabaikan dan tidak akan menyiapkan kerja dengan baik.

iv. Struktur

Arahan yang jelas dan berstruktur mendorong pelajar untuk belajar dengan lebih berkesan, namun begitu terdapat juga pelajar yang suka belajar dengan gaya bebas. Dunn dan Dunn (1978) mendefinisikan struktur sebagai suatu peraturan spesifik yang digunakan untuk melaksanakan kerja dan menyiapkan tugas. Pelbagai jenis struktur yang berbeza yang diambil oleh pelajar bergantung kepada cara belajar setiap individu dan kebolehannya membuat keputusan.

C. Rangsangan Sosiologi

Rangsangan sosiologi terdiri daripada elemen-elemen seperti diri sendiri, berpasangan, berkelompok atau dengan rakan sebaya atau orang dewasa. Dunn dan Dunn (1978) menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara terus oleh guru kepada pelajar.

i. Diri sendiri

Terdapat individu yang lebih suka belajar bersendirian dan tidak mahu gangguan sewaktu mereka belajar. Mereka lebih selesa bersendirian berbanding belajar bersama rakan sebaya

kerana kurang gemar membuang masa untuk bercakap sesama rakan menyebabkan tidak dapat menumpukan terhadap pelajaran.

ii. Berpasangan

Individu yang belajar secara berpasangan adalah individu yang lebih suka belajar dengan kehadiran individu rapat bersamanya. Pasangannya adalah teman paling karib dan mereka dapat berinteraksi secara dua hala apabila bersama.

iii. Rakan Sebaya

Pembelajaran dalam bentuk kumpulan yang pada kebiasaannya melibatkan lebih daripada dua orang rakan sebaya yang banyak melibatkan perbincangan, sumbangsaran dan perkongsian idea-idea tentang cara pembelajaran yang berkesan.

iv. Orang Dewasa

Orang dewasa menjadi tempat untuk mereka menyoal atau mengemukakan soalan apabila menghadapi sesuatu masalah pembelajaran. Bagi pelajar yang kurang selesa belajar dengan pelajar yang sebaya dengannya, mereka lebih selesa belajar bersama guru atau orang dewasa.

D. Rangsangan Fizikal

Rangsangan fizikal terdiri daripada elemen-elemen seperti persepsi, makanan, minuman, waktu belajar dan pergerakan.

i. Persepsi Pancaindera

Menurut Atan Long (1988), pembelajaran merupakan satu proses yang bermula dengan penangkapan rangsangan yang diterima oleh pancaindera. Persepsi pancaindera merujuk kepada penggunaan variasi semua lima pancaindera sewaktu memproses dan mengingat maklumat oleh setiap individu. Model Dunn dan Dunn mendedahkan keperluan variasi cara belajar. Model beliau menekankan pembelajaran menggunakan kaedah untuk mengingat informasi iaitu secara visual, auditif, taktual dan kinestetik.

Belajar secara auditif akan membantu pelajar melalui pengeluaran bunyi sewaktu belajar supaya dirinya dapat mendengar dan mengingat. Pelajar lebih selesa belajar dengan mendengar kepada instruksi verbal iaitu mengingat dengan membentuk suara dengan kata-kata. Belajar secara visual ialah belajar melalui pengamatan kepada asosiasi visual yang

kuat. Pelajar yang menggunakan kaedah visual lebih cenderung untuk membaca buku-buku yang dipenuhi dengan ilustrasi dan gambar. Kaedah belajar taktual adalah pembelajaran melalui sentuhan kerana penterjemahan serta penggabungan pembelajaran tidak akan berlaku tanpa menyentuh bahan yang ingin dipelajari. Pembelajaran menggunakan kaedah kinestetik pula adalah pembelajaran melalui melakukan aktiviti fizikal dan gerak kerja.

ii. Makanan Dan Minuman

Terdapat individu belajar dengan lebih berkesan sekiranya mereka makan dan minum semasa belajar. Selain itu, tekanan ketika belajar dapat dikurangkan melalui makan dan minum. Manakala terdapat pelajar yang kurang gemar makan sewaktu belajar tetapi akan makan selepas belajar kerana bagi mereka makan dan minum akan mengurangkan daya tumpuannya semasa menjalankan aktiviti pembelajaran.

iii. Waktu/Tempoh Belajar

Waktu belajar memainkan peranan membantu pelajar sama ada berasa lebih segar apabila belajar di waktu pagi atau gemarkan persekitaran yang sunyi dan tenteram di waktu malam untuk mendapat proses pembelajaran berkesan. Kepentingan waktu perdana mampu menyelesaikan tugas yang diberi. Waktu perdana sangat penting kerana ketika itulah pelajar akan dapat belajar dengan paling berkesan (Dunn dan Dunn, 1978). Menurut Haynes (1989), waktu perdana didefinisikan sebagai waktu bagi seseorang itu paling bertenaga untuk menyiapkan sesuatu tugas dengan baik.

iv. Pergerakan/Mobiliti

Terdapat pelajar yang gemar beralih tempat duduk sekiranya belajar untuk jangka masa yang lama. Mereka perlu melakukan sedikit pergerakan dalam proses pembelajaran tersebut, misalnya bergerak untuk mendapatkan makanan, minuman, berpindah ke tempat lain bagi meneruskan pembelajaran dan sebagainya (Dunn dan Dunn, 1978). Dalam setiap proses pembelajaran, waktu rehat merupakan satu kemestian bagi setiap pelajar.

E. Rangsangan Psikologi

Rangsangan psikologi terdiri daripada elemen-elemen yang berikut iaitu analitik/global, impulsif/reflektif, dominan otak kiri/dominan otak kanan.

i. Analitik/Global

Pelajar analitik melakukan tugas secara terperinci dan lebih fokus dengan setiap aktiviti pembelajaran yang dilakukan. Golongan pelajar ini hanya melakukan satu perkara sahaja dalam satu masa. Berlainan pula dengan pelajar yang global kerana pelajar ini akan melihat sesuatu gambaran itu dengan lebih luas dan terbuka. Pelajar ini akan lebih cenderung untuk bekerjasama dalam bentuk kumpulan berbanding secara individual. Pelajar tersebut gemar melakukan banyak perkara dalam satu masa. Pelajar holistik melihat aspek secara meluas dan membuat rumusan secara menyeluruh.

ii. Impulsif/Reflektif

Individu yang impulsif gemar membuat keputusan yang cepat dan sering mengikut gerak hati apabila melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala, individu yang reflektif lebih berhati-hati semasa membuat kerja. Individu ini sangat prihatin dan berfikir mendalam sebelum melibatkan diri dalam proses pembelajaran.

iii. Dominan Otak Kiri/Dominan Otak Kanan

Otak manusia terbahagi kepada dua bahagian iaitu otak kiri (HOKI) dan otak kanan (HOKA). Fungsi otak yang berbeza ini mempengaruhi gaya pembelajaran setiap individu. Otak kiri manusia mengawal tindakan manusia dari aspek bahasa, matematik, logik, sekuens, linear dan analisis. Manakala otak kanan pula berfungsi dalam aspek bentuk, ruang, lukisan, corak, holistik, rentak dan irama.

Model Dunn dan Dunn di atas menunjukkan individu mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza berdasarkan kecenderungan belajar individu tersebut. Gaya pembelajaran individu didapati bertindak balas dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran, sumber dan iklim. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran, sumber dan iklim yang disesuaikan dengan gaya pembelajaran seseorang dapat mengoptimumkan proses pembelajaran dan prestasi belajar individu.

Menggunakan model Dunn dan Dunn, kajian Low Xin Xin (2003) mendapati bahawa kategori emosional merupakan gaya pembelajaran yang paling dominan oleh pelajar yang mengambil mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di Sekolah Menengah Sains Muar. Dapatan kajian menunjukkan motivasi yang diberi oleh keluarga, ibu bapa adalah penting untuk mendorong mereka berusaha lagi dalam pembelajarannya. Manakala kategori yang kurang

diutamakan oleh pelajar adalah kategori sosiologikal. Hasil kajiannya juga mendapati pelajar lebih cenderung untuk belajar bersendirian berbanding dengan berkumpulan kerana pelajar membazirkan masa untuk bercakap sesama rakan dan tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya sekiranya belajar dalam kumpulan.

Berpandukan kepada kajian yang dijalankan oleh Yee Mei Heong (2002) pula, kategori Sosiologikal merupakan elemen yang paling dominan dalam mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar Tingkatan Empat yang mengikuti aliran teknik di Sekolah Menengah Teknik Perdagangan, Johor. Kajian beliau mendapati ada masa pelajar suka belajar secara bersendirian tetapi ada kalanya suka bersama rakan. Sementara itu, kategori yang kurang diutamakan oleh pelajar adalah kategori fizikal. Pelajar adalah lebih cenderung dalam kaedah kinestetik dan visual tetap lemah dalam auditif.

2.1.2 Model Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford

Menurut Honey dan Mumford (1992), gaya pembelajaran didefinisikan sebagai penerangan ke atas sikap dan tingkah laku individu yang mengamalkannya. Honey dan Mumford (1983) membahagikan gaya pembelajaran kepada 4 kumpulan iaitu aktivis, reflektif, teoritis dan pragmatis.

i. Aktivis

Individu yang mempunyai gaya pembelajaran aktivis dikategorikan sebagai individu yang berminat kepada pengalaman dan 'obses' terhadap kaedah berpasukan. Mereka juga bersikap ingin mencuba sesuatu yang baru. Kehidupan mereka adalah aktif dan sentiasa dipenuhi dengan aktiviti. Mereka berminat kepada pengalaman baru, yang mencabar tetapi mereka mudah berasa bosan terhadap peraturan yang terperinci. Individu ini biasanya bertindak dahulu sebelum mempertimbangkan kesannya. Mereka kebiasaannya menyelesaikan masalah melalui kaedah sumbangsaran.

Golongan pelajar ini tidak memerlukan dorongan daripada orang lain ataupun menunggu seseorang yang akan memberi dorongan kepadanya. Mereka lebih selesa untuk mengambil tindakan atas inisiatif sendiri. Individu aktivis merupakan seorang yang peramah dan suka bersosial tetapi aktiviti yang dilakukan sering tertumpu kepada persekitaran dirinya sendiri. Individu yang mempunyai gaya pembelajaran aktivis mempunyai fikiran terbuka dan ingin mengambil tahu akan perkembangan terbaru dalam pembelajaran serta persekitarannya.

Golongan aktivis adalah golongan yang kreatif dan mampu menghasilkan idea-idea serta jalan penyelesaian yang kreatif dan menarik dalam situasi-situasi pengajaran dan pembelajaran yang ditimbulkan oleh guru. Oleh kerana mereka ada banyak idea, guru perlu mengatur strategi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan aktiviti sumbangsaran, perbincangan dan sesi buzz.

ii. Reflektif/reflektor

Individu yang mempunyai gaya pembelajaran reflektif/reflektor berminat dalam mengulas pengalaman dan suka membuat pemerhatian melalui pelbagai perspektif. Mereka akan mengumpulkan maklumat yang banyak dan menganalisis pengalaman tersebut sebelum membuat sesuatu keputusan. Mereka biasanya memberi keutamaan dalam mengumpul dan menganalisis maklumat maka keputusan yang dibuat akan memakan masa yang agak lama. Mereka selalunya berfikir sebelum membuat tindakan. Mereka sangat berhati-hati dan gemar menjauhkan diri daripada terlibat dengan perbincangan sebaliknya berminat memerhati tingkah laku manusia di sekelilingnya.

Mereka suka melibatkan diri dalam matapelajaran Sains dan sering membuat kesimpulan berdasarkan pemerhatian sendiri, pemerhatian rakan serta pemerhatian orang dewasa. Persepsi dan pengamatan mereka tajam dan sensitif terhadap perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Kemahiran memerhati dan berfikir mereka adalah tinggi.

iii. Teoris

Seseorang yang mengamalkan gaya pembelajaran secara teoritis mementingkan situasi-situasi bermatlamatkan logik. Mereka mudah terangsang kepada teori, model dan sistem pemikiran yang praktikal atau menerima unsur logik. Masalah diselesaikan secara penaaakulan langkah demi langkah yang logik iaitu melalui kaedah menganalisis serta mensintesis. Mereka berpegang kepada 'jika ianya logik maka ia boleh digunakan'. Mereka sering mempersoalkan tentang dasar bagi sesuatu perkara yang diketengahkan. Oleh itu, mereka lebih bersifat analitik dan mengutamakan ketetapan daripada bersifat global dan subjektif.

Aspek emosi adalah tidak begitu penting untuk individu yang mempunyai gaya pembelajaran teoritis. Mereka lebih mementingkan rumusan atau kesimpulan yang dibuat berasaskan bukti, analisis, kenyataan atau idea. Oleh sebab itu, rumusan atau kesimpulan yang dihasilkan oleh mereka adalah kurang kreatif kerana terkongkong oleh bukti dan logik.

Secara saintifiknya, mereka cenderung untuk menggunakan otak kiri untuk memproses maklumat yang mereka perolehi. Mereka bersifat objektif dalam melihat sesuatu pandangan atau idea daripada pelbagai perspektif supaya mereka dapat melihat situasi tersebut dengan lebih jelas. Kajian mendapati golongan lelaki didapati lebih cenderung kepada gaya pembelajaran teoris.

iv. Pragmatis

Kajian mendapati mereka yang mengamalkan gaya pembelajaran pragmatis adalah lebih konfiden, banyak bercakap dan lebih proaktif mengikut perkembangan dan sentiasa mengekalkan tahap emosi yang tinggi. Golongan ini tertumpu kepada isu-isu yang praktikal dan berminat mengaitkan pembelajaran yang telah dipelajarinya dengan kaedah semasa yang digunakan. Mereka gemar mencuba idea, teori dan teknik untuk menguji sama ada ia berguna atau tidak dalam situasi sebenarnya.

Golongan pragmatis berpegang kepada 'kaedah sentiasa ada' dan 'jika kaedah itu berguna maka ianya baik'. Mereka gemar membincangkan perkara yang tidak mempunyai objektif dan tidak mempunyai keputusan tetap kerana mereka adalah golongan yang suka membuat keputusan secara praktikal dan gemar menyelesaikan masalah secara cuba jaya. Mereka adalah golongan yang ekspresif iaitu mereka berasa puas hati apabila mereka berjaya dalam sesuatu perkara baru atau eksperimen. Pelajar pragmatis juga bersifat kreatif dan inovatif kerana mereka akan sentiasa cuba untuk memperbaiki sesuatu idea supaya ia dapat digunakan sebaik-baiknya dalam situasi yang sebenar. Pada kebiasaannya pelajar pragmatis adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan mereka menggunakan otak kanan untuk memproses maklumat yang diperolehi.

2.1.3 Model Gaya Pembelajaran Kolb (1984)

Kolb (1984) telah membahagikan gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar kepada empat kategori iaitu imaginatif dan kreatif, teori analisis, praktik dan intuitif dinamik.

Individu yang mengamalkan gaya pembelajaran secara imaginatif dan kreatif akan membuat pengamatan terhadap maklumat yang ada secara konkrit dan seterusnya memproses maklumat tersebut secara reflektif. Persoalan yang sering bermain di fikiran mereka ialah 'mengapa?'. Golongan ini suka mencari makna dan sebab-sebab mempelajari sesuatu

maklumat itu. Mereka sukakan pelbagai aktiviti yang membolehkan mereka berinteraksi dan berkongsi idea-idea bersama-sama orang lain.

Manakala bagi golongan pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran teori analisis pula sukakan persoalan mengenai ‘apa dia?’. Maklumat yang diperolehi oleh mereka adalah secara abstrak dan maklumat tersebut diproses secara reflektif. Mereka suka mencari fakta-fakta untuk menjelaskan konsep-konsep dan membuat analisis tentang sesuatu maklumat.

Golongan pelajar jenis praktik pula suka mempersoalkan tentang ‘bagaimanakah ia berfungsi?’. Mereka ingin mengetahui kaedah atau cara-cara sesuatu benda berfungsi dan lebih suka membuat atau mencuba sendiri untuk menambahkan pengalamannya dalam mengendalikan pelbagai benda. Mereka mengamati maklumat secara abstrak dan memprosesnya secara aktif. Mereka gemar mencari kegunaan maklumat yang diperolehi dan belajar menguji teori untuk mengetahui kegunaannya.

Sementara pelajar jenis intuitif dinamik suka menyoal ‘apakah kegunaan baru yang boleh saya cipta?’. Mereka membuat pengamatan terhadap maklumat secara konkrit dan memprosesnya secara aktif. Mereka suka mencari perkara baru yang belum diketahui untuk memperolehi maklumat. Mereka cuba mencari sesuatu yang boleh direkabentuk berdasarkan maklumat baru dan suka berinteraksi dengan orang lain. Mereka belajar melalui kaedah cuba jaya dan inkuiri.

2.1.4 Model Gaya Pembelajaran Canfield (1977)

Canfield (1977) telah membina skala gaya pembelajaran membahagikan kepada 4 kategori utama iaitu keadaan pembelajaran (learning condition), kecenderungan mod belajar (preferred mode of learning), kandungan pembelajaran (learning content) dan jangkaan prestasi (performance expectation).

Rajah 2.4: Model Gaya Pembelajaran Canfield (1977)

Keadaan	Mod	Kandungan	Jangkaan prestasi
Rakan sebaya Organisasi	Mendengar Membaca	Numerik Kualitatif	Cemerlang Baik


Penentuan matlamat	Ikonik	Inanimat	Sederhana
Persaingan	Pengalaman	Manusia	Lemah
Pengajar	langsung		
Maklumat lengkap			
Berdikari			
Autoriti			

(Sumber: Canfield, 1977)

2.1.5 Model Gaya Pembelajaran Rahil et al. (1995)

Model gaya pembelajaran Rahil et al. (1995) mempunyai empat kategori gaya pembelajaran iaitu arah tertumpu, arah bercapah, asimilasi dan akomodasi seperti yang boleh dilihat dalam rajah 2.5 berikut.

Rajah 2.5: Model Gaya Pembelajaran Rahil et al. (1995)



(Sumber: Rahil et al.,1995)

2.2 Kemahiran Belajar

Kajian ini menumpukan kepada 6 jenis kemahiran belajar yang utama iaitu kemahiran mengurus masa, kemahiran membaca, kemahiran menulis nota, kemahiran membuat rujukan, kemahiran mendengar dan kemahiran menghadapi peperiksaan. Berikut huraian enam kemahiran belajar.

2.2.1 Kemahiran Membaca

Membaca adalah proses berfikir yang melibatkan pemikiran perkara tersurat, tersirat, menghubungkan idea, menyoal dan bertindak balas dengan memberi idea dan mengaplikasikan maklumat baru ke dalam situasi baru. Di peringkat pengajian tinggi, bahan bacaan merangkumi buku, jurnal, makalah, nota kuliah, potongan surat khabar, tesis dan bahan-bahan rencana yang berkaitan.

Keberkesanan dalam pembacaan adalah amat penting dan perlu ditekankan oleh para pelajar ketika membaca. Proses membaca yang berkesan memerlukan kemahiran yang tertentu sama ada sebelum, semasa ataupun selepas proses membaca. Untuk memperolehi keputusan yang cemerlang, seseorang pelajar perlu mempunyai kemahiran membaca yang betul. Biasanya pelajar akan melupai dan tidak memahami apa yang telah dibaca walaupun telah membaca dengan berulang kali. Keadaan ini sebenarnya menunjukkan bahawa cara membaca yang mereka gunakan tidak dapat menghasilkan kefahaman pembacaan yang maksimum. Untuk mengelakkan pembaziran masa, pelajar perlu mengetahui dan melatih diri membaca dengan betul berdasarkan kaedah-kaedah pembacaan ada. Kaedah pembacaan yang tidak betul akan menyebabkan pelajar berasa cepat bosan, kurang berminat dan cepat berasa mengantuk.

Saniah Sayuti et al. (2000) menyatakan bahawa kemahiran membaca biasanya terbahagi kepada dua bahagian yang utama iaitu membaca secara pantas dan membaca secara kritis. Contoh membaca secara pantas adalah seperti teknik sepintas lalu (scanning) dan bacaan sekilas (skimming). Untuk bacaan secara kritis pula adalah seperti teknik SQ3R (Survey-Question-Read-Recite-Review) dan teknik KWLH. Membaca secara pantas dengan menggunakan 'kaedah sepintas lalu' (scanning) ialah membaca keseluruhan muka surat dengan cepat secara sepintas lalu. Cara ini biasanya digunakan untuk mendapatkan maklumat tertentu atau isi-isi penting yang berkaitan dengan bahan yang dibaca. Membaca 'secara sekilas' (skimming) adalah dengan melompat untuk mendapatkan pandangan umum tentang sesebuah buku. Lazimnya cara ini adalah tertumpu kepada menumpu mencari isi kandungan, tajuk utama, rumusan pada akhir bab dan bibliografi. Kaedah dan teknik yang dinyatakan ini penting kepada pelajar untuk mengulangkaji bahan bacaan untuk bersedia untuk peperiksaan.

i. Kemahiran yang digunakan semasa membaca

Proses membaca dibahagikan kepada tiga peringkat yang utama. Peringkat-peringkat itu dinyatakan seperti berikut.

i. Sebelum membaca:

- Menentukan bahan yang akan dibaca
- Menentukan cara bahan disusun
- Menentukan perkara yang perlu diingati daripada bahan
- Tujuan membaca

ii. Semasa membaca

- Mengenal pasti isi-isi penting
- Mengenal pasti pola pemikiran penulis
- Menghubungkan idea-idea
- Meramal apa yang akan berlaku
- Menghubungkan idea penulis dengan maklumat yang sudah diketahui

iii. Selepas membaca

- Mengenal pasti tujuan penulis
- Menganalisis teknik dan bahasa penulis
- Menilai kecekapan dan kewibawaan penulis
- Menyoal soalan kritis
- Menilai sifat dan jenis bukti yang digunakan oleh penulis

ii. Teknik Membaca SQ3R (Survey-Question-Read-Recite-Review)

Teknik membaca ini meminta pembaca membuat analisis mendalam tentang bahan yang dibaca. Teknik membaca SQ3R adalah teknik yang amat berkesan untuk pembelajaran bahasa. Langkah-langkah membaca menggunakan teknik membaca SQ3R:

- Lihat tajuk utama sepintas lalu bagi melihat idea keseluruhan.
- Tukarkan tajuk utama menjadi soalan.
- Baca keseluruhan bahagian bagi mendapatkan jawapan.
- Selepas membaca petikan, susun idea dan isi penting dengan bimbingan guru.
- Menyebut tajuk utama bagi setiap bahagian, perenggan melalui ingatan bagi menjawab soalan.

Secara umumnya teknik membaca SQ3R memerlukan keupayaan pelajar menggunakan mindanya secara optimum. Kesimpulannya, teknik membaca SQ3R dapat membantu pelajar menggunakan kemahiran berfikir terutama bagi memahami teks yang dibaca.

iii. Teknik Membaca SQ4R (Survey-Question-Read-Record-Recite-Reflect)

Teknik membaca SQ4R oleh Pauk (1984) dapat mempertingkatkan keupayaan pelajar memahami teks yang dibaca dalam jangkamasa yang lebih singkat lagi.

a. Meninjau

Cara mendapatkan pandangan sebelum membaca adalah seperti berikut.

- Tajuk bab.
- Rangka kasar bab.
- Pengenalan.
- Tajuk utama dan subtajuk kecil.
- Ringkasan bab.
- Soalan ulang kaji.

b. Menyoal

- Membentuk soalan daripada tajuk kecil dalam petikan.
- Soalan bagi meninjau gambaran keseluruhan kandungan teks.

c. Membaca

- Berikan perhatian ke atas soalan yang sudah dibina.
- Membaca teks dengan teliti.

d. Mencatat

- Membuat catatan ditepi petikan bagi memberi panduan menyatakan semula isi.

e. Menyatakan Kembali

- Menyatakan dalam bentuk lisan berdasarkan catatan yang sudah dibuat.

f. Membuat bayangan/gambaran

- Memikirkan cara menggunakan idea yang sudah dibaca.
- Apabila tidak jelas, baca semula.
- Bahagian mana yang tidak bermakna
- Fikirkan juga hubungan antara bab.

iv. Teknik Membaca KWLH

Teknik ini sesuai bagi mengaktifkan pengetahuan lalu pelajar. Model membaca ini berfungsi untuk menjana pemikiran yang aktif ketika membaca.

K (*Know*) - apa yang diketahui

W (*Want*) - apa yang hendak diketahui

L (*Learned*) - apa yang hendak dipelajari semasa membaca bahan bacaan

H (*How*) - tambahan maklumat berkenaan tajuk yang dibaca

Teknik pembacaan KWLH adalah suatu teknik membaca yang kritis supaya pelajar dapat meninjau apa yang sudah diketahui, apa yang akan diketahui, apa yang sudah dipelajari selepas membaca dan bagaimana perkara-perkara tambahan yang ingin diketahui dapat dipelajari.

v. Teknik Membaca REAP (Read, Encode, Annote, dan Ponder)

Teknik ini memberikan penekanan ke atas strategi pembacaan yang dikaitkan dengan pemikiran kritis di kalangan pelajar. Ini kerana pembacaan kritis dapat membantu pelajar menguatkan lagi strategi pemahaman dengan mengambil kira penggunaan unsur kognitif dalam pembacaan. Tujuan teknik membaca REAP adalah untuk meningkatkan kemahiran meringkaskan pembacaan dan membantu pelajar mentafsir idea pengarang dengan menggunakan perkataan sendiri serta membina kemahiran menulis bagi membantu mengingati idea hasil pembacaannya.

Kajian Gurmit Kaur (2004) mendapati 85.8% pelajar lebih memfokuskan kepada isi penting semasa membaca. Pelajar mengamalkan teknik 'scanning' untuk mencari isi penting, pelajar mengimbas untuk mendapatkan maklumat atau isi penting di dalam sesuatu teks. Kelemahan yang dapat dikesan oleh Gurmit Kaur (2004) ialah terdapat segelintir daripada responden jarang membuat refleksi untuk sesuatu topik yang dibaca. Refleksi yang dibuat oleh pelajar dengan menggunakan ayat sendiri membolehkan pelajar mengaitkan bahan yang baru dipelajari dengan pengetahuan sedia ada mereka (Witrock, 1990). Dapatan kajian Kamaruddin Mat Rejab (2000) menunjukkan kemahiran membaca pelajar hanya mencapai tahap sederhana sahaja dengan skor 58%. Dapatan kajiannya juga menunjukkan responden dapat menganalisis maklumat, membuat rumusan, kesimpulan dan menyokong idea.

2.2.2 Kemahiran Menulis Nota

Menulis nota merupakan aktiviti yang sangat penting kepada pelajar terutamanya mereka yang melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tinggi. Kemahiran mencatat nota yang efektif penting dalam proses pembelajaran di universiti kerana kuliah yang disampaikan oleh pensyarah merupakan sumber maklumat paling utama bagi para pelajar.

Teknik pengambilan nota boleh atau perlu dipelajari (Jabar Ibrahim, 1992). Kemahiran menulis nota yang betul amat diperlukan bagi sistem pembelajaran di universiti yang memerlukan daya usaha pelajar sendiri. Pelajar perlu menggunakan kemahiran menulis nota yang betul sambil mendengar penerangan pensyarah. Selain itu, Siti Hawa Munji (1987) juga mengatakan nota pelajaran di universiti tidak hanya terhad kepada nota kuliah yang diberi oleh pensyarah sahaja. Maklumat tambahan juga boleh didapati daripada buku rujukan yang lain, jurnal ataupun rencana suratkhbar. Oleh itu, pelajar perlu mengamalkan cara penyimpanan nota yang bersistematik untuk memudahkan diri sendiri semasa mengulangkaji.

Faktor kegagalan pelajar mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan mungkin berpunca daripada pelajar tidak mempunyai nota yang tersusun ataupun langsung tidak mempunyai nota. Pelajar yang mencatat nota dan belajar selepas waktu kuliah dapat mengingat 90-100% daripada yang didengar. Sebaliknya untuk pelajar yang tidak mencatat nota atau belajar nota daripada rakan sekelas akan melupai 80% daripada apa yang didengar dalam kuliah selepas masa dua minggu (Pauk, 1984). Di samping itu, pelajar juga perlu menghadiri kuliah tepat pada waktunya supaya pelajar tidak ketinggalan dalam mencatatkan nota yang betul dan penting (Wan Izzuddin Wan Sulaiman dan Wan Hasni Wan Sulaiman, 1991). Selain menghadiri kuliah tepat pada waktunya, pelajar juga perlu memilih tempat duduk atau lokasi yang sesuai iaitu berdekatan dengan pensyarah. Lokasi yang sesuai akan meningkatkan konsentrasi pelajar terhadap kuliah yang disampaikan (Siti Hawa Munji, 1987).

Menurut Carmen dan Adams (1984), menulis nota mempunyai beberapa kebaikan seperti berikut:

- i. Nota yang tersusun memudahkan pelajar mengenalpasti idea utama kuliah.

- ii. Menulis nota akan membantu pelajar memahami kuliah dengan lebih mendalam.
- iii. Nota adalah simpanan kekal yang dapat membantu pada masa depan.
- iv. Biasanya pensyarah akan membuat soalan peperiksaan berdasarkan nota kuliah yang diberi.
- v. Nota kuliah mengandungi maklumat yang mungkin tidak terdapat dalam sumber rujukan yang lain.

Beberapa teknik menulis nota yang didapati berkesan ialah:

- i. Pen merupakan alat utama yang perlu diberi perhatian ketika menulis nota. Maka, jenis pen yang sesuai mestilah digunakan untuk memastikan keselesaan ketika menulis nota.
- ii. Kelancaran penulisan amat diperlukan untuk memastikan pelajar dapat menuliskan kesemua fakta dengan berkesan. Oleh yang demikian, pelajar mestilah memilih pen dan kertas yang bersesuaian.
- iii. Sebelum menulis nota, perlu menyediakan ruang untuk mencatat komen ketika membuat ulangkaji nanti. Terdapat juga pelajar yang menggunakan tiga perempat dari kertas “foolscap” untuk menulis nota. Ruangan yang tinggal digunakan untuk menulis nota tambahan atau komen.

Semasa berada dalam kuliah, pelajar mestilah memberi perhatian yang sepenuhnya. Jika terdapat bahagian yang kurang jelas, pelajar perlu bertanya kepada pensyarah. Semasa kuliah pelajar perlu untuk,

- i. mendengar isi yang disampaikan secara kritikal supaya dapat mencatat isi penting.
- ii. mencatat nota dalam bentuk yang ringkas dan dapat difahami oleh pelajar sendiri. Pelajar boleh mewakili perkataan tertentu dengan simbol yang mudah difahami.
- iii. mencatat nota untuk diri sendiri dan sebarang modifikasi, bentuk, lakaran dan sebagainya boleh digunakan mengikut kefahaman individu.
- iv. merujuk kepada rakan sekelas atau berjumpa dengan pensyarah jika terdapat sesuatu yang dirasai tidak faham atau salah tercatat dalam nota.
- v. mendapatkan nota daripada pensyarah ataupun meminjam dengan rakan sekelas yang lain sekiranya pelajar tidak menghadiri ke kelas.

Carmen dan Adams (1984) menggariskan 5 langkah dalam mencatat nota.

- i. Pelajar perlu membaca bahan-bahan yang berkaitan sebelum hadir ke kuliah yang akan datang. Pelajar perlu mempunyai rangka kasar tentang kuliah yang akan disampaikan supaya memudahkan kerja mencatat isi dan idea penting.
- ii. Pelajar juga perlu bertumpu kepada soalan yang dikemukakan oleh pensyarah dalam kuliah dan mencatat penerangan yang diberikan oleh pensyarah.
- iii. Pelajar perlu mencatat dengan tersusun untuk memudahkan kerja mengulangkaji.
- iv. Pelajar perlu membaca semula nota yang dicatat secepat mungkin selepas kuliah.

Salihan Siais (1991) menjelaskan kemahiran menulis nota dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu sebelum kuliah, semasa kuliah dan selepas kuliah.

i. Sebelum kuliah

Di samping memerlukan mental yang bersedia untuk mengikuti kuliah, pelajar juga memerlukan peralatan yang lengkap untuk mencatat nota. Pelajar perlu mempunyai pen yang sesuai dan kertas nota yang mencukupi untuk mencatat nota. Terdapat sebahagian pelajar yang mengamalkan amalan yang tidak baik iaitu mereka suka menjimatkan kertas sehingga mencatat nota dengan tulisan yang sangat kecil. Amalan ini akan menyukarkan proses mengulangkaji pada masa akan datang (Siti Hawa Munji, 1987).

ii. Semasa kuliah

Kemahiran mengambil nota semasa kuliah dapat membantu pelajar mencari isi penting. Nota yang baik perlu mengandungi bahan utama, bahan buatan dengan contoh dan butir yang berkaitan. Menurut Howe (1986), nota yang baik perlu mempunyai tajuk, tarikh dan subtajuk yang berkaitan. Nota yang dicatat adalah ringkasan yang mengandungi isi-isi utama, khususnya kata kunci yang akan menguatkan ingatan pelajar semasa mengulangkaji. Nota yang mengandungi tajuk dan fakta penting yang tersusun serta kemas akan meningkatkan lagi daya ingatan dan keberkesanan proses pembelajaran (Salihan Siais, 1991).

Kebanyakan pelajar suka mencatat bulat-bulat apa yang disampaikan oleh pensyarah dalam kelas kerana mereka bimbang akan tertinggal fakta-fakta yang penting. Sebenarnya, anggapan ini adalah silap kerana ini akan membazirkan masa (Padilah Ali, 1986). Menurut Carmen dan Adams (1984), pelajar hanya perlu mencatat fakta yang penting dan boleh menggunakan singkatan atau simbol untuk menggantikan perkataan yang panjang.

iii. Selepas kuliah

Selepas kuliah, nota perlu diperbaiki, disusun semula atau ditambah. Howe (1986), nota yang tidak dikemaskan dengan baik atau bercampur dengan nota mata pelajaran yang lain akan menyebabkan nota itu tidak dapat berfungsi dengan baik semasa memerlukannya. Menyimpan nota dengan teratur dan perlu dikemas kini dari semasa ke semasa. Dalam kajian yang dijalankan oleh Siti Hawa Munji (1984), 63.84% pelajar menyemak semula nota yang mereka catat selepas kelas dan 58.11% pelajar tidak menyalin semula nota yang tidak jelas. Pelajar seharusnya menyusun balik nota yang dicatat untuk menolong pelajar mengimbas kembali nota yang dicatat (Pfeifer dan Ogloff, 1991).

Kajian oleh Saliha Said (2004) mendapati pelajar mencapai tahap tinggi bagi kategori Kemahiran Mencatat Nota. Mencatat nota penting dalam proses pembelajaran kerana ia dapat membantu pelajar mengingat semula isi-isi penting yang dicatat. Dapatan kajian oleh Gurmit Kaur (2004) menunjukkan sebanyak 90.6% responden menyatakan mereka menggariskan isi-isi penting semasa membaca. Cara ini akan memudahkan pelajar semasa mengulangkaji pada masa akan datang. Pelajar boleh terus membaca kepada isi-isi penting yang telah ditanda atau digariskan. Pelajar boleh menjimatkan lebih banyak masa tanpa perlu membaca teks sekali lagi. Di samping itu, dapatan kajiannya melaporkan bahawa terdapat 88.2% peratus pelajar menyatakan penting untuk mencatat nota yang disampaikan oleh pensyarah.

2.2.3 Kemahiran Mengurus Masa

Untuk pengurusan masa yang paling berkesan, pelajar perlu membuat jadual waktu persendirian. Segala aktiviti yang akan dijalankan dalam masa 24 jam perlulah dicatatkan dalam jadual waktu. Seseorang yang mengamalkan tabiat ini dapat menggunakan masanya dengan optimum. Seseorang yang pandai menguruskan masanya akan mempunyai masa yang mencukupi untuk belajar, beriadah, bergiat dalam kegiatan ko-kurikulum, menonton televisyen dan sebagainya.

Toh Hon Leong (2000) dalam satu kajiannya mengesahkan bahawa terdapat 6 faktor utama yang dikenali sebagai faktor kejayaan kritikal yang boleh mempengaruhi kejayaan seseorang pelajar. Salah satu faktor kejayaan adalah mempunyai strategi pengurusan masa yang berkesan. Biasanya pelajar yang ketinggalan sentiasa menanggungkan kerja dan suka mencari

alasan, akhirnya mereka tidak dapat menyiapkan kerja dan meniru hasil kerja orang lain. Mereka adalah tergolong dalam golongan yang tidak mempunyai pengurusan masa yang berkesan. Padilah Ali (1994) menyatakan, perancangan dan penyediaan jadual waktu dapat menunjukkan beban kerja sebenar yang dihadapi oleh pelajar. Dengan ini pelajar dapat merancang corak pembelajaran dan cara mengulangkaji yang sesuai supaya boleh mencapai keputusan yang paling cemerlang. Malangnya hanya terdapat segelintir pelajar sahaja yang akan membuat jadual waktu, tetapi mereka juga tidak dapat mengikuti apa yang telah dirancang (Padilah Ali, 1986). Kajian oleh Siti Hawa Munji (1987) mendapati 54.45% pelajar di bawah kajiannya tidak merancang jadual waktu. Mereka belajar mengikut 'selera' sendiri dan sentiasa membuat kerja lain. Hanya 45.02% pelajar yang merancang jadual waktu, walaubagaimanapun didapati bukan semua pelajar ini melaksanakan apa yang telah dirancang dalam jadual. Mereka lebih cenderung belajar pada saat-saat akhir apabila menjelang peperiksaan.

Untuk memastikan pelajar dapat menggariskan masa secara cekap dan berkesan, pelajar boleh mengelaskan masa dan kerja berdasarkan kaedah berikut (Hanafi Ismail, 2001).

- i. Masa ketika pelajar paling segar, bertenaga dan dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya kepada proses pembelajaran.
- ii. Masa sewaktu pelajar paling keletihan atau terdedah kepada faktor-faktor gangguan dimana pelajar sukar untuk mendapatkan konsentrasi.
- iii. Masa diantara dua waktu yang dinyatakan di atas.

Pelajar boleh mengatur strategi belajar dengan memilih masa yang mereka berasa paling segar untuk mengulangkaji pelajaran, membuat tugas dan membuat latihan sebagai pengukuhan kepada mata pelajaran. Kajian oleh Pauk (1984) menunjukkan bahawa hasil pembelajaran sebelah pagi akan mendatangkan hasil yang lebih baik jika dibandingkan dengan waktu sebelah petang dan malam. Waktu yang paling segar biasanya adalah pada sebelah pagi, maka pelajar wajar mengaturkan masa pada sebelah pagi untuk mengulangkaji pelajaran dan membuat tugas supaya boleh mendapat hasil kerja yang paling optimum. Jabar Ibrahim (1992) juga mempunyai pendapat yang sama iaitu kadar produktiviti manusia pada sebelah pagi adalah paling tinggi dan masa kerja sehingga larut malam perlu dikurangkan kerana keletihan mental dan fizikal akan merosakkan diri yang segar pada sebelah pagi.

Jika pelajar berada pada waktu yang melelahkan dan kurang konsentrasi, pelajar boleh mengisikan masa itu dengan melakukan kerja sampingan seperti mencari buku rujukan di perpustakaan, melayari internet untuk mencari maklumat yang berfaedah atau membaca majalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan sendiri. Manakala untuk masa seperti dalam perkara (iii) pula, pelajar boleh menjalankan aktiviti riadah, bersukan, makan, minum dan berehat dengan secukupnya. Selain daripada aktiviti-aktiviti pembelajaran, persediaan diri daripada aspek fizikal, mental dan emosi juga amat diperlukan. Dengan adanya kesihatan fizikal, mental dan emosi yang baik, pelajar akan menumpukan perhatian yang sepenuhnya semasa belajar. Maka, selain daripada masa belajar, pelajar juga perlu mengaturkan masa untuk beristirahat dan beriadah untuk mengurangkan tekanan.

Pelajar perlu bertindak dengan bijaksana dalam menguruskan masa supaya mendapat keseimbangan antara aktiviti mengulangkaji dan aktiviti lain. Kegagalan seseorang pelajar menguruskan masa adalah faktor utama kegagalan dalam pelajaran. Selain itu, hasil dapatan kajian Jasmani Basit (1998) menunjukkan terdapat pertalian antara pencapaian akademik dengan pengurusan masa. Mereka yang mempunyai perancangan masa memperoleh keputusan yang lebih cemerlang kerana pembahagian masa yang cukup untuk mengulangkaji pelajaran, dan membuat tugas dan aktiviti yang lain lagi.

Kajian Saliha Said (2004) mendapati kemahiran menguruskan masa pelajar berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan ramai pelajar sebenarnya tidak mempunyai pengurusan masa yang berkesan. Dapatan kajian Gurmit Kaur (2004) pula menunjukkan para responden lemah dalam menyediakan senarai aktiviti yang dilakukan setiap hari dan mereka juga tidak mampu menyediakan senarai aktiviti yang perlu dilakukan setiap hari dan jadual belajar.

2.2.4 Kemahiran Mendengar

Menurut Mohd Nashuha Jamidin et al. (1995), mendengar merupakan salah satu aktiviti yang penting dalam kehidupan dan sebanyak 70% daripada masa belajar menggunakan kaedah mendengar. Pelbagai maklumat dan pengetahuan dapat diterima dengan menggunakan kemahiran mendengar. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran mendengar penting dalam proses pembelajaran. Abdul Ghani Awang (1996) menyatakan, mendengar adalah kemahiran yang paling asas bagi mahasiswa di universiti. Proses

pengajaran di universiti kebanyakannya tertumpu kepada proses mendengar kuliah yang disampaikan oleh pensyarah

Aktiviti mendengar sering dianggap sebagai satu aktiviti yang mudah, tetapi pelajar masih menghadapi kesukaran untuk mendengar secara berkesan. Carmen dan Adams (1984) menyatakan, pelajar yang duduk di kawasan satu per tiga daripada bahagian hadapan kelas atau berhampiran dengan pensyarah dapat meningkatkan daya penglihatan dan pendengaran pelajar. Tahap kefahaman dan konsentrasi pelajar mencapai 61% bagi pelajar yang duduk di bahagian hadapan kelas dan berhampiran dengan pensyarah semasa mengikuti kuliah (Siti Hawa Munji, 1989). Selain itu, Hasan Mohd. Ali (1996) menyatakan bahawa kadar penumpuan pelajar di dalam kelas akan menurun sebanyak 5 hingga 10% bagi setiap baris kerusi mengarah ke arah belakang bilik kuliah. Pelajar yang memilih tempat duduk di bahagian belakang bilik kuliah merupakan satu amalan yang merugikan diri sendiri.

Abdul Rahim Selamat (1989) menyatakan perkara utama dalam proses mendengar adalah memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada pensyarah yang sedang menyampaikan kuliah. Sebagai seorang pelajar perlu mempunyai kemahuan, minat, disiplin diri dan penumpuan yang sepenuhnya untuk mendengar kuliah yang disampaikan oleh pensyarah. Untuk mencapai proses mendengar yang paling berkesan, pelajar perlu mencatat isi, maklumat dan fakta penting yang telah dinyatakan oleh pensyarah semasa kuliah. Semua deria akan berfungsi serentak pada masa yang sama, keadaan ini akan dapat meningkatkan kefahaman pelajar tentang apa yang sedang dipelajari (Edwards, 1991). Menurut Bone (1988), sebagai seorang pendengar yang baik harus melibatkan penggunaan telinga, mata dan hati semasa mendengar. Selain itu, proses pendengaran juga mempunyai kaitan yang rapat dengan pemahaman. Pemahaman adalah lahir daripada proses asosiasi daripada maklumat yang diterima dengan pengetahuan yang sedia ada dalam diri pelajar menerusi pendengaran. Maka, bagi mengelakkan salah faham ketika mentafsir informasi yang disampaikan para pelajar perlu memastikan teknik atau kemahiran mendengar yang digunakan berkesan.

Gangguan akan berlaku di mana-mana sahaja dan juga di luar kawalan kita. Untuk mengelakkan gangguan dalaman berlaku, pelajar perlu berusaha untuk meningkatkan kefahaman dan menjadikan aktiviti mendengar sebagai suatu aktiviti yang menarik. Mohd Nashuha Jamidin et al. (1995) berkata, pelajar boleh memotivasikan diri untuk mendengar.

Selain itu, pelajar juga boleh bersikap optimis dan percaya bahawa topik yang dibincangkan berfaedah, ini akan memberi dorongan pelajar untuk terus mendengar. Selain itu, pelajar perlu sentiasa menggunakan daya imaginasi sendiri dan membuat hubungkait di antara maklumat yang diperolehi untuk mengemukakan soalan. Dengan cara ini, fikiran pelajar akan lebih tertumpu kepada topik yang dibincangkan oleh pensyarah semasa kuliah.

Hasil dapatan kajian Saliha Said (2004) menunjukkan sebanyak 100% pelajar menyatakan mereka tiada masalah deria pendengaran. Terdapat pelajar yang suka berbual dengan kawan ketika pembelajaran sedang dijalankan. Pelajar tidak akan mendengar dengan baik tentang isi pengajaran pensyarah dengan sepenuhnya. Dapatan juga menunjukkan para pelajar berada di tahap min yang sederhana bagi kategori Kemahiran Mendengar.

2.2.5 Kemahiran Membuat Rujukan

Pelajar perlu membiasakan diri berada di dalam perpustakaan untuk mencari maklumat yang diperlukan. Menurut Abdul Ghani Awang (1996), kebanyakan pelajar berasa malu dan masih kurang mahir untuk menggunakan perpustakaan. Salihan Siais (1991) menyatakan, kemahiran membuat rujukan di perpustakaan adalah kemahiran pembelajaran yang sangat penting dan perlu dikuasai oleh semua pelajar. Ini adalah disebabkan pelajar tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada nota kuliah yang diberikan oleh pensyarah sahaja. Dengan mempunyai kemahiran membuat rujukan, pelajar akan lebih menguasai dan mempunyai kefahaman yang lebih mendalam tentang sesuatu mata pelajaran yang dibincangkan. Pelajar perlulah rajin bertanya kepada perpustakawan sekiranya menghadapi sebarang masalah semasa menggunakan perpustakaan dan memberi tunjuk ajar kepada pelajar supaya dapat mencari maklumat dan bahan yang dikehendaki.

2.2.6 Kemahiran Menghadapi Peperiksaan

Kebanyakan pelajar yang dalam peperiksaan adalah kerana tidak mempunyai perancangan yang rapi semasa awal semester lagi. Siti Hawa Munji (1987) mendapati 74.3% daripada pelajar di dalam kajiannya mengaku bahawa mereka akan mengulangkaji pada malam sebelum peperiksaan atau belajar pada saat-saat akhir. Keadaan ini akan menimbulkan

ketegangan yang akan mengurangkan kecekapan pelajar untuk menjawab soalan peperiksaan.

Satu kesilapan besar yang sering dilakukan oleh kebanyakan pelajar adalah mereka tidak melihat balik atau mengulangkaji nota yang dicatat selepas kuliah (Pfeirer dan Ogloff, 1991). Pelajar hanya akan mengulangkaji semula menjelang saat akhir peperiksaan. Hasnan Kasan (1994) mengatakan bahawa selalu mengulang kaji dan membuat latihan akan menguatkan lagi kefahaman dan ingatan terhadap mata pelajaran yang dipelajari Hanifi Ismail (2001), kira-kira 90% daripada usaha pembelajaran boleh dicapai apabila pelajar membuat latihan dan berbincang dengan pihak yang berkenaan, 80% boleh dicapai dengan membuat perbincangan sahaja, melihat dan mendengar boleh mencapai sebanyak 50%, 40% melalui melihat, 30% melalui mendengar dan menerusi membaca boleh mendapat 20% sahaja. Oleh itu, membuat latihan dan perbincangan adalah 2 faktor yang paling penting untuk mencapai tahap pengekalan ilmu pengetahuan yang dipelajari.

Muhammad Kamil Abdul Samad (1999) menyatakan bahawa pelajar yang tidak menjaga kesihatan dan mempunyai tidur yang cukup akan menghadapi masalah untuk menumpukan perhatian yang sepenuhnya. Malahan daya ingatan juga akan menjadi lemah dan boleh mengganggu persediaan pelajar sebelum masuk ke dewan peperiksaan. Menyediakan segala peralatan yang diperlukan juga merupakan salah satu persediaan yang penting sebelum masuk ke dewan peperiksaan. Pelajar perlu memastikan semua peralatan seperti pen dan kalkulator berada dalam keadaan yang baik. Selain itu, pelajar tiba lebih awal di dewan peperiksaan untuk mendapatkan tempat duduk yang baik dari segi pencahayaan dan kurang gangguan luar (Pauk, 1984).

2.3 Masalah Pembelajaran Pelajar

Menurut Mercer dan Mercer (1998), masalah-masalah pembelajaran di kalangan pelajar dapat dibahagikan kepada 3 aspek iaitu:

- i. Kriteria Tingkahlaku – tingkahlaku yang mudah menyisihkan seseorang, tingkahlaku yang mudah disesuaikan dan tingkahlaku yang merosakkan.
- ii. Kriteria Kognitif – pencapaian akademik rendah, masalah berkaitan perhatian, lemah ingatan, kognitif dan metakognitif dan kekurangan persepsi.

- iii. Kriteria Afektif – kemahiran sosial, konsep sendiri, motivasi rendah dan keadaan mood yang melemahkan.

Mooney (1992, dalam Mohd Arif Abdul Rani, 1995) dalam kajiannya dengan menggunakan senarai semak masalah terhadap 600 orang pelajar sekolah tinggi mendapati masalah yang selalu dihadapi oleh pelajar adalah belajar, kewangan, suasana kehidupan, menyesuaikan diri dengan sekolah dan memilih kerjaya di masa hadapan. Kajian Tajul Ariffin (1980, dalam Mohd Arif Abdul Rani, 1995) mendapati pelajar suka lebih mengumpul kerja-kerja kursus daripada belajar memahamkan isi kuliah dan mula belajar pada saat-saat akhir semasa peperiksaan. Selain itu, pelajar juga mengalami gangguan fikiran semasa belajar dan mudah kehilangan minat untuk belajar apabila berhadapan dengan tajuk dan masalah yang sukar. Malahan kira-kira 40% pelajar tidak mempunyai jadual belajar yang tetap.

Kajian Ahmad Amiruddin (1999) mendapati masalah yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar ialah masalah keluarga, persekitaran, dan kerjaya manakala kewangan bukan masalah yang mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Menurut Jalil Said (1997), dalam kajiannya terhadap pelajar tahun 5 yang mengikuti kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia mendapati faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar ialah faktor pengalaman, usia, bebanan kerja, hubungan dan penyampaian pensyarah dan persekitaran pembelajaran.

2.4 Pengajaran Pensyarah

Pengajaran adalah proses atau aktiviti penyampaian pengetahuan, menanam kepercayaan baru, menukar tingkahlaku atau kelakuan pelajar. Semasa proses pengajaran, guru perlu membuat pembaharuan berasaskan kebolehan pelajar dalam sesebuah kelas. Manakala pembelajaran pula adalah perubahan kelakuan atau pencapaian pelajar pada sesuatu aspek. Maka, sebagai seorang pensyarah perlu menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian supaya proses pembelajaran boleh berlaku dengan berkesan.

Sharifah Alwiah Alsagoff (1983) pula menyatakan bahawa guru yang mahir untuk memilih kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan mata pelajaran yang diajar dikenali sebagai guru yang berkesan dan serba boleh. Kaedah pengajaran yang sama digunakan atas individu yang berlainan adalah tidak berkesan kerana ciri-ciri setiap individu adalah berlainan dan mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Oleh itu, guru memainkan

peranan yang penting untuk meningkatkan minat pelajar dalam sesuatu mata pelajaran atau topik yang diajarnya.

Sebagai seorang guru yang berkesan dalam proses pengajaran perlu menguasai pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan anak muridnya (Sharifah Alwiah Alsagoff, 1983). Terutamanya dalam pembelajaran untuk kerja amali, guru perlu cukup bersedia dan semua aktiviti pembelajaran perlu diatur dengan rapi supaya proses pengajaran dan pembelajaran tidak berada dalam keadaan kelam kabut. Menurut Aziz Nordin (1991), seorang pengajar bertanggungjawab dan berkesan perlu mempunyai kebolehan, kemahiran, sentiasa belajar dan sikap yang baik serta selalu mengikuti perkembangan semasa dalam bidang pendidikan supaya dapat menguasai permintaan kurikulum pembelajaran dan mempunyai kepakaran yang bersesuaian dan berkesan.

Pensyarah yang berjaya membentuk keperibadian dan menyampaikan pengetahuan secara berkesan kepada pelajar adalah pensyarah yang berkualiti. Pensyarah yang bijaksana akan mengatur proses pengajaran yang berkesan dan secara langsung akan memberi manfaat kepada pelajar pada masa depannya. Oleh itu, pengajar, guru atau pensyarah adalah faktor utama yang menyumbangkan pencapaian akademik pelajar cemerlang (Widad Othman, 1998). Menurut beliau, pensyarah juga berperanan sebagai model dalam membimbing dan mendidik pelajar untuk menunjukkan sikap yang positif terhadap pencapaian akademik mereka. Pensyarah perlu memperbanyakkan teknik semasa proses pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Pensyarah boleh memperbanyakkan sesi perbincangan dalam kelas supaya pelajar berpeluang untuk meluangkan pendapat masing-masing.

2.5 Minat

Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1983), minat adalah daya penggerak atau kecenderungan seseorang untuk memberi perhatian kepada sesuatu benda dan peristiwa. Minat berupaya untuk meningkatkan keinginan dan daya usaha pelajar untuk mempelajari atau memiliki sesuatu benda. Pelajar yang mempunyai minat untuk belajar akan berasa seronok dan bersungguh-sungguh untuk belajar kerana mereka akan mendapat kepuasan daripada proses pembelajaran itu sendiri. Sulaiman Masri (1996) menyatakan sikap pelajar yang bersungguh-sungguh terhadap pembelajaran adalah pendorong ke arah pencapaian

akademik yang cemerlang. Maka, pelajar yang mempunyai sikap positif akan sentiasa memberi tumpuan terhadap pengajaran pensyarah dan rajin mengulangkaji pelajarannya.

Di samping minat, pelajar juga mesti mempunyai kesanggupan dan kerelaan untuk memberi perhatian atau tumpuan ke atas sesuatu perkara. Ini adalah disebabkan kesanggupan dan kerelaan akan memberikan motivasi kepada pelajar untuk mencapai matlamat. Motivasi adalah satu tindakan untuk mencapai tujuan tertentu (Reber & Beech, 1982). Ini jelas menunjukkan pentingnya minat serta motivasi pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Lee Shok Mee (1991) pula menegaskan bahawa minat pelajar memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kesediaan pelajar untuk belajar. Pelajar yang minat dalam perkara yang dipelajarinya akan mencapai prestasi yang lebih cemerlang. Kamaruddin Kachar (1984) dalam kajiannya terhadap masalah pembelajaran pelajar bumiputera mendapati sebanyak 96% pelajar tidak berminat untuk belajar. Selain itu, terdapat 73% pelajar suka belajar pada saat-saat akhir.

2.6 Kemudahan Pembelajaran

Kemudahan yang terdapat dalam sesuatu institusi pembelajaran memainkan peranan yang penting untuk memenuhi keperluan belajar pelajar. Menurut Ee Ah Meng (1989), suasana bilik darjah memainkan peranan penting bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya suasana yang ceria dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas, proses pengajaran dan pembelajaran akan dijalankan dengan lebih lancar lagi. Keadaan fizikal sesebuah dewan kuliah boleh mempengaruhi pembelajaran pelajar. Menurut Ishak Haron dan Koh (1988), pelajar akan lebih berminat untuk belajar pada persekitaran dewan kuliah yang udaranya segar, bersih, pencahayaan yang mencukupi dan dilengkapi dengan semua kemudahan berbanding dengan persekitaran yang panas, kotor dan gelap.

Lokasi sekolah atau kampus yang baik dengan keadaan tidak terlalu bising merupakan persekitaran yang sempurna untuk meningkatkan lagi minat dan keselesaan pelajar dalam proses pembelajaran. Dengan adanya persekitaran yang selesa, guru dapat mengajar dengan lancar, pelajar pula dapat belajar dalam keadaan yang tenang. Maka proses pengajaran dan pembelajaran akan mencapai tahap yang optimum (Mohd Noh Bahar, 1994). Keadaan fizikal seperti cahaya, suhu, kualiti udara dan kelengkapan dalam sesebuah dewan kuliah

perlu diambil berat sebelum proses pengajaran dan pembelajaran bermula. Keadaan persekitaran yang selesa akan meningkatkan minat belajar dan pelajar juga akan lebih menumpukan perhatian terhadap isi pelajaran yang disampaikan oleh pensyarah.

Gangguan dalam proses pengajaran dan pembelajaran boleh mengugat motivasi pelajar untuk menumpukan perhatian yang sepenuhnya. Antara gangguan yang biasa berlaku ialah:

- i. Suhu bilik
- ii. Bunyi bising
- iii. Perabot rosak (papan putih atau tempat duduk)
- iv. Pencahayaan yang tidak cukup (lampu berkelipan atau mentol terbakar)
- v. Peralatan rosak (seperti komputer)
- vi. Pelajar yang datang lewat ke kelas

Penggunaan alat bantu mengajar yang bersesuaian akan memudahkan proses pengajaran guru dan meningkatkan keberkesanan pembelajaran pelajar (Kamarudin Haji Kachar, 1989). Perancangan guru akan menjadi lebih kreatif dan efektif dengan adanya bantuan seperti OHP, projekter dan komputer. Pelajar juga akan lebih menumpukan perhatian terhadap kaedah pengajaran yang tidak hanya berpandukan kepada buku teks atau kuliah secara lisan sahaja.

2.7 Beban Tugas Pembelajaran

Beban tugas didefinisikan sebagai tanggungjawab kerja yang perlu dipikul oleh seseorang pelajar dalam proses pembelajaran. Antara tanggungjawab seorang pelajar adalah,

- i. membuat tugas
- ii. membuat rujukan untuk tugas
- iii. menghadiri kuliah
- iv. membuat persediaan menghadapi peperiksaan

Beban tugas yang terlalu berat akan memudaratkan pelajar dalam proses pembelajaran. Pelajar adalah makhluk yang mempunyai emosi dan perasaan. Sekiranya, kedua-dua aspek ini tidak diuruskan dengan baik akan membawa kesan yang negatif dalam proses pembelajaran. Dengan adanya pengurusan emosi yang baik akan menggalakkan aktiviti pembelajaran yang menguntungkan pelajar (Mohd Daud Hamzah, 1998). Beech (1992) mengatakan tekanan

kerja yang berlebihan akan menyebabkan tindakbalas tegangan dan emosi dan mental. Untuk mengelakkan pelajar bereaksi negatif terhadap beban tugas pembelajaran yang dihadapi setiap hari, Abdul Shukur Abdullah (1991, dalam Maslin Sulaiman, 2002) menyatakan bahawa adalah perlu seseorang pelajar untuk menganalisis tugas dan membahagikan tugas secara terperinci untuk mengelakkan bebanan dan tekanan yang berlebihan.

2.8 Pencapaian Akademik

Cara belajar yang betul adalah mustahak diketahui oleh para pelajar bagi menjamin pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan. Hasil kajian Watkins (1982) menyaksikan pelajar yang bersedia lebih mudah dapat menyesuaikan diri dan mengetahui cara belajar. Strategi belajar yang khusus amat penting bagi pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran yang serius dan kesempatan masa untuk belajar. Menurut Dunn dan Stevenson (1997), penggunaan kaedah model-model gaya pembelajaran dapat membantu kita mengetahui dan memahami pendekatan pembelajaran, membantu mempertingkatkan kekuatan diri, mengawal pasti situasi yang boleh membantu ke arah keberkesanan pembelajaran, menjadi lebih fleksibel apabila berada di luar suasana pembelajaran ideal individu dan peningkatan pencapaian keseluruhannya.

Taylor (1990) dalam satu kajiannya mendapati bahawa jumlah masa yang digunakan oleh pelajar untuk membaca setiap hari mempunyai kaitan dengan peningkatan prestasi dalam pencapaian akademik pelajar tersebut. Hasil daripada kajian mendapati pelajar yang menggunakan lebih banyak masa untuk membaca akan mempunyai peningkatan dalam pencapaian akademiknya (Wiley, 1974).

2.9 Kesimpulan

Bab sorotan kajian ini membincangkan model-model gaya pembelajaran terutamanya model Dunn dan Dunn dan kemahiran belajar yang merangkumi kemahiran membaca, kemahiran mengurus masa, kemahiran menulis nota, kemahiran membuat rujukan, kemahiran mendengar dan kemahiran menghadapi peperiksaan. Selain itu, bab ini juga membincangkan

masalah-masalah belajar yang berkaitan dengan pengajaran pensyarah, kemahiran belajar, minat, kemudahan pembelajaran dan beban tugas pembelajaran.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Metodologi kajian menjelaskan bentuk rangka kerja untuk menjalankan sesuatu kajian. Metodologi kajian merupakan bahagian penting yang digunakan untuk memastikan kajian yang dijalankan menggunakan kaedah, prosedur atau cara yang betul. Selain itu, metodologi kajian juga boleh digunakan untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai berdasarkan data sah dan dipercayai (Mohd Najib Abdul Ghaffar, 1999).

Perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam bab ini terdiri daripada kaedah menjalankan kajian, kaedah pengumpulan data dan penganalisan data. Bab ini terdiri daripada rekabentuk kajian, populasi, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur kajian, penganalisan data dan kesimpulan.

3.1 Rekebentuk Kajian

Rekabentuk kajian adalah kaedah bagi membolehkan maklumat diperolehi untuk menjawab masalah kajian yang dibina. Rekabentuk kajian adalah sebagai keseluruhan rangkakerja penyelidikan bagi menjawab dan mencapai objektif kajian. Kajian tinjauan (survey) berbentuk deskriptif ini dilaksanakan untuk mengkaji pola gaya pembelajaran, dan kemahiran belajar pelajar Fakulti Pendidikan, UTM Johor.

Penyelidikan deskriptif merupakan suatu jenis penyelidikan yang bertujuan untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 1994; Wiersma, 1995). Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapat maklumat dan data yang diperlukan. Maklumat tentang pembolehubah kajian ini dikutip dalam keadaan semulajadi pada masa kejadian. Penggunaan soalselidik merupakan cara yang menjimatkan masa untuk mengumpul data dalam jangka masa singkat. Data yang dikumpul dan hasil kajian ini dapat memberi maklumat untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

3.2 Populasi dan Responden Kajian

Populasi kajian ini tertumpu kepada berbagai kategori pelajar di Fakulti Pendidikan, UTM Johor. Seramai 310 orang pelajar yang berbeza tahun, program kemasukan dan

pengkhususan telah dikenal pasti sebagai responden kajian ini. Taburan bilangan pelajar mengikut tahun, jenis program dan pengkhususan pengajian adalah seperti dalam Jadual 3.1 hingga 3.3

Jadual 3.1: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Tahun Pengajian

Tahun pengajian	Bilangan	Peratus
Tahun 2	159	51.3
Tahun 3	74	23.9
Tahun akhir	77	24.8
Jumlah	310	100.0

Jadual 3.2: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Program Pengajian Dan Jenis Program

Jenis Kumpulan Program	Program Pengajian				Jumlah	
	Program Perdana		Program Kemasukan Terus Tahun 2			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Kump. Sains Sosial	50	16.3	-	-	50	16.1
Kump. Sains & Matematik	172	56.0	-	-	172	55.5
Kump. Teknik & Vokasional	35	11.4	-	-	35	11.3
PKPG	-	-	22	7.2	22	7.1
PPLD	-	-	6	2.0	6	1.9
Program Matrikulasi	-	-	22	7.2	22	7.1
<i>Tiada maklumbalas</i>	-	-	-	-	3	0.1
Jumlah	257	83.7	50	16.3	310	100.0

Jadual 3.2 dan 3.2 tidak menyatakan bilangan pelajar tahun satu kemasukan program perdana kerana mereka menjalani tahun asas di Fakulti Sains. Pelajar program perdana

mengikuti program pengajian di Fakulti Pendidikan bermula pada tahun 2. Di samping itu, pelajar program PKPG, PPLD dan Matrikulasi merupakan golongan pelajar yang mengikuti pengajian di Fakulti Pendidikan melalui saluran program kemasukan terus ke tahun dua.

Jadual 3.3: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Program Pengajian Dan Kumpulan Program

Jenis Program Pengkhususan	Program Pengajian				Jumlah	
	Program Perdana		Program Kemasukan Terus Tahun 2			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
SPA	16	5.2	7	2.3	23	7.4
SPC	8	2.6	-	-	8	2.6
SPE	4	1.3	9	2.9	13	4.2
SPH	15	4.8	6	1.9	21	6.8
SPI	3	1.0	-	-	3	1.0
SPK	29	9.4	10	3.2	39	12.6
SPL	22	7.1	-	-	22	7.1
SPM	17	5.5	-	-	17	5.5
SPN	6	1.9	-	-	6	1.9
SPP	40	12.9	6	1.9	46	14.8
SPS	30	9.7	1	0.3	31	10.0
SPT	64	20.6	4	1.3	68	21.9
SSK	1	0.3	-	-	1	0.3
<i>Tiada maklumbalas</i>	5	1.6	7	2.3	12	3.9
Jumlah	260	83.9	50	16.1	310	100.0

Jadual 3.3 menunjukkan taburan bilangan pelajar perdana dan kemasukan terus ke tahun dua mengikut jenis program pengkhususan.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik digunakan untuk mendapatkan data. Sulaiman Ngah Razali (2002) menyatakan soal selidik merupakan kaedah paling mudah untuk memperoleh maklumat. Selain itu, soal selidik selalu digunakan untuk mengukur sikap seseorang samada melalui soalan respon tetap, bebas (terbuka), senarai semak atau skala kadar. Dalam kajian ini, soal selidik berskala empat mata dipilih dengan responden kajian perlu memilih jawapan paling sesuai dengan pilihan diri. Jadual 3.4 di bawah menunjukkan skala empat mata yang digunakan.

Jadual 3.4 : Jadual Skala Empat Mata

Peringkat	Singkatan	Skor
Sangat Setuju	SS	4
Setuju	S	3
Tidak Setuju	TS	2
Sangat Tidak Setuju	STS	1

Set soal selidik kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A mengandungi item-item yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti kursus, jantina dan bangsa. Responden perlu mengisi maklumat yang dikehendaki pada ruang yang disediakan. Bahagian B mengandungi 99 item berpandukan skala empat mata. Daripada 99 item ini, sebanyak 45 item adalah untuk mengukur pola gaya pembelajaran pelajar manakala kemahiran belajar pula terdiri daripada 54 item. Item untuk gaya pembelajaran adalah dipilih dari instrumen item gaya pembelajaran Model Dunn dan Dunn (1978) dan item untuk kemahiran belajar adalah diubahsuai dari instrumen kajian terdahulu. Responden perlu memberi pilihan terhadap pernyataan yang diberi dengan membulatkan nombor yang disediakan mengikut pilihan diri yang sesuai.

Lima aspek pola gaya pembelajaran yang dikaji mengikut Model Dunn dan Dunn adalah Persekitaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal dan Psikologikal. Kemahiran belajar pula dari enam aspek iaitu Kemahiran Membaca, Kemahiran Menguruskan Masa, Kemahiran Menulis Nota, Kemahiran Mendengar, Kemahiran Membuat Rujukan dan Kemahiran Menghadapi Peperiksaan. Ringkasan bilangan item berhubung persoalan kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3 dan Jadual 3.4 di bawah.

Jadual 3.5 : Bilangan Item Bagi Setiap Kategori Pola Gaya Pembelajaran

Kategori Gaya Pembelajaran	Bil. Item
Gaya Pembelajaran Persekitaran	9
Gaya Pembelajaran Emosional	17
Gaya Pembelajaran Sosiologikal	5
Gaya Pembelajaran Fizikal	9
Gaya Pembelajaran Psikologikal	5
Jumlah Item	45

Jadual 3.6 : Bilangan Item Bagi Setiap Aspek Kemahiran Belajar

Aspek Kemahiran Belajar	Bil. Item
Kemahiran Membaca	10
Kemahiran Menulis Nota	11
Kemahiran Menguruskan Masa	10
Kemahiran Mendengar	5
Kemahiran Membuat Rujukan	8
Kemahiran Menghadapi Peperiksaan	10
Jumlah Item	54

Bahagian C menyediakan dua soalan terbuka seperti berikut.

1. Jelaskan masalah belajar yang anda hadapi pada ketika ini.
2. Berikan cadangan untuk memperbaiki masalah belajar yang anda hadapi.

3.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Mohd. Majid Konting (1994) menyatakan kebolehpercayaan memberi darjah ketekalan kepada instrumen pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dapat memberikan keputusan yang tepat Untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, satu kajian rintis telah dijalankan sebelum set soal selidik sebenar diedarkan kepada responden. Kajian rintis adalah bertujuan untuk,

- i. mengenalpasti masalah pemahaman dan interpretasi item soal selidik.
- ii. mendapat maklum balas untuk memperbaiki item soal selidik.
- iii. mengetahui jangka masa yang diperlukan untuk menjawab item soal selidik.

Satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang pelajar (yang tidak terlibat sebagai responden kajian) untuk mengukur kebolehpercayaan item dalam soal selidik yang digunakan. Data yang diperolehi dari kajian rintis ini dianalisis dan item yang bermasalah dibaiki. Seterusnya, kebolehpercayaan instrumen soalselidik menunjukkan nilai Alpha Cronbach 0.83. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), kebolehpercayaan yang tinggi mempunyai nilai Alpha Cronbach melebihi 0.80.

Kesahan soal selidik perlu dilakukan bagi membolehkan soal selidik mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, input rujukan dan maklum balas dari pensyarah berpengalaman didapatkan untuk menilai kandungan item soal selidik. Di samping itu, soalselidik juga dirujuk kepada pelajar bagi menilai kesesuaian item. Rujukan kesahan ini perlu bagi mengelakkan kekaburan atau mengelakkan soal selidik daripada tidak mengukur objektif dan kandungan kajian.

3.5 Prosedur Kajian

Setelah soal selidik dibaiki, penyelidik sendiri mengedarkan soal selidik kepada responden mengikut kursus masing-masing. Prosedur dalam menjalankan kajian ini ialah:

- i. Memilih masa yang sesuai untuk berjumpa dengan pelajar bagi setiap kursus.
- ii. Menerangkan kepada responden tujuan kajian yang dijalankan.
- iii. Menerangkan cara untuk menjawab soal selidik kepada responden.
- iv. Responden diberikan masa yang cukup untuk menjawab soal selidik.
- v. Mengutip dan mengira soal selidik yang dikembalikan responden.

3.6 Penganalisan Data

Borang soal selidik yang dipungut disemak terlebih dahulu untuk memastikan setiap responden menjawab soal selidik mematuhi arahan dan keperluan yang telah ditetapkan dalam kajian. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS for Windows. Analisis data ditunjukkan dalam jadual kekerapan dan peratusan atau skor min.

Bahagian A soal selidik mengumpul maklumat latar belakang responden iaitu kursus, jantina dan bangsa dan di analisis dalam jadual kekerapan dan peratusan. Untuk bahagian B,

sebanyak 99 item dibina bagi mengukur pola gaya pembelajaran (jumlah 45 item) dan kemahiran belajar (jumlah 54 item) menggunakan Skala Ordinal Empat Mata berikut.

Jadual 3.7 : Kategori Skala Ordinal Empat Mata

Skala Ordinal	<i>Sangat Setuju</i>	<i>Setuju</i>	<i>Tidak Setuju</i>	<i>Sangat Tidak Setuju</i>
Skor	4	3	2	1

Analisis data kemudiannya dibuat menggunakan skor min. Untuk mengukur tahap, respon dari responden dikelaskan kepada tiga markat skor min dengan tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi seperti dalam Jadual 3.8 di bawah.

Jadual 3.8: Pengkelasan Tahap Markat Skor Min

Markat Skor	Petanda Tahap
1.00 - 2.00	<i>Rendah</i>
2.01 - 3.00	<i>Sederhana</i>
3.01 - 4.00	<i>Tinggi</i>

Analisis Bahagian C pula dianalisis dengan mengkategorikan respon dari soalan terbuka kepada tema kualitatif dan kemudiannya dikuantitikan secara kekerapan. Tema ini dibentuk berdasarkan kepada persamaan konsep yang diambil dari sorotan literatur di samping pembentukan tema baru yang berbeza.

3.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini membincangkan populasi, kaedah dan prosedur yang digunakan untuk menjalankan kajian. Huraian analisa dapatan kajian dibuat berdasarkan kepada setiap item dan juga secara keseluruhan bagi setiap aspek yang dikaji. Metodologi kajian digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang telah disediakan dalam Bab 1. Semua maklumat yang dikumpul dengan menggunakan soal selidik diproses dan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Semua keputusan dan kesimpulan yang telah diperolehi daripada analisis data dinyatakan dalam Bab 4 berikut.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini membentangkan hasil kajian yang telah dianalisis. Data yang diperolehi melalui soalselidik dari responden dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan program SPSS. Dapatan kajian bagi faktor demografi dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan, soalan respon tetap bagi menjawab objektif kajian dinyatakan dalam bentuk min dan sisihan piawai, manakala soalan terbuka dianalisis secara mengkategorikan dan mengkuantitikan respon yang diberikan. Analisis data dibuat dan disusun mengikut objektif dan persoalan kajian seperti dalam Bab 1.

4.1 Analisis Faktor Demografi Terpilih Responden

Bahagian ini melaporkan analisis latar belakang responden yang terdiri daripada kursus, jantina dan bangsa. Kaedah kekerapan dan peratusan digunakan untuk menganalisis latar belakang responden. Analisis data latarbelakang kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1 hingga 4.6.

Jadual 4.1 : Analisis Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	82	26.5
Perempuan	228	73.5
Jumlah	310	100

Jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Jumlah bilangan responden adalah 310 orang. Dari jumlah ini seramai 82 orang (26.5%) adalah lelaki manakala 228 orang (71.2%) adalah perempuan. Jumlah bilangan pelajar perempuan lebih ramai sebagai responden adalah kerana bidang perguruan di monopoli oleh golongan perempuan.

Jadual 4.2: Analisis Taburan Bilangan Dan Peratus Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan	Peratus
18 – 20 tahun	197	63.6
21 – 23 tahun	86	27.7
24 tahun dan ke atas	25	8.1
Jumlah	308	99.4
<i>Tidak menjawab</i>	2	0.6
Jumlah keseluruhan	310	100

Jadual 4.2 di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut umur. Terdapat seramai 310 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Dari jumlah ini seramai 308 orang menulis jantina mereka, manakala 2 orang pelajar tidak memberitahu jenis jantina mereka. Seramai 197 orang (64%) berumur antara 18 hingga 20 tahun, 86 orang (30%) berumur 21 hingga 23 tahun dan selebihnya seramai 25 orang (8%) berumur 24 tahun dan ke atas. Perbezaan umur ini disebabkan terdapat berbagai jenis program saluran kemasukan dan tahun pengajian pelajar. Responden kajian terdiri dari kemasukan program perdana, PKPG, PPLD dan matrikulasi. Responden kajian juga terdiri dari pelajar tahun 2, tahun 3 dan tahun 4 (akhir). Pelajar tahun satu tiada kerana mereka masih menjalani tahun asas di Fakulti Sains.

Jadual 4.3: Analisis Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Kaum

Kaum	Bilangan	Peratus
Bumiputera	206	66.5
Bukan bumiputera	104	33.5
Jumlah	310	100.0

Jadual 4.4: Analisis Taburan Bilangan Dan Peratus Responden Mengikut Etnik

Bangsa	Bilangan	Peratus
Melayu	194	62.6
China	92	29.7
India	11	3.5
Bajau	1	0.3
Bidayuh	1	0.3
Iban	4	1.3
Kadazan	6	1.9
Siam	1	0.3
Jumlah	310	100.0

Jadual 4.3 dan 4.4 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut kaum dan etnik. Ramai daripada responden adalah golongan bumiputera (206 orang atau 66.5%). Majoritinya seramai 194 orang (62.6%) berketurunan Melayu dan diikuti berketurunan Cina dan India, masing-masing 92 orang (29.7%) dan 11 orang (3.5%). Kaum bumiputera lainnya terdiri dari Bajau, Bidayuh, Iban, Kadazan dan Siam.

Jadual 4.5: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Keputusan Peperiksaan SPM

Keputusan peperiksaan SPM	Bilangan	Peratus
Gred 1	177	57.1
Gred 2	21	6.8
Gred 3	1	0.3
Jumlah	199	64.2
<i>Tidak menjawab</i>	111	35.8
Jumlah keseluruhan	310	100.0

Jadual 4.5 di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut keputusan peperiksaan SPM. Kebanyakan responden kajian memperoleh Gred 1 (177 orang atau 88.9%) dalam peperiksaan SPM dan hanya seorang sahaja yang memperoleh Gred 3. Selebihnya mendapat Gred 2 (21 orang atau 10.6%). Seramai 111 orang (35.8%) tidak menjawab keputusan SPM mereka.

Jadual 4.6: Analisis Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut CPA

Kategori CPA	Bilangan	Peratus
1.99 dan ke bawah (rendah)	3	1.0
2.00 – 2.99 (sederhana)	156	50.3
3.00 dan ke atas (tinggi)	116	37.4
<i>Tidak menjawab</i>	35	11.3
Jumlah	310	100.0

Jadual 4.6 di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut CPA. Majoriti pelajar berada dalam lingkungan CPA kategori tahap sederhana iaitu nilai 2.00 hingga 2.99 (156 orang atau 50.3%), diikuti dengan 116 orang (37.4%) berada dalam CPA kategori tahap tinggi dan seramai 3 orang (1.0%) mencapai CPA kurang dari 2.0 (tahap rendah).

4.2 Analisis Dapatan Kajian Bahagian B

Dalam Bahagian B, sebanyak 99 item soalan telah dikemukakan kepada responden untuk menjawab mengikut arahan. Gaya pembelajaran terdiri daripada 45 soalan manakala Kemahiran Belajar terdiri daripada 54 soalan. Analisis data dibuat berdasarkan kepada persoalan kajian seperti yang dinyatakan dalam Bab 1.

4.2.1 Gaya Pembelajaran Pelajar

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian 1 iaitu '*Apakah kepelbagaian gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia dari segi kategori Persekitaran, Emosional,*

Sosiologikal, Fizikal, dan Psikologikal mengikut Model Dunn dan Dunn? Apakah gaya pembelajaran yang dominan yang diamalkan oleh mereka?’

Analisis deskriptif menggunakan nilai min dibuat dengan menunjukkan gaya pembelajaran pelajar berdasarkan lima kategori gaya pembelajaran seperti dalam Model Dunn dan Dunn. Kategori tersebut adalah (1) Persekitaran, (2) Emosional, (3) Sosiologikal, (4) Fizikal dan (5) Psikologikal. Analisis data dan dapatan kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2.1 hingga 4.2.6 berikut.

4.2.1.1 Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar bagi Kategori Persekitaran

Bahagian ini menerangkan gaya pembelajaran pelajar bagi kategori Persekitaran. Terdapat sembilan item (item 1 hingga 9) disediakan untuk kategori ini. Analisis data dibuat menggunakan peratusan, kekerapan dan min bagi mengesan gaya pembelajaran dalam kategori persekitaran. Hasil dapatan kajian dinyatakan dalam Jadual 4.7 di bawah.

Jadual 4.7 : Analisis Min Gaya Pembelajaran Pelajar Bagi Kategori Persekitaran

Bil.	Pernyataan Item	Min (SP)
1	Saya dapat belajar dalam suasana yang sunyi.	3.35 (0.59)
2	Saya boleh belajar dalam keadaan yang bising.	2.80 (0.82)
3	Saya lebih suka memilih tempat yang bercahaya terang untuk belajar.	3.45 (0.61)
4	Saya boleh belajar dalam persekitaran cahaya samar.	2.82 (0.80)
5	Saya boleh belajar pada suhu panas.	1.92 (0.59)
6	Saya berasa lebih selesa untuk belajar pada suhu yang dingin.	3.08 (0.59)
7	Saya suka belajar dengan duduk di kerusi dan meja.	3.18 (0.68)
8	Saya suka belajar secara berbaring di atas katil atau lantai.	2.43 (0.86)
9	Saya berasa cepat mengantuk jika duduk di kerusi semasa belajar.	2.24 (0.73)
Jumlah Purata Min		2.81 (0.70)

Jadual 4.7 menunjukkan skor min untuk gaya pembelajaran pelajar bagi kategori Persekitaran. Pada keseluruhannya skor min bagi gaya pembelajaran kategori persekitaran berada antara nilai 1.92 hingga 3.45. Skor min keseluruhan gaya pembelajaran dari kategori persekitaran adalah 2.81 (SP=0.70). Nilai min yang rendah (kurang daripada 3.0) menunjukkan pelajar kurang mementingkan gaya pembelajaran berdasarkan persekitaran. Item yang mendapat skor min tertinggi iaitu 3.45 (SP=0.61) adalah item 3 (*saya lebih suka memilih tempat yang bercahaya terang untuk belajar*). Item yang mendapat skor min terendah iaitu 1.92 (SP=0.59) adalah item 5 (*saya boleh belajar pada suhu panas*). Ini menunjukkan bahawa pelajar lebih suka memilih persekitaran belajar yang bercahaya terang dan sangat kurang selesa belajar dalam persekitaran yang panas.

Daripada sembilan item yang disediakan dalam gaya pembelajaran kategori persekitaran, sebanyak lima item mendapat skor min kurang daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 2, 4, 5, 8 dan 9. Sebanyak empat item mendapat skor min lebih daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 1, 3, 6, dan 7. Ini menunjukkan pelajar lebih suka memilih persekitaran belajar yang sunyi, cahaya terang, suhu dingin dan duduk dikerusi dan meja.

4.2.1.2 Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar bagi Kategori Emosional

Bahagian ini menerangkan gaya pembelajaran pelajar bagi kategori Emosional. Terdapat 17 item (item 10 hingga 26) disediakan untuk kategori ini. Analisis data dibuat menggunakan peratusan, kekerapan dan min bagi mengesan gaya pembelajaran dalam kategori emosional. Hasil dapatan kajian adalah seperti dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.8 menunjukkan skor min untuk gaya pembelajaran pelajar bagi kategori emosional. Pada keseluruhannya skor min bagi gaya pembelajaran kategori emosional berada antara nilai 2.46 hingga 3.66. Skor min keseluruhan gaya pembelajaran dari kategori persekitaran adalah 3.09 (SP=0.63). Nilai min yang tinggi melebihi 3.0 menunjukkan pelajar mementingkan gaya pembelajaran berdasarkan emosional. Item yang mendapat skor min tertinggi iaitu 3.66 (SP=0.51) adalah item 12 (*saya gembira apabila mendapat markah atau gred yang baik*). Item yang mendapat skor min terendah iaitu 2.46 (SP=0.87) adalah item 22 (*saya selalu lupa membuat atau menghabiskan kerja rumah saya*). Ini menunjukkan bahawa pelajar sangat gembira dan mementingkan mendapat markah yang baik dan berusaha membuat kerja atau tugas yang diberikan.

Jadual 4.8 : Analisis Min Gaya Pembelajaran Pelajar Bagi Kategori Emosional

Bil.	Pernyataan Item	Min (SP)
10	Saya mahu mendapatkan gred yang baik dalam subjek yang diambil.	3.59 (0.53)
11	Maklumbalas dan teguran ibu bapa dan guru mendorong saya belajar.	3.52 (0.52)
12	Saya gembira apabila mendapat markah atau gred yang baik	3.66 (0.51)
13	Tiada orang mengambil berat dengan pencapaian saya.	2.91 (0.67)
14	Saya dapat menghasilkan kerja yang terbaik dalam masa yang singkat.	2.55 (0.68)
15	Apabila saya belajar, saya akan menumpukan sepenuh perhatian sehingga saya dapat menyiapkan kerja.	3.07 (0.63)
16	Saya suka mempelajari sesuatu yang baru.	3.18 (0.63)
17	Saya sukar untuk menyelesaikan semua kerja saya	2.54 (0.79)
18	Saya mudah bosan dalam melakukan sesuatu perkara menyebabkan saya ingin membuat sesuatu yang baru.	2.95 (0.64)
19	Saya menyelesaikan kerja yang telah saya mulakan.	3.08 (0.55)
20	Saya menghabiskan kerja rumah saya tepat pada masanya.	3.01 (0.65)
21	Saya melakukan sesuatu perkara yang telah saya janjikan.	3.28 (0.58)
22	Saya selalu lupa membuat atau menghabiskan kerja rumah saya.	2.46 (0.87)
23	Saya melakukan kerja saya dengan baik jika ianya akan dinilai.	3.38 (0.64)
24	Saya ingat untuk melaksanakan tugas jika dipesan.	3.04 (0.56)
25	Saya rajin melaksanakan tugas yang telah diberikan.	3.15 (0.55)
26	Saya suka melakukan kerja secara sendiri.	3.21 (0.63)
Jumlah Purata Min		3.09 (0.63)

Daripada 17 item yang disediakan dalam gaya pembelajaran kategori emosional, sebanyak lima item mendapat skor min kurang daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 13, 14, 17, 18 dan 22. Sebanyak 12 item mendapat skor min lebih daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 10, 11, 12, 15, 16, 19, 20, 21, 23, 24, 25, dan 26. Ini menunjukkan bahawa pelajar lebih mementingkan mendapat gred yang baik, dorongan belajar, tekun memberi tumpuan belajar, mempelajari perkara baru, menyelesaikan kerja menepati masa, memberi tumpuan serius jika dinilai, perlu selalu diingatkan dan bekerja berseorangan. Pelajar juga menyatakan ada pihak yang mengambil berat pencapaian mereka dan mereka ada memikirkan membuat kerja atau tugas yang diberikan. Pelajar bersetuju mereka menghasilkan kerja yang kurang baik dalam masa yang singkat, berasa sukar menyiapkan semua kerja atau tugas dan mudah bosan melakukan sesuatu perkara yang bukan baru.

4.2.1.3 Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar bagi Kategori Sosiologikal

Bahagian ini menerangkan gaya pembelajaran pelajar bagi kategori Sosiologikal. Terdapat lima item (item 27 hingga 31) disediakan untuk kategori ini. Analisis data dibuat menggunakan peratusan, kekerapan dan min bagi mengesan gaya pembelajaran dalam kategori sosiologikal. Hasil dapatan kajian adalah seperti dalam Jadual 4.9 di bawah.

Jadual 4.9 : Analisis Min Gaya Pembelajaran Pelajar Bagi Kategori Sosiologikal

Bil.	Pernyataan Item	Min (SP)
27	Saya suka belajar secara bersendirian.	3.14 (0.72)
28	Saya suka belajar bersama dengan seorang atau dua orang rakan.	2.77 (0.71)
29	Saya suka belajar secara berkumpulan bersama ramai rakan sebaya.	2.67 (0.74)
30	Saya suka ditemani oleh orang dewasa semasa belajar.	2.19 (0.88)
31	Kadangkala saya suka bersendirian semasa belajar, kadangkala saya suka belajar bersama kawan saya.	3.26 (0.64)
Jumlah Purata Min		2.81 (0.74)

Jadual 4.2.3 menunjukkan skor min untuk gaya pembelajaran pelajar bagi kategori Sosiologikal. Pada keseluruhannya skor min bagi gaya pembelajaran kategori sosiologikal berada antara nilai 2.19 hingga 3.26. Skor min keseluruhan gaya pembelajaran dari kategori sosiologikal adalah 2.81 (SP=0.74). Nilai min yang rendah (kurang daripada 3.0) menunjukkan pelajar kurang mementingkan gaya pembelajaran berdasarkan sosiologikal. Item yang mendapat skor min tertinggi iaitu 3.26 (SP=0.64) adalah item 31 (*kadangkala saya suka bersendirian semasa belajar, kadangkala saya suka belajar bersama kawan saya*). Item yang mendapat skor min terendah iaitu 2.19 (SP=0.88) adalah item 30 (*saya suka ditemani oleh orang dewasa semasa belajar*). Ini menunjukkan bahawa pelajar memilih untuk belajar bersendirian dan hanya kadang kalanya bersama dengan rakan dan tidak memerlukan orang dewasa untuk mengawasi mereka.

Daripada lima item yang disediakan dalam gaya pembelajaran kategori sosiologikal, sebanyak tiga item mendapat skor min kurang daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 28 hingga 30. Sebanyak dua item mendapat skor min lebih daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 27 dan 31. Ini menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung memilih belajar secara bersendirian.

4.2.1.4 Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar bagi Kategori Fizikal

Bahagian ini menerangkan gaya pembelajaran pelajar bagi kategori Fizikal. Terdapat sembilan item (item 32 hingga 40) disediakan untuk kategori ini. Analisis data dibuat menggunakan peratus, kekerapan dan min bagi mengesan gaya pembelajaran dalam kategori fizikal. Hasil dapatan kajian adalah seperti dalam Jadual 5.0 di bawah.

Jadual 5.0 menunjukkan skor min untuk gaya pembelajaran pelajar bagi kategori Fizikal. Pada keseluruhannya skor min bagi gaya pembelajaran kategori persekitaran berada antara nilai 2.31 hingga 3.21. Skor min keseluruhan gaya pembelajaran dari kategori persekitaran adalah 2.87 (SP=0.72). Nilai min yang rendah (kurang daripada 3.0) menunjukkan pelajar kurang mementingkan gaya pembelajaran berdasarkan fizikal. Item yang mendapat skor min tertinggi iaitu 3.21 (SP=0.68) adalah item 35 (*saya suka mempelajari sesuatu yang baru melalui permainan*). Item yang mendapat skor min terendah iaitu 2.31 (SP=0.78) adalah item 38 (*saya dapat mengingat dengan baik jika belajar pada waktu petang*). Ini menunjukkan bahawa lebih cenderung mempelajari sesuatu melalui kaedah permainan dan

mengatakan waktu belajar yang paling sesuai adalah waktu malam. Waktu belajar yang paling kurang baik dan sesuai untuk ingatan adalah di waktu petang.

Jadual 5.0: Analisis Min Gaya Pembelajaran Pelajar Bagi Kategori Fizikal

Bil.	Pernyataan Item	Min (SP)
32	Saya dapat mengingat dengan baik apabila baca.	2.74 (0.59)
33	Saya dapat mengingat dengan baik apabila ditulis.	3.01 (0.55)
34	Saya dapat mengingat dengan baik dengan mendengar.	2.81 (0.61)
35	Saya suka mempelajari sesuatu yang baru melalui permainan.	3.21 (0.68)
36	Saya dapat belajar dengan baik sambil makan dan minum.	2.50 (0.84)
37	Saya dapat mengingat dengan baik jika belajar pada awal pagi.	3.13 (0.84)
38	Saya dapat mengingat dengan baik jika belajar pada waktu petang.	2.31 (0.78)
39	Saya dapat mengingat dengan baik jika belajar pada waktu malam.	3.19 (0.67)
40	Saya tidak boleh duduk belajar di satu tempat untuk jangka masa lama.	2.90 (0.70)
Jumlah Purata Min		2.87 (0.72)

Daripada sembilan item yang disediakan dalam gaya pembelajaran kategori fizikal, sebanyak lima item mendapat skor min kurang daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 32, 34, 36, 38 dan 40. Sebanyak empat item mendapat skor min lebih daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 33, 35, 37 dan 39. Ini menunjukkan bahawa pelajar lebih mudah dapat mengingat dengan mencatat atau dalam bentuk bertulis dan sekiranya mereka belajar di waktu pagi atau malam. Mereka juga lebih menggemari mempelajari sesuatu (yang baru) melalui kaedah permainan atau beraktiviti. Pelajar kurang mengingat pembelajaran secara pasif melalui bacaan atau mendengar dan untuk dalam tempoh jangka masa yang lama. Mereka juga mengatakan belajar sambil makan dan minum dan di waktu petang adalah kurang baik.

4.2.1.5 Analisis Gaya Pembelajaran Pelajar bagi Kategori Psikologikal

Bahagian ini menerangkan gaya pembelajaran pelajar bagi kategori Psikologikal. Terdapat lima item (item 41 hingga 45) disediakan untuk kategori ini. Analisis data dibuat menggunakan peratus, kekerapan dan min bagi mengesan gaya pembelajaran dalam kategori psikologikal. Hasil dapatan kajian adalah seperti dalam Jadual 5.1 di bawah.

Jadual 5.1: Analisis Min Gaya Pembelajaran Pelajar bagi Kategori Psikologikal

Bil.	Pernyataan Item	Min (SP)
41	Saya perlu mengetahui sesuatu tugas secara keseluruhan sebelum saya menyelesaikannya.	3.29 (0.62)
42	Saya suka ujian berbentuk esei yang perlu menulis penerangan dan alasan jawapan.	2.52 (1.01)
43	Saya suka ujian objektif kerana tidak memerlukan pemikiran yang mendalam.	3.16 (0.67)
44	Saya suka matapelajaran yang melibatkan pengiraan.	3.13 (0.92)
45	Saya suka matapelajaran yang melukis.	2.78 (1.00)
Jumlah Purata Min		2.98 (0.84)

Jadual 5.1 di atas menunjukkan skor min untuk gaya pembelajaran pelajar bagi kategori Psikologikal. Pada keseluruhannya skor min bagi gaya pembelajaran kategori psikologikal berada antara nilai 2.52 hingga 3.29. Skor min keseluruhan gaya pembelajaran dari kategori persekitaran adalah 2.98 (SP=0.84). Nilai min yang tinggi mendekati 3.0 menunjukkan pelajar mementingkan gaya pembelajaran berdasarkan psikologikal. Item yang mendapat skor min tertinggi iaitu 3.29 (SP=0.62) adalah item 41 (*saya perlu mengetahui sesuatu tugas secara keseluruhan sebelum saya menyelesaikannya*). Item yang mendapat skor min terendah iaitu 2.52 (SP=1.01) adalah item 42 (*saya suka ujian berbentuk esei yang perlu menulis penerangan dan alasan jawapan*). Ini menunjukkan bahawa pelajar ingin memahami dengan jelas dan tepat tugas yang diberikan. Mereka menunjukkan minat yang kurang terhadap ujian esei.

Daripada lima item yang disediakan dalam gaya pembelajaran kategori persekitaran, sebanyak dua item mendapat skor min kurang daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 42 dan 45. Sebanyak tiga item mendapat skor min lebih daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 41, 43 dan 44. Ini menunjukkan bahawa pelajar inginkan kefahaman yang jelas mengenai kerja atau tugas yang diberikan dan mereka lebih suka ujian atau soalan berbentuk objektif dan pengiraan. Berdasarkan item 43, pelajar lebih menyukai '*ujian objektif kerana tidak memerlukan pemikiran yang mendalam*' (skor min 3.16, SP=0.67).

Menariknya dapatan kajian menunjukkan terdapat dua item mempunyai sisihan piawai yang besar melebihi atau sama dengan 1.0 menunjukkan serakan respon yang berbagai. Kedua-dua item tersebut adalah item 42 (*saya suka ujian berbentuk esei yang perlu menulis penerangan dan alasan jawapan*) dengan nilai min 2.52 (SP=1.01) dan item 45 (*saya suka mata pelajaran yang melibatkan lukisan*) dengan nilai min 2.78 (SP=1.00) menunjukkan terdapat dua golongan pelajar yang menyukai dan tidak menyukai soalan esei dan matapelajaran yang melukis.

4.2.2 Gaya Pembelajaran Dominan Pelajar

Bahagian ini adalah untuk menjawab '*Apakah gaya pembelajaran dominan yang diamalkan oleh pelajar berdasarkan Model Dunn dan Dunn dari segi kategori Persekitaran, Emosional, Sosiologikal, Fizikal, dan Psikologikal?*'

Analisis deskriptif menggunakan nilai min dibuat dengan menyusun skor min tertinggi ke terendah bagi semua lima kategori gaya pembelajaran seperti dalam Model Dunn dan Dunn. Kategori tersebut adalah (1) Persekitaran, (2) Emosional, (3) Sosiologikal, (4) Fizikal dan (5) Psikologikal. Analisis data dan dapatan kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2. Jadual 5.2 menunjukkan nilai min bagi kelima-lima kategori gaya pembelajaran pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, UTM. Dapatan kajian menunjukkan gaya pembelajaran kategori Emosional lebih dominan berbanding dengan kategori yang lain dengan nilai min yang tertinggi iaitu 3.09 (SP=0.63). Kategori Psikologikal berada ditempat kedua dengan nilai min 2.98 (SP=0.84), diikuti kategori Fizikal dengan nilai min 2.87 (SP=0.72), kategori Persekitaran dengan nilai min 2.81 (SP=0.70) dan yang terendah ialah kategori Sosiologikal dengan nilai min 2.81 (SP=0.74).

Jadual 5.2 : Analisis Min Mengikut Kategori Gaya Pembelajaran Paling Dominan Bagi Pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, UTM

Kategori Gaya Pembelajaran	Min (SP)
<i>Emosional</i>	3.09 (0.63)
<i>Psikologikal</i>	2.98 (0.84)
<i>Fizikal</i>	2.87 (0.72)
<i>Persekitaran</i>	2.81 (0.70)
<i>Sosiologikal</i>	2.81 (0.74)

Rumusan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa gaya pembelajaran dominan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan adalah kategori Emosional. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa dua kategori gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar adalah terutamanya kategori Emosional dan keduanya kategori Psikologikal.

4.2.3 Tahap Kemahiran Belajar Pelajar

Dalam bahagian ini, kemahiran belajar pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, UTM diukur berdasarkan enam kategori kemahiran iaitu membaca, menulis nota, menguruskan masa, mendengar, membuat rujukan dan menghadapi peperiksaan. Penjelasan dibuat untuk menjawab Persoalan Kajian 2 iaitu '*Apakah tahap kemahiran belajar di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan, UTM? Apakah aspek kemahiran belajar yang kurang diberi perhatian oleh pelajar?*'

4.2.3.1 Aspek Kemahiran Membaca

Bahagian ini membincangkan Kemahiran Membaca yang diamalkan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, UTM. Sebanyak sepuluh item disediakan untuk aspek ini. Dapatan dan analisis kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.3 seperti di bawah.

Jadual 5.3: Analisis Min Kemahiran Belajar Pelajar Bagi Aspek Kemahiran Membaca

Bil	Pernyataan Item	Min (SP)	Tahap
1	Saya membaca dengan suara yang kuat semasa membaca.	2.31 (0.81)	Sederhana
2	Saya membaca perkataan demi perkataan semasa membaca.	2.66 (0.65)	Sederhana
3	Saya mengambil masa yang panjang untuk memahami topik dalam buku.	2.80 (0.63)	Sederhana
4	Saya ada mengaitkan maklumat yang dibaca dengan pengetahuan sedia ada.	3.07 (0.60)	Tinggi
5	Saya ada mencari isi-isi penting semasa membaca.	3.20 (0.56)	Tinggi
6	Saya mengerakkan bibir semasa membaca.	3.07 (0.69)	Tinggi
7	Saya mengkaji setiap rangka topik dahulu sebelum saya mula membaca.	2.84 (0.67)	Sederhana
8	Saya ada membuat ulangkaji untuk bahagian yang saya tidak fahami.	3.16 (0.62)	Tinggi
9	Saya memberikan tumpuan kepada isi penting semasa membaca.	3.28 (0.57)	Tinggi
10	Selepas membaca, saya merumuskan isi topik dengan perkataan saya sendiri.	2.98 (0.82)	Sederhana
Jumlah Purata Min		2.94 (0.66)	Sederhana

Jadual 5.3 menunjukkan skor min kemahiran belajar pelajar bagi aspek Kemahiran Membaca. Pada keseluruhannya skor min bagi aspek kemahiran membaca berada antara nilai 2.31 hingga 3.20. Skor min keseluruhan bagi aspek kemahiran membaca adalah 2.94 (SP=0.66). Purata nilai min kurang daripada 3.0 menunjukkan pelajar mempunyai kemahiran membaca yang sederhana. Item yang mendapat skor min tertinggi iaitu 3.20 (SP=0.56) adalah item 5 (*saya ada mencari isi-isi penting semasa membaca*). Item yang mendapat skor min terendah iaitu 2.31 (SP=0.81) adalah item 1 (*saya membaca dengan suara yang kuat semasa membaca*). Ini menunjukkan bahawa pelajar ada mencari isi penting semasa membaca tetapi mereka lebih cenderung membaca secara perlahan dalam hati.

Daripada sepuluh item yang disediakan dalam kemahiran belajar bagi aspek kemahiran membaca, sebanyak lima item mendapat skor min kurang daripada nilai 3.0 dan item

tersebut adalah item 1, 2, 3, 7 dan 10. Sebanyak lima item mendapat skor min lebih daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 4, 5, 6, 8 dan 9. Ini menunjukkan bahawa pelajar membaca secara perlahan, mengulangkaji dan memberi tumpuan untuk mencari isi atau maklumat penting. Walaubagaimanapun, pelajar masih kurang menggunakan teknik membaca yang betul seperti mengkaji rangka topik dahulu sebelum membaca sepenuhnya dan kurang membuat rumusan isi dengan perkataan sendiri.

4.2.3.2 Kemahiran Menulis dan Mengambil Nota

Bahagian ini membincangkan Kemahiran Mengambil dan Menulis Nota yang diamalkan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, UTM. Sebanyak 11 item disediakan untuk aspek ini. Dapatan dan analisis kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.4 seperti di bawah.

Jadual 5.4 menunjukkan skor min kemahiran belajar pelajar bagi aspek Kemahiran Mengambil dan Menulis Nota. Pada keseluruhannya skor min bagi aspek kemahiran mengambil dan menulis nota berada antara nilai 2.64 hingga 3.36. Skor min keseluruhan kemahiran belajar pelajar bagi aspek kemahiran mengambil dan menulis nota adalah 3.03 (SP=0.71). Purata nilai min melebihi daripada 3.0 menunjukkan pelajar mempunyai tahap kemahiran mengambil dan menulis nota yang tinggi. Item yang mendapat skor min tertinggi iaitu 3.36 (SP=0.70) adalah item 10 (*saya ada menanda atau mengariskan isi, bahagian atau ayat nota penting*). Item yang mendapat skor min terendah iaitu 2.64 (SP=0.86) adalah item 9 (*saya menggunakan warna pen yang sama sahaja untuk mencatatkan nota*). Ini menunjukkan bahawa ramai pelajar menggariskan isi atau ayat nota dengan warna atau pen yang pelbagai.

Daripada 11 item yang disediakan dalam kemahiran belajar bagi aspek kemahiran mengambil dan menulis nota, sebanyak lima item mendapat skor min kurang daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 2, 3, 5, 8, dan 9. Sebanyak enam item mendapat skor min lebih daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 1, 4, 6, 7, 10 dan 11. Ini menunjukkan bahawa pelajar menggunakan kemahiran mengambil dan menulis nota terutamanya seperti menulis nota ringkas dan penting semasa membaca menggunakan perkataan singkatan, memberi sepenuh tumpuan mengambil nota kuliah, menggariskan isi atau ayat penting, berkongsi nota rakan sekelas untuk mengulangkaji dan memberi tumpuan untuk mencari isi atau maklumat penting. Walaubagaimanapun, pelajar masih tidak mempunyai buku catatan

khusus nota dan malas mencari nota tambahan. Mereka juga mengatakan mereka tidak sempat mencatat semua nota yang diberikan dalam kuliah.

Jadual 5.4 : Analisis Min Kemahiran Belajar Pelajar Bagi Aspek Kemahiran Mengambil dan Menulis Nota

Bil.	Pernyataan Item	Min (SP)	Tahap
1	Saya ada menulis nota ringkas semasa membaca.	3.19 (0.73)	Tinggi
2	Saya mempunyai buku catatan nota untuk menulis nota.	2.97 (0.88)	Sederhana
3	Saya menulis nota perkataan demi perkataan.	2.63 (0.84)	Sederhana
4	Saya menggunakan perkataan singkatan semasa menulis nota.	3.29 (0.62)	Tinggi
5	Saya mencari maklumat tambahan untuk melengkapkan nota.	2.68 (0.70)	Sederhana
6	Saya menumpukan perhatian sepenuhnya semasa kuliah.	3.28 (0.65)	Tinggi
7	Saya menulis isi penting semasa membaca.	3.23 (0.63)	Tinggi
8	Saya sempat mencatat nota-nota yang diberikan oeh pensyarah semasa kuliah.	2.88 (0.73)	Sederhana
9	Saya menggunakan warna pen yang sama sahaja untuk mencatatkan nota.	2.64 (0.86)	Sederhana
10	Saya ada menanda atau mengariskan isi, bahagian atau ayat nota penting.	3.36 (0.70)	Tinggi
11	Saya ada menyalin nota daripada rakan sekelas.	3.13 (0.62)	Tinggi
Jumlah Purata Min		3.03 (0.71)	Tinggi

4.2.3.3 Kemahiran Mengurus Masa

Bahagian ini membincangkan Kemahiran Mengurus Masa yang diamalkan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, UTM. Sebanyak sepuluh item disediakan untuk aspek ini. Dapatan dan analisis kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.5 seperti di bawah.

Jadual 5.5: Analisis Min Kemahiran Belajar Pelajar Bagi Aspek Kemahiran Mengurus Masa

Bil.	Pernyataan Item	Min (SP)	Tahap
1	Saya menyediakan jadual aktiviti dan belajar harian.	2.52 (0.82)	Sederhana
2	Saya menetapkan masa belajar sekurang-kurangnya 3 jam sehari.	2.46 (0.89)	Sederhana
3	Saya mempunyai masa beriadah, menonton TV dan berbual-bual bersama dengan kawan.	3.36 (0.57)	Tinggi
4	Saya mengikuti jadual waktu dan belajar yang telah dirancangkan.	2.60 (0.86)	Sederhana
5	Saya merekodkan semua aktiviti yang dibuat di dalam diari.	2.37 (0.96)	Sederhana
6	Saya ada merancangkan mengurus masa belajar dengan baik sejak awal semester lagi.	2.61 (0.74)	Sederhana
7	Saya mempunyai masa yang cukup untuk belajar.	2.90 (0.66)	Sederhana
8	Saya menghadiri kelas pada masa yang telah ditetapkan.	3.38 (0.58)	Tinggi
9	Saya membahagikan masa belajar yang cukup untuk setiap mata pelajaran.	2.92 (0.71)	Sederhana
10	Saya mengelakkan terlibat dengan aktiviti yang mengganggu jadual belajar harian saya.	2.88 (0.71)	Sederhana
Jumlah Purata Min		2.80 (0.75)	Sederhana

Jadual 5.5 menunjukkan skor min kemahiran belajar pelajar bagi aspek Kemahiran Mengurus Masa. Pada keseluruhannya skor min bagi aspek kemahiran menguruskan masa berada antara nilai 2.37 hingga 3.38. Skor min keseluruhan kemahiran belajar pelajar bagi aspek kemahiran mengurus masa adalah 3.03 (SP=0.71). Purata nilai min kurang daripada 3.0 menunjukkan pelajar mempunyai tahap kemahiran mengurus masa yang sederhana. Item yang mendapat skor min tertinggi iaitu 3.38 (SP=0.58) adalah item 8 (*saya menghadiri kelas pada masa yang telah ditetapkan*). Item yang mendapat skor min terendah iaitu 2.37 (SP=0.86) adalah item 5 (*saya merekodkan semua aktiviti yang dibuat di dalam diari*). Ini menunjukkan bahawa ramai pelajar mengurus masa dengan baik untuk hadir ke kuliah pada masa yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, mereka menganggap merekod aktiviti harian dalam diari adalah kurang penting.

Daripada sepuluh item yang disediakan dalam kemahiran belajar bagi aspek mengurus masa, sebanyak lapan item mendapat skor min kurang daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 1, 2, 4, 5, 6, 7, 9 dan 10. Sebanyak dua item mendapat skor min lebih daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 3 dan 8. Ini menunjukkan bahawa pelajar masih belum dapat mengurus masa dengan baik dalam hal menyediakan jadual masa belajar, gagal mengikut jadual masa belajar yang telah dibuat, merancang mengurus masa belajar di awal semester, mengurus dan membahagikan masa yang cukup untuk belajar, dan kurang berupaya mengelak terlibat dengan aktiviti yang mengganggu jadual belajar yang telah dibuat. Pelajar lebih mengutamakan membuang masa menonton televisyen, berbual kosong dengan rakan atau beriadah daripada memberikan masa untuk belajar.

4.2.3.4 Kemahiran Mendengar

Bahagian ini membincangkan Kemahiran Mendengar yang diamalkan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, UTM. Sebanyak lima item disediakan untuk aspek ini. Dapatan dan analisis kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.6 seperti di bawah.

Jadual 5.6 : Analisis Min Kemahiran Belajar Pelajar Bagi Aspek Kemahiran Mendengar

Bil.	Pernyataan Item	Min (SP)	Tahap
1	Saya mempunyai deria pendengaran yang baik.	3.19 (0.62)	Tinggi
2	Saya dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap isi kandungan kuliah.	2.84 (0.67)	Sederhana
3	Saya berusaha mengikut kuliah dengan teliti.	3.12 (0.61)	Tinggi
4	Saya ada membuat catatan semasa mendengar kuliah.	3.18 (0.60)	Tinggi
5	Saya menghindarkan suara semasa mendengar kuliah.	2.87 (0.62)	Sederhana
Jumlah Purata Min		3.04 (0.64)	Tinggi

Jadual 5.6 menunjukkan skor min kemahiran belajar pelajar bagi aspek Kemahiran Mendengar. Pada keseluruhannya skor min bagi aspek kemahiran mendengar berada antara nilai 2.84 hingga 3.19. Skor min keseluruhan kemahiran belajar pelajar bagi aspek kemahiran mendengar adalah 3.04 (SP=0.64). Purata nilai min melebihi daripada 3.0

menunjukkan pelajar mempunyai tahap kemahiran mendengar yang tinggi. Item yang mendapat skor min tertinggi iaitu 3.19 (SP=0.62) adalah item 1 (*saya mempunyai deria pendengaran yang baik*). Item yang mendapat skor min terendah iaitu 2.84 (SP=0.67) adalah item 2 (*saya dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap isi kandungan kuliah*). Ini menunjukkan bahawa ramai pelajar mengakui mempunyai deria pendengaran yang baik tetapi kurang dapat menumpukan perhatian kepada isi kuliah.

Daripada lima item yang disediakan dalam kemahiran belajar bagi aspek mendengar, sebanyak dua item mendapat skor min kurang daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 2 dan 5. Sebanyak tiga item mendapat skor min lebih daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 1, 3 dan 4. Ini menunjukkan bahawa pelajar berusaha untuk mengikuti kuliah tetapi kurang dapat memberi tumpuan yang tinggi dalam kuliah.

4.2.3.5 Kemahiran Membuat Rujukan

Bahagian ini membincangkan Kemahiran Membuat Rujukan yang diamalkan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, UTM. Sebanyak lapan item disediakan untuk aspek ini. Dapatan dan analisis kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.7 seperti di bawah.

Jadual 5.7 : Analisis Min Kemahiran Belajar Pelajar Bagi Aspek Kemahiran Membuat Rujukan

Bil.	Pernyataan Item	Min (SP)	Tahap
1	Bahan rujukan yang saya gunakan adalah ensiklopedia, jurnal, majalah, dan internet.	3.18 (0.55)	Tinggi
2	Saya ada mencari bahan rujukan di perpustakaan.	3.16 (0.50)	Tinggi
3	Saya ada merujuk kepada indeks terlebih dahulu sebelum membuat rujukan.	3.04 (0.64)	Tinggi
4	Saya ada merujuk kepada rakan tentang perkara yang tidak difahami.	3.20 (0.53)	Tinggi
5	Saya ada merujuk kepada kamus untuk mencari makna perkataan yang tidak difahami.	3.15 (0.66)	Tinggi
6	Saya mencari bahan rujukan tambahan untuk membuat tugas.	3.20 (0.51)	Tinggi
7	Saya pergi ke perpustakaan sekurang-kurangnya sekali seminggu untuk mendapatkan bahan rujukan yang diperlukan.	2.89 (0.64)	Sederhana
8	Saya mahir menggunakan sistem di perpustakaan untuk mendapatkan bahan rujukan.	2.89 (0.64)	Sederhana
Jumlah Purata Min		3.09 (0.58)	Tinggi

Jadual 5.7 menunjukkan skor min kemahiran belajar pelajar bagi aspek Kemahiran Membuat Rujukan. Pada keseluruhannya skor min bagi aspek kemahiran membuat rujukan berada antara nilai 2.89 hingga 3.20. Skor min keseluruhan kemahiran belajar pelajar bagi aspek kemahiran membuat rujukan adalah 3.09 (SP=0.58). Purata nilai min melebihi daripada 3.0 menunjukkan pelajar mempunyai tahap kemahiran membuat rujukan yang tinggi. Item yang mendapat skor min tertinggi iaitu 3.20 (SP=0.53) adalah item 4 (*saya merujuk kepada rakan tentang perkara yang tidak difahami*) dan item 6 (*saya mencari bahan rujukan tambahan untuk membuat tugas*) dengan skor min 3.20 (SP=0.51) Item yang mendapat skor min terendah iaitu 2.89 (SP=0.67) adalah item 7 (*saya akan ke perpustakaan sekurang-kurangnya sekali seminggu untuk mendapatkan bahan rujukan yang diperlukan*) dan item 8 (*saya mahir menggunakan sistem di perpustakaan untuk mendapatkan bahan rujukan*) dengan skor min 2.89 (SP=0.64). Ini menunjukkan bahawa ramai pelajar bergantung kepada rakan dan bahan rujukan tambahan untuk memahami membuat tugas. Walaubagaimanapun, mereka mengakui jarang ke perpustakaan dan kurang mahir menggunakan sistem di perpustakaan untuk membuat rujukan.

Daripada lapan item yang disediakan dalam kemahiran belajar bagi aspek membuat rujukan, sebanyak dua item mendapat skor min kurang daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 7 dan 8. Sebanyak enam item mendapat skor min lebih daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 1, 2, 3, 4, 5 dan 6. Ini menunjukkan bahawa pelajar perlu membuat rujukan dan mencari bahan pembelajaran di perpustakaan. Malangnya mereka kurang berusaha untuk ke perpustakaan dan berkemahiran menggunakan sistem di perpustakaan dalam mencari dan membuat rujukan kuliah atau menyiapkan tugas.

4.2.3.6 Kemahiran Menghadapi Peperiksaan

Bahagian ini membincangkan Kemahiran Menghadapi Peperiksaan yang diamalkan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, UTM. Sebanyak sepuluh item disediakan untuk aspek ini. Dapatan dan analisis kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.8 seperti di bawah.

Jadual 5.8 : Analisis Min Kemahiran Belajar Pelajar Bagi Aspek Kemahiran Menghadapi Peperiksaan

Bil.	Pernyataan Item	Min (SP)	Tahap
1	Saya membaca buku/nota sekurang-kurangnya 3 hari lebih awal sebelum ujian atau peperiksaan.	2.90 (0.65)	Sederhana
2	Saya berasa tenang apabila masuk ke dalam dewan atau bilik peperiksaan.	2.83 (0.67)	Sederhana
3	Saya membuat persediaan seminggu lebih awal sebelum tarikh ujian atau peperiksaan.	2.79 (0.84)	Sederhana
4	Saya berasa tenang semasa menghadapi ujian atau peperiksaan.	2.83 (0.61)	Sederhana
5	Saya dapat membaca habis semua nota sebelum menghadapi ujian atau peperiksaan.	2.87 (0.68)	Sederhana
6	Saya dapat berfikir dengan baik semasa menjawab soalan ujian/peperiksaan.	2.98 (0.61)	Sederhana
7	Saya ada menyediakan jadual ulangkaji semasa peperiksaan semakin menjelang tiba.	2.90 (0.83)	Sederhana
8	Saya mengulangkaji topik yang susah dahulu.	2.82 (0.77)	Sederhana
9	Saya mengulangkaji sehingga larut malam semasa peperiksaan menjelang tiba.	3.02 (0.85)	Tinggi
10	Saya akan membuat anggaran soalan yang akan ditanya dalam peperiksaan semasa mengulangkaji.	2.85 (0.71)	Sederhana
Jumlah Purata Min		2.88 (0.72)	Sederhana

Jadual 5.8 menunjukkan skor min kemahiran belajar pelajar bagi aspek Kemahiran Menghadapi Peperiksaan. Pada keseluruhannya skor min bagi aspek kemahiran menghadapi peperiksaan berada antara nilai 2.79 hingga 3.02. Skor min keseluruhan kemahiran belajar pelajar bagi aspek kemahiran menghadapi peperiksaan adalah 2.88 (SP=0.72). Purata nilai min kurang daripada 3.0 menunjukkan pelajar mempunyai tahap kemahiran menghadapi peperiksaan yang sederhana. Item yang mendapat skor min tertinggi iaitu 3.02 (SP=0.85) adalah item 9 (*saya mengulangkaji sehingga larut malam semasa peperiksaan menjelang tiba*). Item yang mendapat skor min terendah iaitu 2.79 (SP=0.67) adalah item 3 (*saya membuat persediaan seminggu lebih awal sebelum tarikh ujian atau peperiksaan*). Ini menunjukkan bahawa pelajar mengakui membuat persediaan peperiksaan di saat akhir.

Daripada sepuluh item yang disediakan dalam kemahiran belajar bagi aspek menghadapi peperiksaan, sebanyak sembilan item mendapat skor min kurang daripada nilai 3.0 dan item tersebut adalah item 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan 10. Hanya item 9 mendapat skor min lebih daripada nilai 3.0. Ini menunjukkan bahawa pelajar masih kurang bersedia untuk menghadapi peperiksaan dan mereka kebiasaannya membuat persediaan menghadapi peperiksaan hanya di saat akhir. Keadaan ini menyebabkan pelajar tidak dapat menghabiskan ulangkaji, merasa tertekan semasa mengambil peperiksaan dan mengganggu prestasi akademik pelajar.

Penjelasan seterusnya dibuat untuk menjawab Persoalan Kajian 2 iaitu '*Apakah tahap kemahiran belajar di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan, UTM? Apakah aspek kemahiran belajar yang kurang diberi perhatian oleh pelajar?*' Rumusan analisis deskriptif menggunakan nilai min dibuat dengan menunjukkan tahap kemahiran belajar pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, UTM berdasarkan enam aspek kemahiran iaitu membaca, menulis nota, menguruskan masa, mendengar, membuat rujukan dan menghadapi peperiksaan.

Jadual 5.9 : Analisis Min Tahap Kemahiran Belajar Pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan, UTM

Aspek Kemahiran Belajar	Min (SP)	Tahap
Kemahiran Membuat Rujukan	3.09 (0.58)	<i>Tinggi</i>
Kemahiran Mendengar	3.04 (0.64)	<i>Tinggi</i>
Kemahiran Mengambil dan Menulis Nota	3.03 (0.71)	<i>Tinggi</i>
Kemahiran Membaca	2.94 (0.66)	Sederhana
Kemahiran Menghadapi Peperiksaan	2.88 (0.72)	Sederhana
Kemahiran Mengurus Masa	2.80 (0.75)	Sederhana
Jumlah Purata Min Keseluruhan	2.97 (0.70)	Sederhana

Kesimpulannya, Jadual 5.9 menunjukkan bahawa tahap kemahiran belajar pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan UTM adalah sederhana. Terdapat 3 aspek kemahiran

belajar yang mencapai tahap tinggi dengan nilai min melebihi daripada 3.00. Tiga kemahiran itu adalah 'kemahiran membuat rujukan' mendapat nilai min yang tertinggi iaitu 3.09 (SP=0.58), diikuti dengan kemahiran mendengar dengan skor min 3.04 (SP=0.64) dan di tempat ketiga adalah kemahiran menulis nota, min 3.03 (SP=0.71). Terdapat 3 kategori kemahiran belajar mencapai tahap sederhana dengan skor min kurang daripada 3.00. Aspek tersebut adalah kemahiran membaca, diikuti dengan kemahiran menghadapi peperiksaan dan dikedudukan min terendah adalah aspek kemahiran menguruskan masa.

4.3 Kesimpulan

Analisis dan dapatan kajian menunjukkan bahawa dua gaya pembelajaran yang paling dominan di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan adalah kategori Emosional dan kategori Psikologikal. Selain itu, gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar mengikut turutan adalah kategori Sosiologikal, Persekitaran dan akhirnya Fizikal. Dalam kategori persekitaran, pelajar memilih persekitaran yang bercahaya terang, sunyi dan duduk di kerusi yang selesa dan pelajar mengelakkan diri dari berada dalam persekitaran suhu panas. Dari segi kategori emosional, orientasi gaya belajar pelajar lebih kepada mementingkan mendapat markah yang tinggi atau gred yang baik. Di samping itu, pelajar juga menyatakan mereka memerlukan dorongan dan memberi tumpuan yang lebih pada mempelajari perkara baru atau tugas yang dinilai. Bagi kategori sosiologikal, pelajar dan lebih suka belajar bersendirian. Dalam kategori fizikal, pelajar mudah belajar melalui kaedah aktif seperti permainan dan waktu yang paling sesuai belajar adalah malam dan diikuti dengan waktu pagi. Waktu belajar yang paling tidak sesuai adalah waktu petang. Bagi kategori psikologikal pula, menunjukkan pelajar lebih inginkan kefahaman yang jelas dalam kuliah. Mereka lebih suka jika soalan ujian atau peperiksaan berbentuk objektif atau pengiraan kerana '*tidak perlu pemikiran yang mendalam*' atau '*tidak perlu menulis penerangan dan alasan jawapan*'. Walaubagaimanapun terdapat segelintir pelajar yang suka kepada soalan berbentuk esei atau matapelajaran yang melukis.

Tiga aspek kemahiran belajar pelajar yang berada di tahap tinggi mengikut turutan ialah kemahiran membuat rujukan dan diikuti dengan kemahiran mendengar dan kemahiran mengambil dan menulis nota. Tahap kemahiran membaca, menghadapi peperiksaan dan menguruskan masa berada di tahap sederhana dan perlu dipertingkatkan.

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bahagian Bab 5 adalah terdiri daripada rumusan, perbincangan dan cadangan kajian. Dapatan kajian yang diperolehi dalam Bab 4 akan dibincangkan dalam bab ini berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan dalam Bab 1. Akhirnya, cadangan dikemukakan untuk tujuan kajian lanjutan pada masa akan datang.

5.1 Rumusan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran dan tahap kemahiran belajar pelajar di Fakulti Pendidikan. Di samping itu, kajian ini juga melihat kepelbagaian gaya belajar dan gaya pembelajaran dominan yang diamalkan oleh pelajar. Tahap kemahiran belajar pelajar juga dikaji untuk mengesan kecenderungan dan kekuatan, dan kelemahan dan masalah yang dialami oleh pelajar.

Secara ringkasnya, hasil kajian ini boleh dirumuskan berdasarkan objektif kajian dan dinyatakan seperti berikut.

1. Daripada hasil kajian yang diperolehi, didapati kategori Emosional adalah paling dominan di antara lima kategori gaya pembelajaran yang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan pelajar mempunyai nilai motivasi yang tinggi. Kategori gaya pembelajaran yang kedua yang diamalkan oleh pelajar adalah kategori gaya Psikologikal. Kategori yang ketiga ialah kategori gaya Fizikal dan diikuti dengan kategori gaya Persekitaran dan akhirnya Sosiologikal.
2. Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran belajar pelajar adalah sederhana. Antara enam aspek yang dikaji, mengikut turutan tertinggi ke terendah adalah kemahiran membuat rujukan, diikuti dengan kemahiran mendengar, kemahiran mengambil dan menulis nota berada pada tahap tinggi. Ini diikuti oleh kemahiran membaca, kemahiran menghadapi peperiksaan dan kemahiran menguruskan masa yang berada pada tahap sederhana.

5.2 Perbincangan Kajian

Perbincangan hasil kajian ini adalah tertumpu kepada hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada analisis yang dibuat dalam bab IV. Gaya pembelajaran, kemahiran belajar dan masalah belajar yang dihadapi oleh pelajar pada ketika ini akan dibincangkan.

5.2.1 Gaya Pembelajaran Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan gaya pembelajaran kategori Emosional menduduki tempat pertama, kedua adalah kategori Psikologikal, diikuti ketiga ialah kategori Fizikal, keempat ialah kategori Persekitaran dan kelima oleh kategori Sosiologikal. Dapatan kajian ini menunjukkan gaya pembelajaran paling dominan yang diamalkan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Pendidikan adalah kategori Emosional. Di samping itu, satu lagi kategori gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar adalah Psikologikal. Dapatan ini menunjukkan bahawa amalan gaya pembelajaran pelajar di Fakulti Pendidikan sangat dipengaruhi oleh unsur emosi dan psikologi. Oleh itu, untuk keberkesanan pembelajaran adalah dicadangkan pensyarah di Fakulti Pendidikan perlu memberi tumpuan kepada unsur emosi dan psikologi. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian Low Xin Xin (2003) yang juga mendapati bahawa kategori Emosional paling dominan dalam gaya pembelajaran pelajar. Kategori yang kedua pula adalah kategori Psikologikal. Kategori ketiga adalah Sosiologikal dan diikuti dengan kategori Persekitaran dan Kategori Fizikal.

Dalam kajian ini, motivasi dalam kategori Emosional merupakan elemen yang paling dominan dalam gaya pembelajaran pelajar. Ini adalah selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Low Xin Xin (2003) yang menyatakan bahawa motivasi dan dorongan yang diberi kepada pelajar dapat membantu pembelajaran mereka. Pelajar akan berasa gembira apabila mendapat markah atau gred yang baik. Kesannya emosi dan motivasi pelajar akan meningkat baik apabila pelajar memperoleh markah atau gred yang baik. Selain itu, pelajar menyatakan maklum balas dan teguran daripada rakan, ibu bapa serta pensyarah perlu untuk mendorong pelajar dalam proses pembelajaran.

Menurut Model Dunn dan Dunn (1978), motivasi dikategorikan kepada dua jenis iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik adalah dorongan dalaman kepada pelajar untuk turut serta dalam pembelajaran. Dorongan ini adalah seperti keperluan, minat, sikap dan emosi yang semulajadi atau berpandu kepada kehendak persekitaran dan

pengalaman. Manakala motivasi ekstrinsik adalah pelajar memerlukan desakan atau galakan supaya bertindak untuk mendapatkan ganjaran. Dalam pembelajaran, ganjaran yang dimaksudkan adalah dalam bentuk markah, gred, hadiah dan kedudukan dalam kelas. Dengan adanya motivasi intrinsik dan ekstrinsik, pelajar akan berusaha bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan dalam bidang pengajian mereka.

Di samping itu, dapatan kajian mendapati pelajar akan melakukan kerja dengan baik sekiranya kerja itu akan dinilai atau menyumbang kepada gred kursus. Ini menunjukkan bahawa tumpuan belajar pelajar adalah kepada bertanding untuk mendapat gred yang tinggi dalam matapelajaran yang diambil. Untuk itu, pelajar mahukan tugas atau kerja yang diberikan kepada mereka diperjelaskan dengan arahan yang terperinci. Dunn dan Dunn (1978) menyatakan bahawa struktur arahan yang jelas dan berobjektif dapat meningkatkan kefahaman pelajar dan mendorong mereka untuk belajar dengan lebih tekun dan berkesan. Oleh itu, dengan adanya arahan yang jelas dan kerja yang berstruktur bagi sesuatu kerja yang dinilai, pelajar akan melakukan kerja atau tugas untuk mendapatkan gred yang baik.

Walaupun bagaimanapun, pelajar perlu mempunyai tanggungjawab yang tinggi. Individu yang bertanggungjawab akan melibatkan diri dalam proses pembelajaran dengan lebih bersungguh. Pelajar yang mempunyai tanggungjawab terhadap pelajarannya akan sentiasa melaksanakan tugasnya tanpa disuruh oleh orang lain (Dunn dan Dunn, 1978). Bagi kategori Psikologikal, pelajar meminta mereka mengetahui sesuatu tugas secara jelas sebelum mereka menyelesaikannya. Mereka inginkan tugas dijelaskan secara terperinci. Dapatan kajian menunjukkan pelajar lebih suka ujian berbentuk objektif yang tidak memerlukan pemikiran yang mendalam.

Merujuk kepada kategori Sosiologikal pula, kebanyakan pelajar suka bersendirian semasa belajar dan kadangkalanya suka belajar bersama kawan. Mereka akan belajar bersama jika mereka memerlukan perbincangan dan perkongsian idea-idea terutama dalam menyelesaikan tugas yang diberikan. Dari segi kategori Persekitaran pula, aspek pencahayaan paling mempengaruhi gaya pembelajaran seperti dalam dapatan kajian Low Xin Xin (2003). Pelajar lebih suka memilih tempat yang terang untuk belajar kerana pencahayaan yang samar akan menjejaskan kesihatan dan membuatkan mata cepat letih atau

cepat merasa mengantuk. Walaubagaimanapun dapatan kajian ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh Dunn dan Dunn (1978) dan Tobias (1996) yang menyatakan pelajar tidak dipengaruhi oleh cahaya dan mereka tidak mengendahkan keperluan cahaya semasa belajar.

Pelajar menyatakan mereka memerlukan keadaan yang sunyi semasa belajar. Bagi pelajar yang suka belajar dalam keadaan yang sunyi, mereka tidak dapat belajar secara kumpulan kerana bunyi perbincangan akan mengganggu tumpuan mereka. Bunyi bising akan mengganggu pelajar dan menyebabkan pelajar tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya dalam pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Ibrahim Abu Samah (1995) mendapati bahawa antara faktor pelajar kurang minat terhadap sesuatu pelajaran adalah disebabkan oleh persekitaran yang tidak menyenangkan. Persekitaran yang bising boleh mengganggu proses pembelajaran pelajar (Tajul Ariffin Nordin, 1993). Pelajar menjelaskan mereka memerlukan persekitaran yang sunyi dan senyap supaya mereka dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya terhadap pelajaran mereka. Di samping itu untuk belajar dengan lebih berkesan, pelajar perlu ada kerusi dan meja yang selesa. Selain itu, didapati pelajar lebih selesa belajar pada persekitaran yang mempunyai suhu dingin. Mengambil makanan dan bergerak seketika dapat merehatkan minda (Dunn dan Dunn, 1978).

Bagi kategori Fizikal, pelajar memberitahu mereka suka mempelajari sesuatu yang baru dan mereka suka belajar melalui kaedah permainan. Menurut Atan Long (1988), pembelajaran merupakan satu proses yang bermula dengan penangkapan rangsangan yang diterima oleh pancaindera. Para pelajar lebih suka untuk belajar pada waktu malam. Belajar pada waktu malam mempunyai persekitaran yang lebih sunyi dan tenteram. Di samping itu, pelajar juga merasakan waktu pagi juga merupakan masa yang kondusif untuk belajar kerana persekitaran yang sesuai.

5.2.2 Kemahiran Belajar Pelajar

Daripada enam aspek kemahiran belajar yang diukur, tiga kemahiran yang menunjukkan tahap min tinggi adalah Membuat Rujukan, Kemahiran Mendengar dan Kemahiran Menulis Nota dan seterusnya Kemahiran Membaca, Kemahiran Menghadapi Peperiksaan dan Kemahiran Menguruskan Masa mencapai nilai min sederhana. Kemahiran Membuat

Rujukan mendapat nilai min tertinggi manakala Kemahiran Menguruskan Masa mendapat nilai min terendah.

Kajian ini mendapati daripada enam kategori kemahiran belajar yang dikaji, pelajar memberikan tahap tertinggi bagi kategori Kemahiran Membuat Rujukan. Hasil perolehan ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Saliha Said (2004). Kemahiran membuat rujukan sangat penting dan perlu dikuasai oleh semua pelajar. Sebagai seorang pelajar, mereka tidak boleh bergantung kepada nota kuliah sepenuhnya, mereka perlu selalu membuat rujukan untuk menambah dan mengukuhkan lagi penguasaan mereka dalam sesuatu matapelajaran.

Kajian juga menunjukkan pelajar ada merujuk kepada rakan tentang perkara yang mereka tidak fahami atau mereka pergi mendapat tunjuk ajar daripada pengajar atau pensyarah (Abdul Ghani Awang, 1996). Pelajar perlu menyelesaikan semua keraguan yang dihadapi semasa proses pembelajaran, dengan ini mereka barulah boleh menyelesaikan masalah belajar dan memperoleh keputusan cemerlang. Pelajar juga perlu mencari bahan rujukan tambahan di perpustakaan untuk menambahkan kefahaman mereka dalam sesuatu mata pelajaran. Menurut Zubir (1984, dalam Abdul Ghani Awang, 1996), selepas sesuatu kuliah, pelajar perlulah mencari bahan rujukan yang berkaitan. Dengan adanya maklumat tambahan, pelajar akan lebih memahami bahan yang mereka mempelajari. Selain itu, pelajar juga perlu mencari maklumat tambahan untuk membuat tugas yang diberi oleh pensyarah. Selepas membuat tugas, pelajar akan lebih memahami lagi mata pelajaran yang dipelajari. Pelajar tidak boleh hanya bergantung kepada modul atau nota kuliah yang diberi oleh pensyarah semasa kuliah. Dengan adanya pengetahuan tambahan, pelajar akan lebih berkeyakinan dan berpengetahuan.

Selain mencari bahan rujukan di perpustakaan, pelajar juga mencapai tahap tinggi bagi item yang menyatakan pelajar selalu menggunakan ensiklopedia, jurnal, majalah dan internet sebagai bahan rujukan mereka. Ini adalah bertepatan dengan saranan Mohamed Fadzil (2001) yang menyatakan ensiklopedia atau bahan rujukan yang berteraskan ilmu pengetahuan sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat lanjut yang berkaitan dengan pembelajaran. Dengan merujuk kepada pendapat Salihan Siahs (1991) yang menyatakan bahawa pelajar tidak boleh hanya bergantung kepada nota-nota semasa kuliah. Maka para

pelajar perlu merujuk kepada bahan rujukan sedemikian untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam sesuatu mata pelajaran, ini juga dapat memudahkan mereka dalam membuat kertas kerja dan tugas. Untuk lebih cepat memahami bahan bacaan adalah lebih baik sebelum membaca sesebuah buku pelajar terlebih dahulu perlu membaca kepada tajuk-tajuk yang dituliskan pada halaman kandungan atau indeks buku itu. Tujuannya adalah untuk mengetahui isi kandungan secara keseluruhan yang terdapat dalam buku itu. Dapatan kajian penyelidik kurang bertepatan dengan pendapat Mohamed Fadzil (2001) yang menunjukkan pelajar yang merujuk kepada indeks terlebih dahulu sebelum merujuk kepada sesebuah buku dapat memahami isi pelajaran dengan lebih mudah.

Walaupun amalan pergi ke perpustakaan penting, dapatan kajian menunjukkan kekerapan responden pergi ke perpustakaan sekurang-kurangnya sekali seminggu adalah rendah. Hasil dapatan kajian ini selaras dengan pendapat Abdul Ghani Awang (1996) yang menyatakan sebahagian pelajar berasa malas atau malu untuk masuk ke perpustakaan. Pelajar dalam golongan ini takut kerana mereka tidak biasa dengan kemudahan dan sistem perpustakaan. Mereka takut tersalah pergi ke bahagian perpustakaan. Mereka tidak tahu arah yang harus ditujui dan berasa diri mereka seperti dalam perhatian orang ramai. Penggunaan perpustakaan perlu kepada pelajar untuk mencari bahan rujukan dan pengetahuan dan seharusnya pelajar perlu memahami segala kemudahan dan sistem perpustakaan yang wujud di tempat mereka belajar. Pelajar perlulah mengetahui prosedur dan peraturan yang perlu diikuti (Hasan Mohd. Ali, 1996). Abdul Ghani Awang (1996) menyatakan tugas perpustakaan adalah untuk membantu pelajar supaya dapat menggunakan perpustakaan dengan efektif. Sebagai pelajar, mereka perlu rajin bertanya kepada perpustakawan sekiranya mereka menghadapi sebarang masalah semasa menggunakan perpustakaan. Perpustakawan dapat memberi tunjuk ajar yang jelas kepada pelajar supaya dapat mencari maklumat dan bahan yang diperlukan dengan cepat dan berkesan.

Hasil dapatan kajian menunjukkan min tahap Kemahiran Menulis Nota adalah tinggi. Mencatat nota adalah satu kemahiran yang sangat penting kepada penuntut di Universiti. Ini adalah disebabkan sistem pembelajaran di Universiti adalah lebih berpusatkan kepada pensyarah (Saliha Said, 2004). Pelajar yang mencatat nota semasa pengajaran pensyarah mampu mengingat kembali isi-isi penting yang disampaikan oleh pensyarah dengan lebih mudah jika dibandingkan dengan pelajar yang hanya mendengar kuliah sahaja. Oleh itu,

kemahiran menulis nota yang betul amat diperlukan supaya pelajar tidak ketinggalan semasa mengikuti kuliah. Semasa membaca, pelajar perlu menanda atau menggariskan bahagian atau isi penting. Cara ini akan memudahkan pelajar semasa mengulangkaji pada masa akan datang. Pelajar boleh terus membaca kepada isi-isi penting yang telah ditanda atau digariskan (Gurmit Kaur, 2004).

Semasa membaca pelajar perlu memberi tumpuan kepada isi yang penting. Adalah penting bagi pelajar untuk mengetahui isi-isi penting dalam sesuatu mata pelajaran yang dipelajari. Dengan ini, pelajar boleh memberi tumpuan yang lebih kepada bahagian yang penting (Abdul Ghani Awang, 1996). Pelajar boleh mengamalkan teknik membaca secara 'scanning' iaitu membaca untuk mencari isi penting. Teknik mengimbas ini adalah satu kaedah membaca yang digunakan untuk mendapat maklumat atau isi penting di dalam sesuatu teks (Mohd. Nashuba Jamidin et al., 1996). Selain daripada tumpuan yang diberikan semasa belajar, pelajar juga perlu mengaitkan maklumat yang dibaca dengan pengetahuan sediaada. Pelajar perlu menganalisis maklumat, membuat rumusan dan kesimpulan seperti yang disarankan dalam Taksonomi Bloom. Kelemahan yang selalu berlaku ialah selepas membaca, pelajar tidak merumuskan isi topik dengan perkataan sendiri. Ini menunjukkan pelajar jarang membuat refleksi selepas membaca sesuatu topik. Witrock (1990) dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar boleh mengaitkan bahan yang dipelajari dengan pengetahuan sediaada semasa membuat refleksi.

Nota perlu dicatat dalam bentuk yang ringkas dan dapat difahami oleh pelajar sendiri. Pelajar boleh mewakili perkataan tertentu dengan menggunakan simbol yang mudah difahami. Terdapat juga sebilangan pelajar juga akan menyalin segala nota yang dipamerkan oleh pensyarah kerana mereka bimbang akan tertinggal fakta-fakta yang penting. Sebenarnya, anggapan ini adalah silap kerana ini akan membazirkan banyak masa (Padilah Haji Ali, 1986). Carmen dan Adams (1984) menyatakan pelajar hanya perlu mencatat nota yang penting sahaja dan menggunakan singkatan atau simbol untuk menggantikan perkataan yang panjang.

Untuk menulis nota yang baik, pelajar perlu menumpukan perhatian yang sepenuhnya semasa kuliah. Saski, Swicegood dan Carter (1983), menyatakan Kemahiran Menulis Nota yang berkesan memerlukan penglibatan pelajar secara aktif dalam menyusun maklumat agar dapat digunakan pada masa akan datang. Kemahiran ini memerlukan kebolehan seseorang pelajar untuk mendengar, memahami, mengenalpasti isi penting, memberi tumpuan kepada isi penting dan menyusunnya secara sistematik semasa kuliah. Di samping itu, pelajar juga perlu lebih tersusun dalam membuat nota seperti mempunyai buku catatan nota untuk menulis nota. Abdul Ghani Awang (1996) menyatakan seorang pelajar mempunyai buku khas untuk menulis nota serta mengetahui kaedah menggunakan kertas yang betul semasa mencatat nota. Terdapat sebahagian pelajar mengamalkan amalan tidak baik iaitu mereka menjimatkan kertas sehingga mencatat nota dengan tulisan yang sangat kecil. Amalan ini akan menyusahkan proses mengulangkaji pada masa akan datang. (Siti Hawa Munji, 1987). Abdul Ghani Awang (1996) menyatakan buku nota jenis 'loose ring' sesuai digunakan untuk menulis nota kerana ia akan memudahkan pelajar menambah atau membuang bahagian-bahagian nota yang tertentu bagi tujuan memperkemaskan nota tersebut. Tambahan pula, sebelum menulis nota, pelajar perlu menyediakan ruang 'kosong' untuk mencatat komen ketika membuat ulangkaji nanti.

Pelajar juga perlu menajamkan deria pendengaran supaya dapat memberi tumpuan yang dalam kuliah. Mohd Nashuha Jamidin et al. (1996) menjelaskan tumpuan mendengar akan terjejas jika individu itu tidak memberikan tumpuan yang tinggi dalam belajar atau kuliah. Bone (1988) pula berpendapat sebagai seorang pendengar yang baik haruslah melibatkan penggunaan telinga, mata dan hati semasa mendengar. Sebagai seorang pelajar pula perlu mempunyai kemahuan, minat, disiplin diri dan penumpuan yang sepenuhnya untuk mendengar kuliah yang disampaikan oleh pensyarah. Perkara utama Kemahiran Mendengar adalah memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada pensyarah yang sedang menyampaikan kuliah. Pelajar perlu mengabaikan semua gangguan yang berlaku di sekeliling bilik kuliah. Namun demikian untuk mencapai proses mendengar yang paling berkesan, pelajar perlu mencatat isi, maklumat dan fakta penting yang dinyatakan oleh pensyarah semasa kuliah (Abdul Rahim Selamat, 1989). Dapatan kajian yang dijalankan oleh Siti Hawa Munji (1989) menyatakan semasa mendengar pengajaran pensyarah, tumpuan utama adalah mendengar makna syarahan dengan teliti dan aktif. Pelajar-pelajar juga digalakkan berkongsi bahan atau

nota bersama dengan rakan yang lain. Pensyarah juga perlu memahami cara menyampaikan pengajaran dengan kaedah yang menarik supaya pelajar tidak berasa bosan dan dapat memberikan tumpuan terhadap isi penyampaian kuliah.

Kebanyakan pelajar didapati tidak mempunyai perancangan yang rapi sebelum peperiksaan bermula. Pelajar didapati masih belum menyediakan jadual ulangkaji dan hanya membuat ulangkaji semasa peperiksaan menjelang tiba. Keadaan ini boleh menimbulkan rasa tegang yang mungkin mengurangkan persediaan dan prestasi pelajar untuk menjawab soalan peperiksaan. Tabiat ini bertepatan dengan hasil dapatan kajian Siti Hawa Munji (1987) yang menunjukkan sebanyak 74.3% daripada respondennya mengaku bahawa mereka mengulangkaji pada saat-saat akhir. Keadaan ini akan menyebabkan mereka berasa lebih panik dan cemas lagi apabila soalan peperiksaan adalah di luar jangkaan (Padilah Ali, 1986). Tanpa perancangan jadual belajar yang terancang, pelajar selalu mengulangkaji sehingga larut malam semasa peperiksaan menjelang tiba. Keadaan ini boleh menjejaskan kesihatan dan daya ingatan. Pelajar yang tidak mempunyai tidur yang cukup akan menghadapi masalah untuk menumpukan perhatian yang sepenuhnya. Daya ingatan akan menjadi lemah dan keadaan ini akan mengganggu pelajar untuk mencurahkan segala maklumat yang telah dihafal semasa menjawab soalan peperiksaan (Muhammad Kamil Abdul Samad, 1999). Sebagai pelajar yang bijak dan bersedia, mereka perlu menjaga kesihatan yang baik dan tidur yang secukupnya terutamanya menjelang tibanya masa peperiksaan.

Pelajar yang mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan adalah mereka yang memahami kehendak soalan peperiksaan (Pauk, 1984). Menurut Carmen dan Adams (1984), pelajar perlu memberi perhatian kepada arahan dan kehendak soalan sebelum menjawab sesuatu soalan. Pelajar juga perlu mengambil perhatian kepada peruntukan markah untuk setiap soalan dan perlu membaca dan faham soalan secara keseluruhan. Pelajar perlu menyemak semula soalan yang telah dijawab supaya mereka tidak membuat kesilapan.

Dengan adanya mental yang bersedia, pelajar juga perlu bersedia dari segi fizikal. Pelajar perlu menyediakan segala peralatan yang diperlukan sebelum masuk ke dewan peperiksaan. Pelajar juga perlu tiba lebih awal di dewan peperiksaan untuk memilih tempat duduk yang selesa dari segi pencahayaan dan kurang gangguan luar (Pauk, 1984). Dengan ini, pelajar mampu menjawab soalan peperiksaan dalam keadaan yang tenang dan selesa. Pelajar juga

perlu memilih tempat duduk atau lokasi yang sesuai iaitu berdekatan dengan pensyarah supaya pelajar dapat memberi tumpuan yang tinggi terhadap kuliah yang disampaikan (Siti Hawa Munji, 1987). Dengan ini pelajar tidak akan ketinggalan dalam mencatatkan nota yang betul dan penting semasa pensyarah menyampaikan kuliah (Wan Izzuddin Wan Sulaiman dan Wan Hasni Wan Sulaiman, 1991).

Pelajar perlu mahir dalam menguruskan masa. Rahsia kejayaan seorang pelajar yang berprestasi tinggi adalah mempunyai pengurusan masa dengan cekap yang membolehkan mereka mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti dengan jayanya (Khalid Mohamed Noor, 2002). Padilah Ali (1994) menyatakan perancangan dan penyediaan jadual waktu dapat menunjukkan beban kerja sebenar yang dihadapi oleh pelajar. Dengan ini pelajar juga dapat merancang corak pembelajaran dan cara mengulangkaji yang sesuai. Zulkifli et al. (1993) menyatakan jadual waktu merupakan arah tuju dan panduan untuk pelajar belajar dengan lebih bersistematik. Malangnya, dapatan kajian mendapati pelajar masih tidak mempercayai kebaikan menyediakan jadual aktiviti dan jadual belajar harian. Terdapat juga pelajar yang tidak mengikuti jadual belajar yang telah dirancang. Padilah Ali (1986) dalam kajiannya juga mendapati majoriti pelajar tidak mendisiplinkan diri untuk mengikuti jadual yang telah dibuat dan sering belajar mengikuti sesuka hati. Mereka lebih suka membuat kerja lain dan malas untuk mengikuti jadual yang telah ditetapkan. Selain mempunyai masa untuk belajar, pelajar juga perlu mencari masa untuk berehat seperti beriadah, menonton TV dan berseronok bersama kawan. Sebagai seorang pelajar yang perlu mempunyai keseimbangan dari segi pembelajaran dan masa rehat.

5.3 Cadangan kajian

Berikut adalah cadangan kajian.

1. Pihak universiti boleh membantu pelajar mengamalkan gaya pembelajaran dan kemahiran belajar dengan merancang dan melaksanakan aktiviti yang dapat memberi lebih banyak pengalaman kepada pelajar. Contohnya seperti mengadakan bengkel belajar, seminar ataupun kursus yang berkaitan. Pihak universiti boleh menjemput pakar dalam bidang ini untuk memberi ceramah. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran pelajar tentang pentingnya gaya pembelajaran dan tahap penguasaan kemahiran belajar.

2. Seminar dan kursus bukan sahaja kepada pelajar, malahan pensyarah dan guru juga mengambil bahagian dalam aktiviti ini. Ini adalah disebabkan, sebagai seorang pensyarah atau guru perlu memahami gaya dan kemahiran belajar pelajar. Dengan ini, perancangan proses pengajaran akan lebih berkesan dan lebih menarik perhatian pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran lagi. Pensyarah atau guru perlu mendedahkan pengamalan kemahiran belajar yang betul kepada pelajar. Penerapan kemahiran belajar tidak semestinya dilakukan secara langsung, tetapi boleh menyemaikan amalan murni ini kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

4. Unit kaunseling seharusnya memainkan peranan yang lebih berkesan dengan menarik pelajar mengikuti sesi peningkatan pembinaan sikap dan tabiat supaya ianya dapat memupuk minat dan menyemarakkan semangat pelajar untuk belajar. Dengan ini, pelajar dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sendiri dalam pembelajaran. Di samping, pelajar juga perlu didedahkan kepada banyak kemahiran supaya dapat membentuk perwatakan dan kepimpinan diri yang penting pada kerjaya pelajar nanti. Di samping itu, pihak pengurusan universiti juga perlu sentiasa meningkatkan dan menyediakan kemudahan asas yang baik dan bersesuaian dengan keperluan pensyarah dan pelajar supaya mereka boleh menikmati keselesaan yang optima semasa proses pengajaran dan pembelajaran

5. Aspek yang paling penting adalah pelajar itu sendiri. Sebagai seorang pelajar perlu mempunyai sikap ingin menambah ilmu pengetahuan serta berdisiplin dalam melaksanakan kemahiran belajar yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran. Pelajar perlu bersungguh-sungguh mencari pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan. Pelajar perlu menanamkan semangat untuk berjaya dalam pembelajaran. Pelajar perlu mengambil inisiatif sendiri untuk mengkaji gaya pembelajaran dan kemahiran belajar yang paling bersesuaian dengan sendiri. Pelajar juga perlu didedahkan dengan pengetahuan gaya pembelajaran dan kemahiran belajar supaya mereka boleh mengenali kekuatan dan kelemahan diri dalam pembelajaran. Pelajar perlu mengukuhkan lagi kekuatannya dan memperbaiki kelemahan.

5.4 Cadangan Lanjutan

1. Kajian lanjutan perlu dijalankan ke atas sampel yang lebih besar dan ditetapkan latar belakang sampel bagi mendapatkan keesahan yang lebih tinggi.

2. Kajian lanjutan dijalankan pada kumpulan sampel yang sama dalam masa yang panjang untuk melihat sama ada gaya pembelajaran seseorang itu akan berubah mengikut masa atau tidak.
3. Kajian lanjutan dijalankan untuk melihat perbezaan antara pelajar yang telah didedahkan kepada pengetahuan gaya pembelajaran dan kemahiran belajar dengan pelajar yang sebaliknya.
4. Kajian lanjutan dijalankan untuk menentukan sama ada pensyarah menguasai pengetahuan gaya pembelajaran pelajar untuk menyesuaikan dengan gaya pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian lanjutan juga boleh dijalankan terhadap fakulti atau universiti yang lain seperti Fakulti Kejuruteraan Awam dan Universiti Sains Malaysia ataupun menyelidik gaya pembelajaran dan kemahiran belajar siswa dan siswi yang terdapat di Universiti Teknologi Malaysia.
5. Selain itu, kajian lanjutan berbentuk mencari hubungan antara gaya pembelajaran dan tahap kemahiran belajar dengan faktor seperti etnik, tahun pengajian, jantina, prestasi akademik, taraf sosioekonomi.

5.5 Kesimpulan

Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran dan kemahiran belajar masing-masing. Sebagai seorang pensyarah dengan pelajar, ibu bapa dengan anak-anak ataupun pelajar itu sendiri perlu memahami gaya pembelajaran yang diamalkan. Dengan ini, pensyarah boleh menyediakan kaedah pengajaran yang bersesuaian supaya boleh meningkatkan lagi minat pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar. Sebagai ibu bapa pula boleh memberi dorongan atau galakkan dan menyediakan kemudahan serta persekitaran yang bersesuaian kepada anak-anak mereka supaya anak-anak mereka berasa selesa semasa belajar. Selain daripada gaya pembelajaran, pelajar juga perlu mengetahui pengamalan kemahiran belajar masing-masing. Bukan setiap kemahiran yang digunakan itu betul, sebagai pelajar perlu mencari kemahiran belajar yang paling bersesuaian dengan diri sendiri supaya boleh mencapai proses pembelajaran yang efektif. Dengan ini, matlamat penubuhan Institusi Pengajian Tinggi untuk melengkapkan siswazah dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran demi menghadapi pelbagai cabaran di dunia pekerjaan akan tercapai.

RUJUKAN

Abdul Ghani Awang (1996). *Kemahiran Belajar Di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abdul Jalil Said (1997). *Persepsi Pelajar-pelajar Tahun Lima STP Terhadap Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Mereka Di Dalam Pembelajaran (Jentera, Elektrik, Awam) Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.

Abdul Rahim Selamat (1989). *Belajar Cara Belajar*. Kuala Lumpur: Nurin Entreprise.

Ahmad Amiruddin (1999). *Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar Dewasa Yang Meningkatkan Profesionalisme Di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.

Apps, J.W. (1990). *Study Skills For Today's College Student*. Madison: McGraw Hill.

Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Awang Had Salleh (1999). *Wawancara Malaysia Hari Ini*. TV3@mhi.com.my

Aziz Nordin (1991). *Ke Arah Pembentukan Pusat Perawatan Pembelajaran*. Jabatan Pendidikan Sains dan Teknik, Fakulti Sains UTM, Skudai.

Baharin Abu (2000). *Teaching Effectiveness and Staff Professional Development Programmes in HEI in Malaysia*. Published Doctoral Thesis, The University of Birmingham, UK.

Bass, G.M. dan Greay, W.T. (1996). Education Research Abstracts. *Accounting Education*, (1), 238-242.

Beech, H.R. Burn, L.E. dan Sheffield, B.F. (1982). *A Behavior Approach To The Management Of Stress*. United Kingdom: John Wiley and Sons.

Bell, M.E. (1972). *Learning and Instruction: Theory Into Practice*. New York: Macmillan Publishing Company.

Bone, D. (1988). *A Practical Guide To Effective Listening*. London: Kogan Page Ltd.

Britton, B. (1991). Effects Of Time Managemant Practices On College Grades. *Journal Of Educational Psychology*, 83, 405-409.

Canfield, A.A. (1977). *Learning Style Inventory Manual*. Plymouth: Humanies Inc.

Carmen, R.A. dan Adams, W.R. (1984). *Study Skill*. Canada: John Wiley & Sons, Inc.

Cece Wijaya (1996). *Pendidikan Remedial: Sarana Pengembangan Mutu Sumber Daya Manusia*. Bandung: Penerbit PT Remeja Rosdakarya.

Dunn, R. dan Stevenson, J.M (1997). Teaching Diverse College Students To Study A Learning Style Prescription. *College Student Journal*, 31(3): 333-339.

Dunn, R. dan Dunn, K. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach*. Reston, Virginia: Reston Publishing.

Edwards, P. (1991). *Seven Keys To Successful Study*. K. Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.

Ee Ah Meng (1989). *Pendidikan Di Malaysia: Untuk Guru Pelatih*. K. Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.

Einstein, G.O., Morris, J. dan Smith, S. (1985). Note-taking, Individual Differences, And Memory For Lecture Information. *Journal of Educational Psychology*, 77. 522-532

Felder, R.M. dan Henriques, E.R. (1995). Learning and Teaching Styles in Foreign and Second Language Education, *Foreign Language Annals*, 28(1), 21-21

Felder, R.M. dan Silverman, L.K. (1988). Learning and Teaching Styles in Engineering Education, *Engineering Education*, 78, 674-681

Garger, S. dan Guild, P. (1984). Learning Style: The Crucial Differences. *Curriculum Review*, 23(1), 9-12.

Godleski, E.S. (1984). *Learning Style Compatibility of Engineering Students and Faculty*. Proceedings Annual Frontiers In Education Conference, ASEE/IEEE, Philadelphia, 362

Gurmit Kaur a/p Gurcharam Singh (2004). *Amalan Kemahiran Belajar Pelajar Tahun 4 Program SPN, SPG, SPC dan SPF di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.

Hanifi Ismail (2001). *Tujuh Cabaran Menjadi Pelajar Cemerlang*. Cetakan Kedua. K. Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Hargreave, D.J. (1996). "How Undergraduate Students Learn." *European Journal of Engineering Education*, 21(4), 425-434.

Hasan Mohd. Ali (1996). *Strategi Belajar Yang Berkesan*. K. Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Hasnan Kasan (1994). *Ke Arah Studi Cemerlang*. Seremban: Graphic Art & Design.

Haynes, M.E. (1989). *Make Every Minute Count, How To Manage Your Time*

Effectively. London: Crisp Publication.

Hill, P.J. dan Potter, F.W. (1981). *Educational And Psychological Measurement And Evaluation* (6th ed.), Eaglewood Cliffs, N.J : Prentice Hall Inc.

Honey, P. dan Mumford, A. (1983). *Using Your Learning Styles*. Maidenhead: Peter Honey.

Honey, P. dan Mumford, A (1992). *The Manual of Learning Style*. (2nd ed.), United Kingdom: Peter Honey.

Howe, A. (1986). *How To Study*. London: Kogan Page Ltd.

Ibrahim Abu Samah (1995). *Keselesaan Dan Persepsi Pelajar Luar Bandar Terhadap Sumber Manusia Di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ishak Haron dan Koh, B.B. (1988). *Asas-asas Dalam Amalan Pedagogi*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Jabar Ibrahim (1992). *Lulus Peperiksaan*. K. Lumpur: Syarikat S. Abdul Majeed.

Kamaruddin Mat Rejab (2000). *Persepsi Tentang Amalan Kemahiran Belajar Di Kalangan SPA/E/J (KDPK) Dalam Pembelajaran*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana Muda. Tidak diterbitkan.

Kamaruddin Haji Kachar (1984). *Beberapa Kelemahan Pelajar Bumiputera Di Peringkat Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia*. Universiti Pertanian Malaysia.

Kamaruddin Haji Kachar (1989). *Pendidikan Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.

Kamus Dewan Edisi Baru (2000). K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kerlinger, F. N. (1973). *Multiple Regression In Behavioural Research*. New York: Holt, Rinehart & Winston.

Khalid Mohamed Noor (2002). *Belajar Teknik Belajar*. Kuala Lumpur: PTS Publication And Distributor Sdn. Bhd.

Klavas, A. (1994). Learning Style Program Boosts Achievement And Test Scores. *Clearing House*. Vol. 67(3): 149.

Kolb, D.A. (1984), *Experiential Learning: Experience As The Source Of Learning And Development*. New Jersey: Prentice Hall, Inc., Eaglewood Cliffs.

Lee Shok Mee (1991). *Asas Pendidikan Psikologikal Dalam Bilik Darjah*. K. Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Lee Shok Mee (1998). *Psikologi Pendidikan II: Teori Dan Aplikasi Psikologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Low Xin Xin (2003). *Pola Gaya Pembelajaran Pelajar-pelajar Di Kelas Lukisan Kejuruteraan Sekolah Menengah Sains Muar*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.

Maslin Sulaiman (2002). *Masalah Yang Dihadapi Oleh Tenaga Pengajar Atau Guru Teknikal Bukan Siswazah Terhadap Profesion Perguruan Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.

Mercer, C.D. dan Mercer, A. R. (1998). *Teaching Student With Learning Problem*, (5th ed.), New Jersey: U.S.A. Prentice-Hall, Inc.

Mohamed Fadzil (2001). *Kaedah Membaca Optimum*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Mohd Arif Abdul Rani (1995). *Masalah Utama Yang Dihadapi Oleh Pelajar Tahun Tiga Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.

Mohd Daud Hamzah (1990). *Emosi Dalam Pembelajaran*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Noh Bahar (1994). *Faktor-faktor Yang Mendorong Minat Pelajar-pelajar Di Sekolah Menengah Vokasional*. Universiti Teknologi Malaysia. Laporan PSM. Tidak diterbitkan

Mohd Yusof Othman (2000). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Selangor: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

Mohd. Nashuha Jamidin et al. (1999). *Kemahiran Berfikir Dan Belajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang (2001). *Psikologi Pendidikan untuk Diploma Perguruan*. Subang Jaya: Kump Budiman Sdn. Bhd.

Muhammad Kamil Abdul Samad (1999). *Bagaimana Anda Belajar Dan Cemerlang*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Noraini Ahmad (1994). *Pengurusan Masa*. (Edisi 2). K. Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Oxford, R., Ehrman, M. dan Lavine, R. (1991). *Style Wars: Teacher-Student Style Conflicts in the Language Classroom*. In Magnan, S. (ed.). *Challenges in the 1990's for College Foreign Language Programs*. Boston: Heinle and Heinle.

Padilah Ali (1986). *Petua Membuat Nota Yang Baik*. Dewan Siswa, 23.

Padilah Ali (1994). *Teknik Belajar Untuk Kejayaan*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pauk, W. (1984). *How To Study In College*. Boston: Houghton Mifflin Company.

Pfeifer, J.E. dan Ogloff, J.R.P. (1991). *Making The Grade: Strategies For Succeeding At University*. Canada: Department Of Psychology, Simon Fraser University, Burnaby.

Rahil Mahyuddin, Abdul Majid Mohd. Isa, Zaidatul Akmaliah Lopie Pihie (1995). *Asas Pendidikan II : Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Malaysia: Longman.

Reber, R.W. dan Beech, C.V. (1982). *Behavioral Insight For Supervisions*. London: Prentice-Hall.

Saliha Binti Said (2004). *Amalan Kemahiran Belajar di Kalangan Pelajar Bumiputera. Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa, Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda. Tidak diterbitkan

Salihan Siais (1991). *Teknik Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur: Siri Maju Sdn. Bhd.

Saniah Sayuti et al. (2000). *Psikologi Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Santhi Suppiah (1998). *Satu Tinjauan Terhadap Perbandingan Strategi Belajar Bagi Pelajar-pelajar Aliran Sains Tingkatan Empat Sekolah Menengah (P) Methodish Kuala Lumpur*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.

Sarena Binti Abdul Karim (2003). *Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Di Dua Buah Sekolah Di Negeri Sembilan*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.

Saski, J., Swicegood, P. dan Carter, J. (1983). *Notetaking Formats For Learning Disabled Adolescents*. *Learning Disabilities Quarterly*, 6. 265-272

Selmen, I. (1987). *Improving Study Skills*. London: Hadder and Stoughton.

Shamsudin (1990). *Kemurungan Di Kalangan Pelajar-pelajar Rendah Motivasi dan Pencapaian Akademik*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Latihan Ilmiah. Tidak Diterbitkan.

- Sharifah Alwiah Alsagoff (1987). *Psikologi Pendidikan II*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Siti Hawa Munji (1987). *Kajian Penggunaan Teknik Belajar Oleh Pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Sarawak*. Sarawak: Universiti Pertanian Malaysia.
- Siti Hawa Munji (1989). *Strategi Belajar: Lulus Peperiksaan*. K. Lumpur: Usaha C & L Sdn. Bhd.
- Siti Hawa Munji (1990). *Pengantar Psikologi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Smith, L.H. dan Renzulli, J.S. (1984). Learning Style Preferences: A Practical Approach for Classroom Teachers. *Theory in Practice*, 23, 144-50
- Sulaiman Masri (1996). *Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Nordin (1993). *Pendidikan Suatu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taylor, B.M. dan Maruyama, G. (1990). Time Spent Reading And Reading Growth. *American Educational Research Journal*. vol. 5(3): 351-362.
- Tobias, C. U. (1996). "Cara Mereka Belajar." Indonesia: Harvest Publishing House.
- Toh Hon Leong (2000). *Rahsia Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. Sdn. Bhd.
- Wan Izzuddin Wan Sulaiman dan Wan Hasni Wan Sulaiman (1991). *Strategi Belajar Yang Berkesan*. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services Sdn. Bhd.
- Watkins, D. (1982). "Factors Influencing The Study Methods Of Australia Tertiary Students. *Higher Education*. vol. 11, 369-380.
- Widad Othman (1998). *Kaedah Mengajar Lukisan Kejuruteraan*. Nota Kuliah. Tidak Diterbitkan.
- Wiley, D.E. and Harnischfeger, A. (1974). Explosion Of A Myth: Quality Of School And Exposure To Instruction. *Educational Researcher*, 7-12
- Witrock, M.C. (1990). Generative Process of Comprehension. *Educational Psychologist*. 24(4): 345-376

Yahya Othman (2003). *Mengajar Membaca, Teori & Aplikasi, Panduan Meningkatkan Kemahiran Mengajar Membaca*. Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Yee Mei Heong (2002). *Pola Gaya Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik di Daerah Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM. Tidak diterbitkan.

Zulkifli Ismail, Sharifah Mazlin Syed Ali dan Mazlan Mohd Yusof (1995). *Menjadi Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

LAMPIRAN A

FAKULTI PENDIDIKAN
Universiti Teknologi Malaysia

Borang Soal Selidik

**Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Pelajar Universiti
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia**

Perhatian:

Borang ini mengandungi dua (2) bahagian, iaitu Bahagian A dan B.

Bahagian A: Maklumat Responden

Bahagian B: Mengandungi 99 soalan

Soal selidik ini mengambil masa selama 20 minit untuk disempurnakan. Keikhlasan dan kerjasama yang diberikan amat dihargai. Terima Kasih.

Penyelidik:

DR BAHARIN ABU (Ketua)

PM DR OTHMAN MD JOHAN

PM SYED MOHD SHAFIQ SYED MANSOR

PN HALIZA JAAFAR

Fakulti Pendidikan

UTM, Skudai Johor

BAHAGIAN A :

Latar Belakang Pelajar

ARAHAN : *Sila tandakan [✓] pada ruangan yang telah disediakan atau tuliskan maklumat yang dikehendaki*

1. Umur: _____ tahun (*sila tuliskan*)

2. Jantina
[] Lelaki
[] Perempuan

3. Bangsa
[] Melayu
[] Cina
[] India
[] Lain-Lain (*sila tuliskan*) _____

4. Tahun pengajian
[] Tahun 1
[] Tahun 2
[] Tahun 3
[] Lain-Lain (*sila tuliskan*) _____

5. Program pengajian
[] Program Perdana (Kemasukan Tahun Satu) (*pilih samada program a, b atau c*)
 - a. kumpulan sains sosial (cth: SPL, SPI, SPB)
(sila tuliskan) _____
 - b. Kumpulan sains matematik (cth: SPN, SPG, SPK, SPT, SPP, SPF, SPC, SPM)
(sila tuliskan) _____
 - c. Kumpulan teknik vokasional (cth: SPA, SPE, SPJ, SPH)
(sila tuliskan) _____

- [] Program Kemasukan Terus Tahun 2 (*pilih samada program a, b atau c*)
 - a. [] PKPG (cth kumpulan: SPA, SPE, SPJ, SPH)
 - b. [] PPLD (cth kumpulan SPN, SPG, SPK, SPT, SPP, SPF, SPC, SPM)
 - c. [] Matrikulasi

6. Keputusan peperiksaan SPM yang lalu (*sila tuliskan*)
Gred: _____ Aggregated: _____

7. Keputusan peperiksaan semester yang lalu (*sila tuliskan*)
Purata Gred Poin (GPA): _____ Purata Terkumpul Gred Poin (CPA): _____

BAHAGIAN B :

ARAHAN : Nyatakan pendapat anda bagi setiap kenyataan yang diberi dengan membulatkan nombor yang disediakan berdasarkan petunjuk berikut :

SANGAT SETUJU (SS)	4
SETUJU (S)	3
TIDAK SETUJU (TS)	2
SANGAT TIDAK SETUJU (STS)	1

A. GAYA PEMBELAJARAN INDIVIDU PELAJAR

Bil.	KENYATAAN	SS	S	TS	STS
1.	Saya dapat belajar dengan baik dalam suasana yang sunyi.	4	3	2	1
2.	Saya dapat belajar dengan baik dalam keadaan yang bising.	4	3	2	1
3.	Saya lebih suka memilih tempat yang terang untuk belajar.	4	3	2	1
4.	Saya boleh belajar dalam persekitaran cahaya samar.	4	3	2	1
5.	Saya berasa lebih selesa untuk belajar pada suhu yang panas.	4	3	2	1
6.	Saya berasa lebih selesa untuk belajar pada suhu yang dingin.	4	3	2	1
7.	Saya suka belajar dengan duduk di kerusi dan meja.	4	3	2	1
8.	Saya suka belajar dengan berbaring di atas katil atau lantai.	4	3	2	1
9.	Saya berasa mengantuk jika duduk di atas kerusi semasa belajar.	4	3	2	1
10.	Saya mahu mendapatkan gred yang baik.	4	3	2	1
11.	Maklum balas dan teguran daripada ibu bapa serta guru dapat mendorong saya dalam proses pembelajaran.	4	3	2	1
12.	Saya berasa gembira apabila mendapat markah atau gred yang baik di sekolah.	4	3	2	1
13.	Tiada orang mengambil berat dengan pencapaian saya.	4	3	2	1
14.	Saya dapat menghasilkan kerja yang terbaik dalam masa yang singkat.	4	3	2	1
15.	Apabila saya belajar, saya akan menumpukan sepenuh perhatian sehingga saya dapat menyiapkan kerja.	4	3	2	1
16.	Saya suka mempelajari sesuatu yang baru.	4	3	2	1
17.	Saya berasa sukar untuk menyelesaikan semua kerja saya.	4	3	2	1
18.	Saya mudah bosan dalam melakukan sesuatu perkara menyebabkan saya ingin membuat sesuatu yang baru.	4	3	2	1

19.	Saya menyelesaikan kerja yang telah saya mulakan.	4	3	2	1
20.	Saya menghabiskan kerja rumah saya tepat pada masanya.	4	3	2	1
21.	Saya melakukan sesuatu perkara yang telah saya janjikan.	4	3	2	1
22.	Saya selalu lupa untuk membuat atau menghabiskan kerja rumah saya.	4	3	2	1
23.	Saya melakukan kerja saya dengan baik jika ianya akan dinilai.	4	3	2	1
24.	Saya ingat untuk melaksanakan jika dipesan.	4	3	2	1
25.	Saya selalu melaksanakan tugas yang telah diberikan.	4	3	2	1
26.	Saya suka melakukan kerja dengan cara sendiri.	4	3	2	1
27.	Saya suka belajar secara bersendirian.	4	3	2	1
28.	Saya suka belajar bersama dengan seorang atau dua orang rakan.	4	3	2	1
29.	Saya suka belajar secara berkumpulan bersama ramai rakan sebaya.	4	3	2	1
30.	Saya suka ditemani oleh orang dewasa semasa belajar.	4	3	2	1
31.	Kadangkala saya suka bersendirian semasa belajar, kadangkala saya suka belajar bersama kawan saya.	4	3	2	1
32.	Saya dapat mengingat dengan baik mengenai apa yang saya baca.	4	3	2	1
33.	Saya dapat mengingat dengan baik mengenai apa yang saya tulis.	4	3	2	1
34.	Saya dapat mengingat dengan baik mengenai apa yang saya dengar.	4	3	2	1
35.	Saya suka mempelajari sesuatu yang baru melalui permainan.	4	3	2	1
36.	Saya dapat belajar dengan lebih baik jika saya belajar sambil makan dan minum	4	3	2	1
37.	Saya tidak suka makan dan minum semasa belajar.	4	3	2	1
38.	Saya dapat mengingat dengan baik jika saya belajar pada awal pagi.	4	3	2	1
39.	Saya dapat mengingat dengan baik jika saya belajar pada waktu petang.	4	3	2	1
40.	Saya dapat mengingat dengan baik jika saya belajar pada waktu malam.	4	3	2	1
41.	Saya boleh duduk belajar di satu tempat untuk jangka masa yang lama.	4	3	2	1
42.	Saya tidak boleh duduk belajar di satu tempat untuk jangka masa yang lama.	4	3	2	1
43.	Semasa belajar saya suka bangun untuk melakukan sesuatu (seperti mendapatkan minuman dan biskut).	4	3	2	1
44.	Saya perlu mengetahui sesuatu tugas secara keseluruhan sebelum saya mengerjakan bahagian-bahagian atau langkah-langkah tersebut.	4	3	2	1

45.	Saya lebih suka ujian berbentuk esei yang perlu menulis penerangan dan alasan jawapan.	4	3	2	1
46.	Saya lebih suka ujian berbentuk objektif yang tidak memerlukan pemikiran yang mendalam.	4	3	2	1
47.	Saya lebih suka mata pelajaran yang melibatkan pengiraan (matematik).	4	3	2	1
48.	Saya lebih suka mata pelajaran yang melibatkan lukisan (lukisan kejuruteraan).	4	3	2	1

B. KEMAHIRAN BELAJAR

i. Kemahiran Membaca

Bil.	PERNYATAAN	SS	S	TS	STS
1.	Saya membaca dengan suara yang kuat semasa membaca.	4	3	2	1
2.	Saya membaca perkataan demi perkataan semasa membaca.	4	3	2	1
3.	Saya mengambil masa yang panjang untuk memahami topik dalam buku.	4	3	2	1
4.	Saya ada mengaitkan maklumat yang dibaca dengan pengetahuan sedia ada.	4	3	2	1
5.	Saya ada mencari isi-isi penting semasa membaca.	4	3	2	1
6.	Saya mengerakkan bibir semasa membaca.	4	3	2	1
7.	Saya mengkaji setiap rangka topik dahulu sebelum saya mula membaca.	4	3	2	1
8.	Saya ada membuat ulangkaji untuk bahagian yang saya tidak fahami.	4	3	2	1
9.	Saya memberikan tumpuan kepada isi penting semasa membaca.	4	3	2	1
10.	Selepas membaca, saya merumuskan isi topik dengan perkataan saya sendiri.	4	3	2	1

ii. Kemahiran Menulis Nota

Bil.	PERNYATAAN	SS	S	TS	STS
1.	Saya ada menulis nota ringkas semasa membaca.	4	3	2	1
2.	Saya mempunyai buku catatan nota untuk menulis nota.	4	3	2	1
3.	Saya menulis nota perkataan demi perkataan.	4	3	2	1
4.	Saya menggunakan perkataan singkatan semasa menulis nota.	4	3	2	1
5.	Saya mencari maklumat tambahan untuk melengkapkan nota.	4	3	2	1
6.	Saya menumpukan perhatian sepenuhnya semasa kuliah.	4	3	2	1
7.	Saya menulis isi penting semasa membaca.	4	3	2	1

8.	Saya sempat mencatat semua nota yang diberikan oleh pensyarah semasa kuliah.	4	3	2	1
9.	Saya menggunakan warna pen yang sama sahaja untuk mencatatkan nota.	4	3	2	1
10.	Saya ada menggariskan isi atau ayat nota penting	4	3	2	1
11.	Saya ada menyalin nota daripada rakan sekelas.	4	3	2	1
12.	Semasa membaca, saya akan menanda atau menggariskan bahagian atau isi penting.	4	3	2	1

iii. Kemahiran Menguruskan Masa

Bil.	PERNYATAAN	SS	S	TS	STS
1.	Saya menyediakan jadual aktiviti dan belajar harian.	4	3	2	1
2.	Saya menetapkan masa belajar sekurang-kurangnya 3 jam sehari.	4	3	2	1
3.	Saya mempunyai masa beriadah, menonton TV dan berbual-bual bersama dengan kawan.	4	3	2	1
4.	Saya mengikuti jadual waktu dan belajar yang telah dirancangan.	4	3	2	1
5.	Saya merekodkan semua aktiviti yang dibuat di dalam diari.	4	3	2	1
6.	Saya ada merancang mengurus masa belajar dengan baik pada awal semester lagi.	4	3	2	1
7.	Saya mempunyai masa yang cukup untuk belajar.	4	3	2	1
8.	Saya menghadiri kelas pada masa yang telah ditetapkan.	4	3	2	1
9.	Saya membahagikan masa belajar yang cukup untuk setiap mata pelajaran.	4	3	2	1
10.	Saya mengelakkan terlibat dengan aktiviti yang mengganggu jadual belajar harian saya.	4	3	2	1

iv. Kemahiran Mendengar

Bil.	PERNYATAAN	SS	S	TS	STS
1.	Saya mempunyai deria pendengaran yang baik.	4	3	2	1
2.	Saya dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap isi kandungan kuliah	4	3	2	1
3.	Saya berusaha mengikuti kuliah dengan teliti.	4	3	2	1
4.	Saya ada membuat catatan semasa mendengar kuliah.	4	3	2	1
5.	Saya menghindarkan suara semasa mendengar kuliah.	4	3	2	1

v. Kemahiran Membuat Rujukan

Bil.	PERNYATAAN	SS	S	TS	STS
1.	Bahan rujukan yang saya gunakan adalah ensiklopedia, jurnal, majalah dan internet.	4	3	2	1
2.	Saya ada mencari bahan rujukan di perpustakaan.	4	3	2	1

3.	Saya merujuk kepada indeks terlebih dahulu sebelum membuat rujukan.	4	3	2	1
4.	Saya merujuk kepada rakan tentang perkara yang tidak difahami.	4	3	2	1
5.	Saya merujuk kepada kamus untuk mencari makna perkataan yang tidak difahami	4	3	2	1
6.	Saya mencari bahan rujukan tambahan untuk membuat tugas.	4	3	2	1
7.	Saya akan ke perpustakaan sekurang-kurangnya sekali seminggu untuk mendapatkan bahan rujukan yang diperlukan.	4	3	2	1
8.	Saya mahir menggunakan sistem di perpustakaan untuk mendapatkan bahan rujukan.	4	3	2	1

vi. Kemahiran Menghadapi Peperiksaan

Bil.	PERNYATAAN	SS	S	TS	STS
1.	Saya membaca buku/nota sekurang-kurangnya 3 hari lebih awal sebelum ujian atau peperiksaan.	4	3	2	1
2.	Saya berasa tenang apabila masuk ke dalam dewan atau bilik peperiksaan.	4	3	2	1
3.	Saya membuat persediaan seminggu lebih awal sebelum tarikh ujian/peperiksaan.	4	3	2	1
4.	Saya berasa tenang semasa menghadapi ujian atau peperiksaan.	4	3	2	1
5.	Saya dapat membaca habis semua nota sebelum menghadapi ujian/peperiksaan.	4	3	2	1
6.	Saya dapat berfikir dengan baik semasa menjawab soalan ujian/peperiksaan.	4	3	2	1
7.	Saya ada menyediakan jadual ulangkaji semasa peperiksaan semakin menjelang tiba.	4	3	2	1
8.	Saya mengulangkaji topik yang susah dahulu.	4	3	2	1
9.	Saya mengulangkaji sehingga larut malam semasa peperiksaan menjelang tiba.	4	3	2	1
10.	Saya akan membuat anggaran soalan yang akan ditanya dalam peperiksaan semasa mengulangkaji.	4	3	2	1

BAHAGIAN C : Masalah Pembelajaran

1. Jelaskan masalah belajar yang anda hadapi pada ketika ini.

2. Berikan cadangan untuk memperbaiki masalah belajar yang anda hadapi.
